

## LAPORAN TAHUNAN 2020



*Rakan Kongsi Kemajuan awda di Sepanjang Perjalanan 2020*



## Mengenai Kami

BIBD, bank terbesar dan institusi kewangan Islam ulung di Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada tahun 2005 melalui penggabungan Islamic Bank of Brunei dan Islamic Development Bank of Brunei. Sebagai sebuah institusi kewangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, BIBD ditadbir mengikut amalan terbaik global di bawah bimbingan Lembaga Pengarah. BIBD komited untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dari segenap lapisan masyarakat melalui inovasi perkhidmatan, produk dan teknologi yang berterusan.

BIBD ialah sebuah Bank untuk rakyat Brunei yang dibina oleh rakyat Brunei. Etos kami mengungkap dengan sempurna keseluruhan intipati perbankan Islam. Kami menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang bijak, selamat dan praktikal kepada pelanggan kami tanpa mengira kaum atau anutan agama, yang pada dasarnya mendukung cita-cita masyarakat Brunei. Pengalaman beroperasi sebagai sebuah Bank yang memahami aspirasi dan budaya Negara Brunei Darussalam secara tulus telah memberikan inspirasi dan membolehkan kami untuk terus berinovasi dalam menawarkan penyelesaian yang paling sesuai dengan keperluan semua pelanggan kami.



# ISI KANDUNGAN



## 01 Gambaran Keseluruhan .....04

- Visi, Misi dan Nilai-Nilai .....05
- Berjiwa Brunei .....07
- Pernyataan Pengerusi .....08
- Prakata Pengarah Urusan .....14
- Warga Kami .....21



## 02 Tadbir Urus Korporat .....41

- Laporan Tadbir Urus Korporat  
(Bagi Tahun Kewangan Yang Berakhir  
Pada 31 Disember 2020) .....42
- Badan Penasihat Syariah .....72



## 03 Ulasan Tahun 2020 .....75

- Ringkasan Aktiviti BIBD .....76
- Sorotan Kewangan Kumpulan .....77
- Penghargaan dan Pengiktirafan .....78



## 04 Berkhidmat Untuk Negara .....79

- COVID-19 Bersama-sama Meratakan  
Lengkungan .....80
- Meraikan Warisan Kita .....82
- Mengongsikan Rezeki Kami .....83



## 05 Berkhidmat Untuk Industri .....85

- Bantuan COVID .....86
- Meningkatkan Kesedaran mengenai  
Perbankan Islam .....87
- Memperkenalkan Produk Pelaburan  
Patuh Syarak ke Pasaran Tempatan .....88
- Pameran MSME .....89



## 06 Berkhidmat Untuk Pelanggan .....90

- Memangkin Masyarakat Tanpa Tunai .....91
- Memenuhi Aspirasi Awda .....93



## 07 Berkhidmat Untuk Masyarakat .....94

- Memperkasa Belia .....95
- Melabur dalam Pemimpin Masa Depan .....97
- Memupuk Keusahawanan .....98
- Landasan Bagi Aktiviti Kemasyarakatan .....99



## 08 Berkhidmat Untuk Kakitangan .....101

- Berkhidmat Untuk Kakitangan Kami .....102
- Menggalakkan Penglibatan Pekerja .....103



## 09 Ulasan Perniagaan .....105

- Kumpulan Perbankan Runcit .....106
- Kumpulan Perbankan Korporat .....109
- Perbendaharaan dan Pasaran Global .....112
- BIBD Securities .....114



## 10 Sokongan Perniagaan .....117

- Pejabat Ketua Pegawai Operasi .....118
- Kumpulan Kewangan dan Strategi .....124
- Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan .....126
- Pejabat Ketua Pegawai Pemasaran .....132
- Bahagian Syariah .....135
- Bahagian Perhubungan Kerajaan  
dan Projek Khas .....137

# Gambaran Keseluruhan

**"BIBD ialah sebuah Bank untuk rakyat Brunei yang dibina oleh rakyat Brunei. Etos kami mengungkap dengan sempurna keseluruhan intipati perbankan Islam. Kami menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang bijak, selamat dan praktikal kepada pelanggan kami tanpa mengira kaum atau anutan agama, yang pada dasarnya mendukung cita-cita masyarakat Brunei."**

- 1.1 Visi, Misi dan Nilai-Nilai
- 1.2 Berjiwa Brunei
- 1.3 Pernyataan Pengerusi
- 1.4 Prakata Pengarah Urusan
- 1.5 Warga Kami

# 01



## Visi

Berkhidmat kepada Negara Brunei Darussalam sebagai institusi kewangan utamanya melalui solusi Islam

(Institusi Tanda Aras dan Titik Rujukan - Bertanggungjawab bagi penyatuan nilai-nilai Islam, Ekonomi Sebenar dan Kewangan)

## Misi

Menjadi Bank Islam Terbaik di Asia-Pasifik



## Nilai-nilai

Integriti

Tumpuan kepada Pelanggan

Matlamat Bersepadu

Kecemerlangan

## Profil Korporat

BIBD, bank terbesar dan institusi kewangan Islam ulung di Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada tahun 2005 melalui penggabungan Islamic Bank of Brunei dan Islamic Development Bank of Brunei. Sebagai sebuah institusi kewangan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, BIBD ditadbir mengikut amalan terbaik global di bawah bimbingan Lembaga Pengarah. BIBD komited untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dari segenap lapisan masyarakat melalui inovasi perkhidmatan, produk dan teknologi yang berterusan.


Sebagai bank Islam ulung dan penyedia perkhidmatan kewangan terbesar di Negara Brunei Darussalam, dengan lebih 1000 warga kerja dan aset bernilai B\$9.7 bilion, kami berbangga dapat menawarkan perkhidmatan kepada lebih 216,000 pelanggan, yang terdiri daripada pelanggan retail, korporat dan antarabangsa.

Beribu pejabat di Bandar Seri Begawan, BIBD mempunyai lapan belas cawangan di lokasi strategik di empat daerah di Negara Brunei Darussalam serta rangkaian ATM terbesar di negara ini, dan menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada satu perempat penduduk Negara Brunei Darussalam. Lokasi BIBD yang terdapat di seluruh negara membolehkan kami memiliki pusat hubungan terbesar di negara yang juga menyediakan kemudahan perbualan mudah-alih digital (digital mobile chat), dan menawarkan kemudahan penyelesaian seperti perbankan internet dan mudah alih kepada pelanggan kami.

BIBD adalah satu-satunya bank di negara ini yang menawarkan perkhidmatan kepada semua segmen pasaran di perbankan pelanggan. Dengan tumpuan utama kepada inovasi dan kecemerlangan, BIBD telah diiktiraf untuk keunggulan perkhidmatan pelanggannya dan keupayaan untuk menyampaikan nilai terbaik kepada semua pihak berkepentingan secara konsisten. Hasil kerja keras, usaha dan komitmen yang berterusan daripada warga kerja BIBD telah membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lancar dan berinovatif kepada pelanggan, serta memastikan bahawa pengalaman perbankan mereka bersama kami adalah unik dan terbaik dalam kelasnya.

Sejak bermulanya perjalanan transformasi kami, BIBD telah mencapai beberapa kemajuan besar dari segi kebolehannya. Ini termasuk peningkatan dalam keseluruhan penyampaian perkhidmatan dan reka bentuk cawangan yang menggambarkan kanvas visual Islam Brunei Darussalam. Identiti tersendiri ini telah membezakan BIBD daripada institusi kewangan lain di Brunei Darussalam, serta menetapkan penanda aras perkhidmatan “Berjiwa Brunei” secara tulen. Gabungan kesemua usaha ini meletakkan BIBD di kedudukan yang lebih kukuh untuk menyedari aspirasinya dan terus maju di arena tempatan dan antarabangsa.

## Pemegang Saham



- Khazanah Satu Sdn Bhd
- Salam Investments Limited
- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- Lebih dari 6,000 orang pelabur warga Brunei

# Berjiwa Brunei

BIBD ialah sebuah Bank untuk rakyat Brunei yang dibina oleh rakyat Brunei. Etos kami mengungkap dengan sempurna keseluruhan intipati perbankan Islam. Kami menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian kewangan yang bijak, selamat dan praktikal kepada pelanggan kami tanpa mengira kaum atau anutan agama, yang pada dasarnya mendukung cita-cita masyarakat Brunei. Pengalaman beroperasi sebagai sebuah Bank yang memahami aspirasi dan budaya Negara Brunei Darussalam secara tulus telah memberikan inspirasi dan membolehkan kami untuk terus berinovasi dalam menawarkan penyelesaian yang paling sesuai dengan keperluan semua pelanggan kami.

## Tadbir Urus

BIBD komited kepada tadbir urus korporat yang ketat dan dikawal sepenuhnya oleh prinsip dan peraturan yang ditetapkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah Negara (LPKS) dan Akta Syarikat Penggal 39. Bank ini mempunyai kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kukuh mengikut piawaian antarabangsa, terutamanya dalam amalan-amalan kewangan, syariah dan risiko.

## Anak-Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu Yang Aktif

### BIBD At-Tamwil Bhd

Sebuah anak syarikat milik penuh, terutamanya mengendalikan peruntukan kemudahan sewa-beli Islam.

### BIBD Securities Sdn Bhd

Sebuah anak syarikat milik penuh yang menawarkan produk pengurusan kewangan Islam dan perkhidmatan broker bagi saham BIBD tempatan dan sekuriti asing yang tersenarai di pasaran saham Kuala Lumpur dan Singapura.

### Syarikat Takaful Brunei Darussalam (Syarikat Bersekutu)

Menyediakan perkhidmatan Takaful Am dan Keluarga melalui anak-anak syarikatnya: Takaful Brunei Am dan Takaful Brunei Keluarga.

### BIBD (Timur Tengah) Terhad

Anak syarikat hak milik penuh BIBD dan entiti yang dikawal selia oleh Dubai Financial Services Authority (DFSA) untuk menyediakan perkhidmatan kewangan Islam termasuk pengaturan pelaburan; menyediakan khidmat nasihat mengenai produk-produk kewangan; pengaturan kredit dan menyediakan khidmat nasihat mengenai kredit.



“

*Melalui pendekatan 'Whole of Nation' dan dengan kerjasama yang kukuh bersama pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta, Kumpulan BIBD akan terus komited dalam mengusahakan kerjasama yang bermanfaat bagi negara, industri, pelanggan-pelanggan kami serta masyarakat.*

”

Yang Berhormat Dato Seri Setia  
Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah  
Pengerusi Lembaga Pengarah/Pengarah Bebas

**Pernyataan  
Pengerusi**

## Pemegang Saham Yang Dihormati,

**Bismillah HirRahman NirRahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

*Alhamdulillah*, sukacita ingin saya rakamkan rasa syukur atas segala pencapaian dan kemajuan yang dicapai pada tahun 2020 serta peranan penting yang dimainkan oleh Kumpulan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) tahun lepas; tahun tatkala negara kita dan seluruh dunia dilanda krisis kesihatan yang memberi impak yang sangat kuat kepada ekonomi dan keseluruhan masyarakat.

Walaupun berdepan dengan cabaran wabak COVID-19 dan harga minyak yang menurun, Kumpulan mempamerkan daya tahan yang mampan dan berjaya merekodkan tahun yang cemerlang.

Prestasi keseluruhan yang memberangsangkan ini berjaya dicapai melalui pelaksanaan strategi yang diselaraskan oleh seluruh Kumpulan BIBD di bawah bimbingan dan kepimpinan Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah BIBD.

## Sebuah institusi kewangan yang sentiasa berkembang

Pembelian saham dari Fajr Capital Limited pada awal tahun 2020 oleh Agensi Pelaburan Brunei (BIA) adalah salah satu lagi tonggak sejarah yang menjadikan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan dan organisasi perniagaan yang dimiliki sepenuhnya oleh Brunei. Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah dan Kumpulan Syarikat BIBD, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fajr Capital Limited di atas sokongan mereka dalam mengembangkan dan menjadikan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan Brunei yang unggul.

Sebagai sebuah institusi kewangan Brunei yang unggul dengan lebih daripada 99% tenaga kerja tempatan, Kumpulan BIBD telah menjadi sebuah institusi penanda aras yang sentiasa memberikan rumusan perbankan yang inovatif dan sentiasa prihatin kepada keperluan pelanggan kami.

*In Shaa Allah*, melalui kedudukan yang kukuh ini, kami akan sentiasa terus membangun dan membina kejayaan di Brunei dan luar negara.

## Pertumbuhan Kumpulan BIBD yang mengalakkan ketika pandemik

Penularan wabak COVID-19 dan ketegangan geopolitik telah mengakibatkan penurunan harga minyak global yang meluas. Sejak penurunan meruncing pada April 2020, harga minyak telah kembali meningkat – didokong oleh pengurangan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

Walau bagaimanapun, dengan keadaan pandemik COVID-19 yang masih membantut pertumbuhan ekonomi global, kami menjangkakan keadaan yang mencabar untuk harga minyak pulih ke tahap asal sebelum pandemik.

Di saat keadaan perekonomian global dan serantau terjejas oleh pandemik COVID-19, Brunei tetap teguh dan mampu mencatatkan pertumbuhan positif di beberapa sektor.

Sektor perbankan terus mengekalkan kedudukan modal yang kukuh dan kecairan yang tinggi sementara kualiti aset juga bertambah baik dengan penurunan nisbah Pembiayaan yang Tertunggak (NPF) kepada 2.5%.

Memandangkan cabaran COVID-19 pada keseluruhan tahun 2020, kami menjangkakan akan ada sedikit penurunan kepada pendapatan, namun Kumpulan BIBD masih dapat merekodkan keuntungan yang memberangsangkan.

Pada tahun 2020, Kumpulan telah berjaya mencapai pendapatan sebanyak B\$329 juta dengan keuntungan bersih sebanyak B\$136 juta, manakala jumlah aset Kumpulan kekal kukuh dengan B\$9.7 billion.

Kami juga telah mencapai Pulangan Ekuiti (ROE) yang kukuh bagi pemegang saham kami pada kadar 10.7%, sekaligus mempertingkatkan hasil pulangan dan nilai kepada pemegang saham kami.

Kumpulan juga berupaya mengekalkan nisbah kecukupan modal (CAR) pada 20%, jauh lebih tinggi daripada kadar minima 10% yang ditetapkan oleh badan pengawal selia – yang membolehkan kami untuk mengekalkan kedudukan modal yang teguh demi untuk menyokong pelaksanaan strategi kami.

Sepanjang tahun yang mencabar ini, Kumpulan BIBD lebih berhati-hati dalam menilai sebarang penyertaan bagi perniagaan kami, dan mengutamakan pengurusan risiko yang mantap untuk mengekalkan pertumbuhan yang stabil.

### Prestasi ekonomi Brunei yang kukuh tat kala pandemik dan persekitaran ekonomi yang mencabar

Walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi global dan serantau yang mencabar, ekonomi negara Brunei telah berjaya meningkat pada kadar sebanyak 1.2% di tahun 2020.

Sektor kewangan adalah antara penyumbang utama pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas di tahun 2020.

Di tahun 2020, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) melaporkan bahawa sektor kewangan mencatatkan jumlah nilai aset sebanyak B\$18.3 bilion, di mana B\$11.4 bilion dipegang oleh sektor kewangan Islam. Sektor perbankan mewakili bahagian terbesar sektor kewangan iaitu 62.4%.

Kerajaan Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus mempelbagaikan usaha untuk mewujudkan aliran pendapatan alternatif bagi mengurangkan kebergantungan pada pengeluaran minyak dan gas serta mengurangkan risiko masa depan ke atas ekonomi.

Seperti negara-negara lain, institusi perbankan di negara ini memainkan peranan penting dalam usaha mempelbagaikan ekonomi Brunei dan *In Shaa Allah*, Kumpulan BIBD akan sentiasa memainkan peranannya dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara ini di masa akan datang.

### Rakan Kongsi Kemajuan untuk Wawasan Brunei 2035

Kumpulan BIBD sangat berbangga dengan peranannya sebagai 'Rakan Kongsi Kemajuan' bagi pelbagai usaha untuk perkembangan ekonomi dan sosial di negara ini. Ini terbukti melalui penyelarasan usaha kami dengan Wawasan 2035 Kerajaan Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga dari usaha-usaha kami dalam menyokong perkembangan ekonomi Brunei yang dinamik dan berdaya tahan.

Melalui pendekatan '*Whole of Nation*' dan dengan kerjasama yang kukuh bersama pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta, Kumpulan BIBD akan terus komited dalam mengusahakan kerjasama yang bermanfaat bagi negara, industri, pelanggan-pelanggan kami serta masyarakat.

### Berkhidmat untuk negara dalam keadaan yang mencabar

Dalam menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya, Alhamdulillah, BIBD dapat mempamerkan semangat 'Berjiwa Brunei' kami. Kumpulan BIBD bekerjasama dengan AMBD dan melalui pertubuhan perbankan dalam menyokong industri tempatan dan melindungi sektor pekerjaan ketika penularan wabak ini. Kami memainkan peranan utama dalam menyokong pakej bantuan ekonomi kolektif yang berjumlah B\$250 juta yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Untuk memastikan kesihatan dan keselamatan para pelanggan, pekerja dan orang ramai, Kumpulan juga menyebar-maklum dan menerapkan berbagai langkah keselamatan yang bertujuan untuk mengurangkan risiko COVID-19 dan mencegah penyebaran virus.

Melalui kempen Go! kami, kami menggalakkan pelanggan kami untuk *Go Cashless* dan *Go Digital* dengan melakukan keperluan perbankan mereka melalui kaedah secara digital. Kempen ini bertujuan untuk mengurangkan jumlah pelanggan di cawangan kami dan mendorong mereka untuk memanfaatkan pelbagai perkhidmatan digital dan mengurangkan transaksi secara tunai melalui rangkaian perkhidmatan BIBD NEXGEN.

Di bawah bimbingan Badan Penasihat Syariah, BIBD turut menyalurkan Dana Mashalat Umum dalam menyokong usaha pihak Kerajaan dalam memerangi pandemik di Negara Brunei Darussalam.

Kami juga memanfaatkan platform digital kami dengan memberi kemudahan pembayaran bagi sumbangan orang ramai kepada Tabung Kebangsaan *COVID-19 Relief Fund* melalui BIBD QuickPay atau pemindahan dana, di mana kedua-dua kaedah dapat dilakukan tanpa perlu pergi ke cawangan secara fizikal. Alhamdulillah, sehingga Julai 2020, Tabung Kebangsaan *COVID-19 Relief Fund* telah mengumpulkan sumbangan berjumlah B\$14.5 juta.

Menyedari bahawa kejayaan kami dalam meratakan lengkungan wabak hanya akan dapat dilakukan dengan usaha bersepadu, BIBD juga membantu meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai pentingnya melakukan tanggungjawab sosial dan sama-sama mempromosikan maklumat mengenai langkah pencegahan terhadap COVID-19 melalui media sosial, radio, TV dan media cetak.

### Berkhidmat untuk industri: Menyokong Pelan Pembangunan Sektor Kewangan 2016-2025

AMBD dalam Pelan Pembangunan Sektor Kewangan 2016-2025 menginginkan sektor kewangan lebih inovatif dan responsif terhadap perubahan trend kerana sektor ini memainkan peranan penting dalam ekonomi negara.

Pada tahun 2020, kami memperluaskan jangkauan ekosistem digital kami melalui kerjasama dengan pelbagai agensi dan institusi kerajaan. Kami meneruskan inisiatif '*Cashless Campus*' kami, dengan usaha kerjasama bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang membolehkan pelajar dan vendor melakukan pembayaran tanpa tunai melalui BIBD QuickPay dan Progresif Pay, yang dikuasakan oleh platform BIBD NEXGEN.

Orang ramai juga dapat menggunakan BIBD QuickPay untuk menyumbang kepada masjid-masjid atau Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid melalui kerjasama kami dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan juga untuk membayar perkhidmatan dan kemudahan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Sebagai sebahagian daripada sumbangan kami kepada industri perkhidmatan kewangan secara umum, dan khususnya kepada sektor Perbankan dan Kewangan Islam, kami juga melancarkan koleksi terpilih resolusi Badan Penasihat Syariah, yang memberikan gambaran tentang cara-cara konsep Syariah diterapkan dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD - dan menyumbang kepada kemajuan pengetahuan industri.

Pada tahun ini, BIBD Securities telah melancarkan dua produk dana patuh Syarak yang telah dilancarkan untuk memberikan pilihan kepada pelanggan kami dan menyokong matlamat AMBD dalam meningkatkan tahap celik kewangan di negara ini.

Keaktifan BIBD dalam bidang ini menandakan komitmen bank ini untuk menjadi 'Rakan Kongsi Kemajuan' melalui sokongan berterusan terhadap Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai inisiatif-inisiatif strategik utama yang akan memberi manfaat kepada negara.

### Berkhidmat kepada masyarakat melalui 'Whole of Nation approach'

Sebagai 'Rakan Kongsi Kemajuan', BIBD juga telah banyak melaksanakan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meneruskan usaha kami dalam membantu dan memberikan khidmat kepada masyarakat.

Pada tahun ini, kami menganjurkan acara *BIBD Youth Empowerment Summit* (BIBD YES!) demi untuk menyokong titah Kebawah Duli Yang Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Tahun Baru 2020 iaitu untuk meningkatkan kerjasama antara industri dan institusi pendidikan dan memastikan para belia dan graduan tempatan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk memajukan ekonomi di masa depan.

Melalui sidang kemuncak ini, kami berharap dapat menyediakan platform bagi para belia untuk belajar dari role model dari dalam dan luar negara, serta memberi peluang untuk membina hubungan, belajar dan berinteraksi dengan para peneraju industri tempatan.

Kami berasa sangat berbesar hati dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah pada majlis tersebut. Sokongan dan minat Duli Yang Teramat Mulia terhadap peranan belia untuk membentuk pemimpin masa depan adalah tindakan yang memberi kesan yang pasti akan memberi inspirasi kepada belia kita untuk menjadi generasi yang mendokong kemajuan sambil terus berpegang-teguh pada nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Komitmen kami dalam memperkasa belia-belia dan memastikan pemimpin masa depan diberikan peluang untuk berjaya juga diteruskan melalui programme BIBD ALAF (Menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Masa Depan Berwawasan). Program tersebut pada masa ini menaja seramai 243 pelajar dari sekolah rendah, menengah dan institusi pendidikan tinggi di dalam dan luar negara. Saya berasa gembira untuk mengongsikan satu lagi pencapaian di mana seorang penuntut ALAF pengambilan kedua programme ini telah menjadi penuntut ALAF pertama untuk belajar di United Kingdom.

Ketika sekolah-sekolah di Brunei beralih ke pembelajaran dalam talian atau sekolah secara maya untuk mengawal risiko wabak COVID-19 di negara ini, bantuan telah diberikan kepada pelajar-pelajar BIBD ALAF, di mana keperluan pendidikan maya mereka disediakan oleh Bank serta pihak berkepentingan seperti Progresif untuk memastikan mereka tidak akan ketinggalan atau tercicir dalam pembelajaran mereka.

*In Shaa Allah*, kami berharap dapat mengekalkan kerjasama jangka panjang kami dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (MORA) dan Kementerian Pendidikan (MOE) serta syarikat tempatan dan orang ramai dalam memastikan kesinambungan program ALAF akan mencapai objektif Wawasan Brunei 2035.

Dalam banyak hal yang kita hadapi, disetiap kesulitan juga mampu dijadikan sebagai peluang untuk terus berkembang dan maju. Di tengah kemelut penularan COVID-19, BIBD juga melancarkan inisiatif CSR terbaru kami, '*Community for Brunei*'. Melalui pendekatan '*Whole of Nation*', kami bekerjasama dengan agensi kerajaan dan perusahaan start-up tempatan seperti Think Axis, The Collective, Alicia Newn, dan perusahaan logistik tempatan, untuk melancarkan pasaran e-dagang atau *virtual marketplace* yang bertujuan untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana yang terkesan oleh COVID-19.

Platform '*Community for Brunei*' yang memanfaatkan teknologi untuk menyatu-padukan masyarakat dan menyediakan eko-sistem dalam talian yang dilengkapi platform pembayaran bersepadu adalah sebahagian daripada usaha kami untuk menggalakkan masyarakat ke arah digital yang dikuasakan oleh ekonomi tanpa tunai, sejajar dengan sokongan BIBD terhadap Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Usaha ini merupakan manifestasi komitmen kami untuk menyumbang kepada masyarakat. Seperti kata pepatah – "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh". Kami sangat menghargai perkongsian strategik dan kerjasama yang dilakukan dengan kedua-dua agensi kerajaan dan swasta disaat seluruh pihak di dalam negara bekerjasama ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

### Meningkatkan penanda aras kami untuk menjadi bank Islam terbaik di Asia Pasifik

Sepanjang tahun lalu, kami mengukuhkan kedudukan kami dan terus meningkatkan kualiti dalam usaha misi kami untuk menjadi **Bank Islam Terbaik di Asia-Pasifik**.

BIBD telah mengekalkan penarafan A- oleh S&P Global, kekal sejak tahun 2015, dengan mengambil kira kedudukan modal Bank yang kuat, *deposit base* yang berpelbagai, serta kecairan yang tinggi walaupun berhadapan dengan pandemik COVID-19.

BIBD juga berjaya mempertahankan pensijilan ISO9001: 2015 kami untuk tahun 2020 setelah selesainya pengauditan pada bulan November 2020. Ini adalah bukti komitmen BIBD untuk memberikan pengalaman pelanggan yang tiada tandingan, walaupun berdepan dengan krisis COVID-19, dan seterusnya mencerminkan kedudukan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan tempatan yang dapat berdiri setara dengan penanda aras global.

Kumpulan juga berjaya memenangi beberapa anugerah terkemuka seperti 'Bank of the Year 2020' oleh The Banker – anugerah yang dianggap sebagai piawaian tertinggi bagi kecemerlangan perbankan. Pengurusan BIBD juga meraih 'CEO Terbaik 2020 - Brunei' yang dianugerahkan oleh CEO Monthly, sebuah majalah perniagaan antarabangsa yang terkemuka.

Ini mencerminkan kepakaran dan kekuatan pasukan pengurusan dan bagaimana sebagai satu pasukan, Kumpulan BIBD dapat mengatasi sebarang kesulitan dengan kecekalan dan silaturrahim yang jitu.

BIBD sekali lagi dinobatkan oleh The Asian Banker sebagai Bank Runcit Terbaik di Brunei, mempertahankan gelaran tersebut selama lapan tahun berturut-turut, serta anugerah Bank Kukuh mengikut 'Balance Sheet', sementara Global Finance Magazine juga menakrifkan BIBD sebagai Bank Paling Selamat di Brunei.

Anugerah dan pengiktirafan berkenaan merupakan bukti komitmen kami untuk memastikan perlaksanaan amalan perniagaan yang baik berasaskan pengurusan korporat yang kukuh, akan menerajui dan membawa kami selangkah lebih dekat kepada objektif kami untuk menjadi **Bank Islam Terbaik di Asia-Pasifik**.

### Penghargaan

Saya berbesar hati dalam menjalankan tugas sebagai Pengerusi sebuah institusi yang amat progresif dan bersama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BIBD yang lain, saya amat teruja untuk terus memimpin institusi ini ke arah kejayaan dan pencapaian yang lebih cemerlang, pada tahun-tahun akan datang.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah atas segala bimbingan, sokongan dan sumbangan mereka dalam mencatat kejayaan demi kejayaan bagi jangka panjang sebagai institusi kewangan yang ulung di Brunei Darussalam.

Saya bagi pihak Ahli-Ahli Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Mubashar Khokhar, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, dan kepada pihak pengurusan atas komitmen bersepadu mereka dalam menjana keputusan cemerlang serta melaksanakan strategi BIBD dengan jayanya.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, penghargaan ikhlas juga kami sampaikan kepada semua kakitangan atas dedikasi dan komitmen dan sumbangan padu mereka untuk

mencapai kecemerlangan, yang mana kesemua ini telah memperkukuh lagi kedudukan BIBD sebagai kumpulan syarikat kewangan terulung di negara ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ikhlas juga saya khususkan kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pemegang-pemegang saham yang dihormati, dan pengawal selia yang berkemahiran tinggi atas sokongan dan bimbingan berterusan mereka.

Kami tetap komited dengan wawasan untuk menerajui BIBD sebagai sebuah Bank pilihan pelanggan kami, dan dengan limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, kami akan terus menyumbang kepada pelanggan, pemegang saham, masyarakat dan negara kami dengan ikhlas dan penuh iltizam.

Sumbangan-sumbangan BIBD menandakan komitmen bank ini sebagai Rakan Kongsi Kemajuan melalui sokongan berterusan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai inisiatif strategik utama yang akan memberi manfaat kepada negara secara keseluruhan.

***Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum  
Warahmatullah Hi Wabarakatuh***



**Yang Berhormat Dato Seri Setia  
Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah**  
Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan  
Menteri Kewangan dan Ekonomi II ,  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Bank Islam Brunei Darussalam & Anak-anak Syarikat

“

*Strategi kami semasa kemuncak pandemik ini adalah untuk kekal berhemat dan bersifat selektif dalam penyertaan dan komitmen perniagaan kami, yang seterusnya membolehkan kami mengekalkan keuntungan dan kestabilan. Kami juga mengekalkan fokus kami dalam menyumbang kepada masyarakat dan kepada negara sebanyak mungkin, terutama sekali pada masa-masa yang mencabar.*”

**Yang Mulia Mubashar Khokhar**  
Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Bank Islam Brunei Darussalam

**Prakata**  
**Pengarah Urusan**

## Para Pemegang Saham yang Dihormati,

***Bismillah HirRahman NirRahim.***

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

2020 merupakan tahun yang mencabar berikutan krisis COVID-19 yang tidak pernah berlaku sebelum ini dan telah banyak mengubah status quo dengan ketara sekali. Alhamdulillah, apabila meninjau kembali pada tahun yang unik dan mencabar ini, saya berasa gembira melaporkan satu lagi tahun yang telah membuahkan hasil yang baik untuk BIBD dan anak syarikatnya, bukan saja dari segi operasi perniagaan tetapi juga produktiviti, pencapaian dan sumbangan keseluruhan kami kepada ekonomi dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Pada awal tahun 2020, Agensi Pelaburan Brunei telah berjaya memperoleh saham dari bahagian Fajr Capital, iaitu sebanyak 29.73 peratus di dalam BIBD. Ini telah menjadikan BIBD sebuah entiti perniagaan yang dimiliki sepenuhnya oleh Brunei dan memberi isyarat kesediaan kami untuk perjalanan transformasi kepada fasa yang seterusnya.

Transformasi BIBD setakat ini telah memberikan manfaat kepada para pelanggan, pemegang saham dan kakitangan kami dan telah menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan perniagaan tempatan dan penyediaan pekerjaan di Brunei. Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Fajr Capital atas sumbangan dan perkongsian mereka dan kami berharap dapat mencapai pertumbuhan dan kejayaan yang mampan ke arah matlamat kami untuk menjadi 'Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik'.

## Sebuah Organisasi Yang Mantap Dan Berdaya Tahan Di Masa Yang Mencabar

Dengan berbesar hati dan rasa berbangga dengan semangat warga BIBD untuk mengatasi cabaran, saya berasa gembira dan amat bersyukur untuk mengongsikan pencapaian kami yang menggalakkan walaupun tatkala ekonomi global terjejas teruk oleh krisis pandemik yang genting.

Secara keseluruhan, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak B\$329 juta yang kebanyakannya diperolehi daripada pembiayaan, pajakan dan aktiviti pelaburan kami yang membantu mencatatkan keuntungan bersih sebanyak B\$136 juta.

Kami juga berjaya mengekalkan jumlah aset yang kukuh pada B\$9.7 bilion.

Jumlah Nisbah Kecukupan Modal bagi Kumpulan adalah pada kadar 20.0 peratus yang mencerminkan keupayaan kami untuk mengekalkan kedudukan modal yang berdaya tahan untuk melaksanakan strategi terbaik kami.

BIBD sentiasa konsisten untuk mengekalkan keperluan lebih dari keperluan minima pengawal-seliaan iaitu 10 peratus yang ditetapkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Strategi kami semasa kemuncak pandemik ini adalah untuk kekal berhemat dan bersifat selektif dalam penyertaan dan komitmen perniagaan kami, yang seterusnya membolehkan kami mengekalkan keuntungan dan kestabilan. Kami juga mengekalkan fokus kami dalam menyumbang kepada masyarakat dan kepada negara sebanyak mungkin, terutama sekali pada masa-masa yang mencabar.

Tadbir urus yang kukuh, amalan dan proses pengurusan risiko yang mantap juga membolehkan kami memaksimumkan pulangan kami kepada para pemegang saham dan pelanggan sambil memastikan kualiti aset kami kekal kukuh.

## Meratakan Lengkungan

Apabila COVID-19 disahkan tersebar di negara ini, salah satu kepentingan utama Kumpulan adalah memastikan kami bersedia untuk menangani keadaan tersebut. Kami melaksanakan beberapa strategi utama sepanjang tahun, untuk menangani kesan COVID-19 dan seterusnya mengurangkan risikonya.

BIBD mengaktifkan Protokol Pengurusan Krisis kami iaitu '**ANCHOR-SUSTAIN-PROTECT**' dan membentuk Pasukan Tindakan COVID-19 yang khusus, terdiri daripada ahli-ahli Forum Kepimpinan (LF) terpilih.

Pelan Kelangsungan Perniagaan (BCP) telah diaktifkan, untuk memastikan operasi perniagaan tidak akan terjejas walaupun berdepan dengan suasana ketidakpastian. Tapak BCP di Mentiri segera diaktifkan, dengan tapak BCP kedua ditubuhkan untuk mengurangkan lagi risiko COVID-19. Secara keseluruhan, lebih dari 150 kakitangan kami telah dikerahkan untuk beroperasi di tapak BCP bagi tempoh selama lebih tiga bulan, sehingga ancaman pandemik berkurang.

Kami juga menyedari betapa pentingnya jalur perhubungan yang cepat dan kukuh untuk memastikan semua orang dilindungi daripada COVID-19. Komunikasi pertama kami yang disasarkan kepada kakitangan bermula seawal bulan Februari, untuk membudayakan mereka mengenai

langkah-langkah yang sesuai bagi mengurangkan risiko penyebaran virus. Kami juga menghubungi pelanggan kami, melalui media sosial dan melalui surat peribadi, untuk menyampaikan pelan tindakan kami, dan bagi meyakinkan para pelanggan bahawa BIBD siap berdiri teguh dalam komitmen kami untuk menyokong keperluan mereka.

Apabila kes COVID-19 tempatan pertama diumumkan, Bank bertindak dengan cepat dan tegas untuk melindungi kakitangan dan pelanggan kami. Penanda penjarakan sosial telah dipasang di semua cawangan, perkhidmatan pembasmi kuman diatur di semua premis dan kakitangan BIBD dinasihatkan untuk mengurangkan hubungan dengan pihak luar seboleh mungkin. Di samping itu, dasar Bekerja Dari Rumah telah disiapkan dan seterusnya dilaksanakan dengan cekap bagi memastikan pekerja yang berisiko dan terdedah dapat bekerja dengan selamat dari rumah.

BIBD bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, pengawal selia kami AMBD serta Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) untuk menawarkan pakej bantuan ekonomi kolektif bernilai B\$250 juta. Pakej ini termasuk pengecualian yuran untuk pemindahan dana antara bank, penangguhan pembayaran utama, penstrukturan semula kemudahan dan penukaran kad kredit kepada pembiayaan peribadi atau Pelan Pembayaran Mudah (EPP). Pihak Bank juga bekerja keras untuk menampung permintaan pelanggan kami dan di mana terdapat keperluan untuk perundingan, pasukan ini bersedia untuk menyokong pelanggan kami.

Kami juga meneruskan usaha kami dalam menyokong pelan bagi memerangi COVID-19 dengan memberi sumbangan kepada Tabung Bantuan Kebangsaan COVID-19, yang diperolehi daripada Dana Maslahat Awam, yang diuruskan oleh BIBD selaras dengan garis panduan Badan Penasihat Syariah. Sumbangan tersebut adalah untuk pembelian 5,000 jalur pergelangan tangan digital, 6 mesin pernafasan dan 21 katil elektrik untuk Pusat Pengasingan Kebangsaan. Sumbangan sebegini, bersama-sama dengan Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan (GLC) yang lain, dan masyarakat secara umumnya, telah membantu Kementerian Kesihatan untuk mengurangkan jumlah kes-kes COVID-19 di negara ini, dan memberi jaminan keselamatan dan keselesaan kepada masyarakat.

Semua inisiatif ini menunjukkan semangat 'Berjiwa Brunei' kami dan BIBD berbangga kerana dapat banyak menyumbang dalam memerangi wabak COVID-19, untuk menstabilkan perniagaan kami dan terus tetap menyokong ekonomi tempatan dan masyarakat, kita secara amnya.

### Perintis Digital Dalam Menghadapi COVID-19

Penularan wabak ini mendorong Kumpulan untuk bekerja lebih bersepadu untuk terus berada di landasan yang teratur dan memastikan kami memenuhi sasaran tahunan kami. Sepanjang tahun 2020, kami telah menjalankan pelbagai inisiatif dan program untuk memacu pertumbuhan Bank dan anak syarikatnya dalam mewujudkan lebih banyak peluang penglibatan bersama masyarakat kita.

Memanfaatkan data yang tersedia kepada BIBD, Kumpulan Transformasi mula berusaha ke arah mewujudkan Kemudahan *Data Warehouse* bagi seluruh Kumpulan yang dijangka siap pada tahun 2021. Sebagai projek teras yang akan menyumbang kepada sasaran masa depan kumpulan, masih terdapat potensi besar untuk mengumpul data proprietari kemudian menyusun, menganalisa dan memberi gambaran untuk membantu organisasi menghasilkan data yang boleh dilaksanakan, yang disokong dengan wawasan perniagaan.

COVID-19 juga secara tidak langsung telah mempercepatkan usaha pendigitalan negara dengan BIBD berada di barisan hadapan – untuk pelanggan dan kakitangan kami. Adalah dijangkakan bahawa dalam masa yang terdekat, teknologi bukan lagi pembeza tetapi pemboleh.

Melalui perkhidmatan NEXGEN kami, kadar penembusan digital kami pada masa ini berada pada kira-kira 68%, dengan lebih 18.4 juta transaksi runcit direkodkan pada tahun 2020. Komitmen kami terhadap digital adalah sebahagian daripada DNA kami, dan kami meneruskan usaha kami untuk menyokong Ekonomi Digital dengan secara aktif mempromosikan inisiatif perbankan tanpa cawangan kami.

Pelaksanaan kempen *Go Cashless!* dan *Go Digital!* membawa kepada meningkatnya transaksi dalam talian dan digital apabila BIBD berusaha membantu negara 'meratakan lengkungan'.

Kami terus mempelopori ruang digital dengan pengenalan e-Duit Raya melalui aplikasi BIBD NEXGEN Wallet. Perkhidmatan ini membolehkan pengguna aplikasi menerima dan menghantar wang tunai secara digital hanya dengan mengimbas kod QR - di mana BIBD menjadi bank pertama di Brunei untuk melancarkan perkhidmatan sedemikian. Sebagai bank yang Berjiwa Brunei, kami di BIBD menyedari kepentingan tradisi Hari Raya dan ingin mencari jalan untuk memastikan bahawa tradisi ini dapat diteruskan, walaupun negara sedang mengamalkan penjarakan fizikal. Rakan-rakan dan keluarga dapat memberi 'paket hijau' secara digital melalui aplikasi dan kami berharap pada masa

akan datang, ciri ini akan diperluaskan sebagai 'QR Peribadi' yang membolehkan pemindahan tunai untuk menyemai lagi tabiat digital.

### Aktiviti Perniagaan Kami Pada Tahun 2020

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk menyediakan kepelbagaian produk dan perkhidmatan, terutamanya produk-produk pelaburan di Brunei, BIBD Securities Sdn Bhd, mengadakan acara dua hari berturut-turut sempena pelancaran dana pelaburan Franklin Templeton. Acara ini bertujuan untuk memperkenalkan dana baru dan berkongsi prospek pasaran kepada bakal pelabur dan pelanggan serta mewujudkan kesedaran mengenai manfaat pelaburan jangka panjang. Ini akan menjadi permulaan banyak lagi tawaran dengan perkongsian BIBD dengan syarikat pelaburan dan pengurus dana yang terkenal di dunia, untuk memastikan BIBD kekal sebagai Bank pilihan untuk semua keperluan pelanggan kami.

BIBD juga mengambil bahagian dalam *Borneo Bulletin Yearbook MSME Festival* yang menunjukkan komitmen kami membangunkan syarikat tempatan dan menyokong usaha nasional untuk meningkatkan inisiatif dan program berkaitan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan memperkasakan mereka melalui penyelesaian perniagaan digital yang mantap dan komprehensif. Antara perusahaan start-up yang mengambil bahagian ialah kohort terkini ibu-ibu program BIBD SEED dan peserta BIBD Catalyst.

Kami juga menganugerahkan hadiah utama bernilai B\$250,000 kepada seorang pemenang bertuah di kemuncak kempen BIBD Aspirasi 2. Apabila kami memulakan perjalanan ini dua tahun yang lalu, kami ingin menanamkan budaya menyimpan di kalangan pelanggan kami melalui penyediaan cara yang mudah untuk menabung secara konsisten.

Alhamdulillah, sambutan yang amat positif terhadap kempen ini menunjukkan bahawa pelanggan program ini memahami penjimatan dapat memberi ganjaran kewangan. Meskipun berhadapan pandemik, bilangan pelanggan Aspirasi telah meningkat dua kali ganda sejak kempen dilancarkan, di mana deposit simpanan meningkat dengan ketara dan deposit BIBD Aspirasi, yang kini berada pada edisi ketiganya, meningkat sebanyak 136%. Kita berharap dapat melihat trend ini berterusan dengan lebih banyak penjimatan dalam kalangan rakyat negara ini.

Kami juga menandakan satu lagi peristiwa penting dengan pembukaan semula cawangan Temburong, yang telah

ditetapkan sebagai Cawangan Warisan kami. Pembukaan semula cawangan ini mengetengahkan komitmen berterusan BIBD kepada masyarakat setempat, untuk memastikan semua lapisan masyarakat dapat mengakses pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD tanpa mengira lokasi - satu lagi inisiatif yang menunjukkan semangat kami sebagai bank 'Berjiwa Brunei'.

### Memperkasakan Aset Manusia Kita Di Tengah Krisis Kesihatan Global

Di sebalik cabaran COVID-19 pada tahun 2020, BIBD tetap komited untuk menyokong merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam menghasilkan pemimpin tempatan dan membina tenaga kerja yang berkualiti tinggi.

Untuk memastikan pembangunan berterusan kakitangan kami di tengah-tengah pandemik ini, Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan (HRHCD) BIBD menyesuaikan diri dengan keadaan dengan menggalakkan lebih banyak inisiatif pembelajaran secara maya.

Di samping itu, sepanjang tahun lepas, kakitangan dan rakan sekerja kami berjaya menyesuaikan diri dengan norma baru untuk memaksimumkan penggunaan teknologi untuk mengadakan perbincangan dan mesyuarat melalui alat persidangan video dalam talian seperti Microsoft Teams dan Zoom. BIBD juga mampu menjalankan beberapa siri mesyuarat lembaga pengarah dan interaksi dengan kakitangan melalui persidangan video. Ianya terbukti bermakna bagi kakitangan kerana jangkauan itu memberi mereka peluang untuk berkongsi kemajuan mereka.

Pekerja juga diberikan akses kepada program pembelajaran dalam talian yang memberi tumpuan kepada topik-topik seperti transformasi digital, kecerdasan buatan dan automasi proses robotik (RPA) yang semakin relevan dan penting dalam era Revolusi Industri 4.0.

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran, BIBD mencatatkan bilangan hari pembelajaran yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Setakat ini, BIBD juga merupakan satu-satunya institusi kewangan di negara ini yang disahkan dalam kesiapsediaan dalam menangani dan bertindak balas terhadap situasi yang berkaitan dengan penularan jangkitan wabak COVID-19 ataupun '*COVID-19 Workplace Ready*'. Seramai 10 orang kakitangan Bank menamatkan latihan yang dikendalikan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei (BRC) - yang memberikan mereka pengetahuan dan kemahiran untuk bertindak balas terhadap isu-isu yang melibatkan COVID-19 di tempat kerja. Modul latihan ini adalah selaras dengan

piawaian yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mematuhi fakta dan Prosedur Operasi Standard Garis Panduan WHO dan Pusat Rujukan Pertolongan Cemas Global (GFARC).

BIBD akan terus melabur dalam usaha untuk membangunkan tenaga kerja yang cemerlang. Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan untuk Brunei, BIBD sedia komited untuk membina asas kejayaan Brunei melalui rakyatnya.

### Penglibatan Masyarakat

Di BIBD, kami amat percaya dalam menyumbang kepada masyarakat dan mewujudkan lebih banyak peluang penglibatan dengan masyarakat kita. Salah satu inisiatif terbesar kami pada tahun 2020 ialah penganjuran Sidang Kemuncak Pemerikasaan Belia BIBD atau BIBD YES!

Sidang kemuncak yang dilancarkan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen adalah salah satu contoh dedikasi dan komitmen kami dalam memainkan peranan kami sebagai Rakan Kongsi Kemajuan untuk Brunei. Sidang kemuncak itu menyaksikan penyertaan fizikal lebih 300 pelajar dengan lebih 1200 pelajar mengikuti secara maya untuk mendengar perbincangan panel dan penceramah yang mampu mencetuskan kesungguhan belia dan menunjukkan bagaimana mereka boleh memberi impak. Para peserta juga mengambil bahagian dalam larian sejauh 2km yang memberi mereka peluang untuk berbincang dan berkongsi pengalaman dengan panel yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kerajaan di acara Makan Malam Penutup BIBD YES!.

Menekankan kepercayaan kami bahawa semua lapisan masyarakat berhak mendapat akses kepada pendidikan, kami mencapai pencapaian penting dengan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami yang utama, BIBD ALAF (Menyokong Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Masa Depan Berwawasan) yang kini menyokong 243 pelajar kurang berkemampuan. Pada penutup tahun akademik 2020, kami mengadakan acara penghargaan untuk guru-guru dan pendidik yang terlibat dalam program ini. Melalui sokongan yang tidak berbelah-bagi daripada guru-guru ini, BIBD akan terus menyokong pengembangan program ALAF, untuk menyokong kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam usaha ke arah Wawasan Brunei 2035.

BIBD juga berbangga bahawa salah seorang pelajar dari kumpulan kedua program BIBD ALAF, menjadi pelajar pertama dari program ini untuk mengikuti program Sarjana Farmasi selama 5 tahun di sebuah universiti terkemuka di United Kingdom. Kami berbangga dapat memainkan

peranan dalam perjalanannya untuk mencapai cita-cita dan In Shaa Allah, mengubah perjalanan masa depannya.

Begitu juga dengan BIBD SEED, sebuah program khas untuk memperkasa ibu-ibu yang kurang berkemampuan, yang terus menjana momentum setiap tahun. Pada tahun 2020, kami mengalu-alukan kohort ketiga program ini. Selain diberi peluang menyertai beberapa pasaran *pop-up* yang dianjurkan oleh BIBD, kami amat berbangga melihat peserta-peserta yang mampu memperbanyakkan pelanggan mereka sendiri dan kami berasa optimis bahawa peserta akan mencapai matlamat utama program ini dengan menjadi usahawan yang bebas dari segi kewangan atau *financially independent*, yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Apabila tercetusnya COVID-19, BIBD juga melancarkan satu lagi inisiatif CSR, '*Community for Brunei*', iaitu platform e-dagang bersepadu yang berhasrat untuk membantu perniagaan kecil serta mengetengahkan pelbagai isu sosial dan kebajikan yang penting bagi masyarakat Brunei. Projek ini adalah kerjasama antara Bank, syarikat *start-up* dan syarikat logistik tempatan serta agensi-agensi kerajaan.

Projek pertama *Community for Brunei* ialah 'Community for Covid', satu kaedah derma yang menyediakan maklumat kepada orang ramai mengenai keperluan petugas barisan hadapan di seluruh negara. Orang ramai boleh menyokong petugas barisan hadapan dan pada masa yang sama membantu perniagaan kecil di Brunei dalam tempoh yang mencabar dan mengembangkan keupayaan mereka untuk terus memperoleh pendapatan.

Menerusi platform sama, BIBD turut melancarkan '*Community for Ramadhan*' – 'gerai ramadhan' secara maya untuk orang ramai membeli makanan dan minuman daripada vendor yang biasanya menyertai gerai ramadhan tahunan anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Inisiatif ini membantu masyarakat mengurangkan interaksi fizikal semasa kemuncak pandemik, dan pada masa yang sama membeli persiapan sungkai yang dihantar ke rumah masing-masing menggunakan pembayaran dalam talian yang selamat dan terjamin.

### Meningkatkan Landskap Kewangan Islam Tempatan

Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman keseluruhan mengenai Perbankan dan Kewangan Islam di negara ini, BIBD melancarkan buku yang menyusun 53 resolusi Syariah terpilih yang dihasilkan oleh Badan Penasihat Syariah BIBD sejak 1993.

Penerbitan buku ini adalah sebagai panduan dan rujukan penting bagi mereka yang ingin mengetahui perkembangan perbankan dan kewangan Islam di negara ini, terutamanya bagi pihak berkepentingan dalam industri kewangan Islam, termasuk cendekiawan Syariah, ahli akademik, legislatif, penimbang tara, penyelidik dan pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang perbankan dan kewangan Islam di peringkat pengajian tinggi.

Penerbitan ini diharap dapat memberi manfaat kepada orang ramai dalam memahami konsep Syariah dan bagaimana ia diintegrasikan ke dalam produk BIBD dan kami berharap inisiatif ini dapat meningkatkan kepercayaan dan sokongan orang ramai terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD.

Penghasilan buku ini merupakan salah satu inisiatif BIBD dalam menyokong aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan melalui *AMBD Financial Blueprint* untuk menjadikan Brunei sebagai pusat Kewangan Islam antarabangsa.

### **Meningkatkan Kerjasama Dengan Kerajaan Dan Rakan Strategik**

Kami meneruskan komitmen kami dalam memaksimumkan potensi Bank melalui kerjasama dan perkongsian dengan pihak berkepentingan strategik dan rakan kongsi utama. Ini adalah untuk memastikan kesemua kerjasama dan aktiviti yang dikendalikan oleh Bank dan rakan strategiknya (kerajaan, korporat dan sektor swasta) adalah sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Satu inisiatif penting dalam bidang ini ialah Program Transformasi '1 Kampung 1 Produk' (1K1P) yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN). Program ini merupakan program pemerkasaan keusahawanan yang komprehensif yang dibangunkan oleh BIBD dan menyasarkan peserta 1K1P dari Mukim dan Kampung. Ianya bertujuan untuk melengkapi mereka dengan pengetahuan yang relevan serta kemahiran operasi keusahawanan dan perniagaan.

Kerjasama ini telah membantu KHEDN untuk bergerak lebih dekat ke arah mencapai objektifnya dalam meningkatkan kesedaran dan mempromosikan produk dan perkhidmatan 1K1P yang lebih baik, di pasaran tempatan dengan potensi untuk menembusi pasaran serantau.

BIBD akan terus membina dan mengekalkan hubungan erat dan bekerjasama dengan pihak berpengaruh dan pembuat dasar utama kerajaan, korporat dan badan-badan antarabangsa yang berkaitan untuk mencapai inisiatif strategik dan memajukan bank ke arah misi kami.

### **Pencapaian Pada Tahun 2020 Dan Masa Depan Yang Cerah**

Di sebalik keadaan ekonomi yang tidak menentu disebabkan COVID-19, Kumpulan masih berjaya meraih anugerah dan pengiktirafan utama yang mencerminkan daya tahan dan ketabahan BIBD sebagai sebuah organisasi pada masa yang mencabar.

Alhamdulillah, kami berjaya mengekalkan penarafan A- kami dari S&P, penarafan tertinggi antara bank-bank tempatan, yang menunjukkan keteguhan dan kestabilan BIBD.

Pada masa yang sama, selaras dengan visi kami untuk menjadi institusi penanda aras, BIBD telah berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 bagi tahun 2020, malah memperluaskan skop ke bidang-bidang penting yang lain. Ini melambangkan komitmen kami untuk memberi pengalaman pelanggan yang tiada tandingan, walaupun berhadapan dengan krisis COVID-19. Ia juga mencerminkan kedudukan BIBD sebagai sebuah institusi tempatan yang boleh berdiri sama tinggi dengan tanda aras pencapaian global.

Pada tahun ini, saya dengan sukacitanya berkongsi bahawa BIBD telah dianugerahkan sebagai 'Bank of the Year 2020' oleh The Banker. Anugerah ini telah lama dianggap sebagai standard tertinggi bagi kecemerlangan perbankan. Ianya tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan dan bimbingan Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah.

BIBD juga dinamakan Bank Paling Selamat di Brunei oleh Global Finance. Serta mampu mengekalkan kedudukan dan status kami sebagai Bank Runcit Terbaik di Brunei untuk tahun ke lapan berturut-turut, seperti yang diiktiraf oleh The Asian Banker.

Apabila situasi bertambah baik berikutan wabak COVID-19, kami di BIBD melihat pelbagai peluang untuk memainkan peranan penting sebagai Rakan Kongsi Kemajuan dalam pembangunan ekonomi negara.

Kami akan terus komited dan melabur dalam kepakaran dan pengetahuan perbankan digital, meningkatkan pelaburan dalam aset manusia BIBD untuk memahami sepenuhnya jangkaan dan keperluan pelanggan kami dan memastikan BIBD kekal memberikan pengalaman pelanggan yang terbaik. Perkhidmatan dan tawaran BIBD meletakkan kami dalam kedudukan yang baik bagi menyokong matlamat dan aspirasi Negara Brunei Darussalam, dan pada masa yang sama mengukuhkan nilai jenama dan kedudukan kami di pasaran tempatan dan serantau.

Dalam meneruskan perjalanan kemajuan dan pertumbuhan kami, In Shaa Allah, bangsa dan rakyat Brunei akan mendapat manfaat daripadanya dalam tahun-tahun yang akan datang.

### **Penghargaan Kepada Mantan Pemimpin BIBD Dan Mengalu-Alukan Pemimpin Yang Baru**

Bagi pihak BIBD, saya ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih yang tulus ikhlas kepada Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela bin Haji Yusof atas sokongan dan bimbingan beliau yang berterusan kerana sentiasa mendahulukan kepentingan BIBD sambil memastikan penglibatan kami dengan masyarakat terus dipelopori. Kami juga ingin menyampaikan penghargaan kami kepada ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD yang lain dan mengucapkan terima kasih atas sumbangan mereka yang amat berharga di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Pada masa yang sama, kami ingin mengalu-alukan Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD yang baru, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr Haji Mazanan bin Haji Yusof, Penolong Mufti (Buhuth) di Pejabat Mufti Negara. Kami juga mengalu-alukan ahli-ahli baru Badan Penasihat Syariah yang telah ditubuhkan untuk anak-anak syarikat kami, BIBD Securities dan BIBD At-Tamwil dan berharap kebijaksanaan dan kepakaran mereka akan dapat menyumbang kepada kejayaan BIBD secara berterusan.

Kami teruja dengan prospek yang diwujudkan dari perlantikan baru ini dan yakin bahawa kebijaksanaan dan kepakaran mereka akan terus membina asas yang dibentangkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. In Shaa Allah, di bawah bimbingan mereka, BIBD akan terus meneraju di barisan hadapan dalam penyediaan rumusan produk dan perkhidmatan yang terbaik untuk para pelanggan dan terus memberi sokongan kepada masyarakat kita.


### **Sebagai Penghargaan**

Pencapaian dan kejayaan kami pada tahun 2020 tidak akan dapat tercapai tanpa sokongan dan bimbingan para ahli Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah, serta lapisan pasukan yang kukuh dan berdedikasi. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama pasukan ini, dengan sokongan Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah yang terus memberikan kami panduan dalam mengemudi kami untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Penghargaan tulus ikhlas saya juga dikhususkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pengawal-selia kami yang terus memberi kepercayaan kepada kami dan memberi peluang yang berterusan bagi menyumbang kepada pembangunan industri kewangan tempatan dan ekonomi di Negara Brunei Darussalam.

Dan akhir sekali, penghargaan yang tinggi kepada para pemegang saham dan para pelanggan, di atas kepercayaan dan sokongan mereka yang berterusan. Kami akan sentiasa memastikan bahawa mereka adalah keutamaan kami dan berharap untuk akan terus dapat berkhidmat dengan baik dalam arus matlamat kemajuan yang kami sasarkan untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik.

***Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum  
Warahmatullah Hi Wabarakatuh***



**Yang Mulia Mubashar Khokhar**  
Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Bank Islam Brunei Darussalam

# Warga Kami



# Lembaga Pengarah



**Yang Berhormat Dato  
Seri Setia Dr. Awang  
Haji Mohd Amin Liew  
bin Abdullah**  
Pengerusi Lembaga/  
Pengarah Bebas

**Tarikh Pelantikan:** 30 Januari 2018

**Tempoh Jawatan sebagai Pengarah:** 3 tahun

## Kelayakan

- Ahli Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA), Singapura
- PhD dalam Kewangan Korporat, Kolej Imperial, Universiti London
- Ijazah Sarjana dalam Pengurusan, Kolej Imperial, Universiti London
- Sarjana Muda (Kelas Pertama) dalam Sains Komputer dan Statistik, Kolej Queen Mary, Universiti London

## Pengalaman Relevan

YB Dato Dr Amin dilantik sebagai Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada 27 September 2018, dan sebelum itu, beliau memegang jawatan Menteri Kewangan II dari 30 Januari 2018. Sebelum menerima pelantikan tersebut, beliau merupakan Timbalan Menteri Kewangan (Pelaburan) sementara menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets Sdn Bhd ("DA"), sebuah syarikat pegangan pelaburan yang dimiliki oleh Menteri untuk Koperasi Kewangan, Brunei Darussalam.

Sebelum menyertai DA, beliau memegang beberapa jawatan penting dengan kerajaan Brunei, termasuk dilantik sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Setiausaha Tetap Kementerian Industri dan Sumber-sumber Utama dan Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei.

Sebelum memegang jawatan dengan kerajaan Brunei, beliau bekerja sebagai seorang usahawan minyak mentah dengan Brunei Shell Petroleum Co Sdn Bhd dalam pertengahan tahun 90an selepas pulang dari United Kingdom di mana beliau bekerja untuk ICI Finance PLC sebagai penganalisis penyelidikan pada akhir tahun 80an/awal 90an.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



**Yang Mulia Awang  
Junaidi bin Haji Masri**  
Pengarah Bebas

**Tarikh Pelantikan:** 1 Februari 2010  
**Tempoh Jawatan sebagai Pengarah:** 11 tahun

#### Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dan Pengurusan, Keele University, United Kingdom

#### Pengalaman Relevan

YM Awang Junaidi ialah Pengarah Urusan Strategic Development Capital Fund sekarang. Sebelum ini beliau memegang jawatan Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan Ketua Pengarah Venture Capital and Strategic Investments, mengendalikan pelaburan BIA secara global. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Fajr Capital sebagai seorang wakil Kerajaan Brunei Darussalam.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



**Yang Mulia Dato Paduka  
Iqbal Ahmad Khan**  
Pengarah Bebas

**Tarikh pelantikan:** 1 November 2007  
**Tempoh Jawatan sebagai Pengarah:** 13 tahun

#### Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Sains Politik dan Perhubungan Antarabangsa, Universiti Islam Aligarh, India
- Ijazah Sarjana Muda dalam Fizik dan Kimia, Universiti Islam Aligarh, India

#### Pengalaman Relevan

YM Dato Iqbal ialah Ketua Pegawai Eksekutif Fajr Capital, firma pelaburan Islam terkemuka yang beribu pejabat di Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai. Sebelum menyertai Fajr Capital, YM Dato Iqbal ialah pengasas Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Amanah, bahagian perkhidmatan kewangan Islam global Kumpulan HSBC. Beliau ialah penyokong lama industri perkhidmatan kewangan Islam, berkhidmat sebagai seorang penasihat kepada inisiatif kerajaan di Brunei Darussalam, Malaysia, Arab Saudi, UAE dan UK.

Beliau ialah penerima beberapa anugerah industri dan global, termasuk Anugerah Diraja Kewangan Islam, anugerah dua kali setahun yang disampaikan oleh Yang DiPertuan Agong Malaysia, Anugerah Negeri "The Most Honourable Order of the Crown of Brunei" dikurniakan Baginda Sultan, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat yang disampaikan oleh Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



**Yang Mulia Dr. Jan Hendrik  
(Hennie) van Greuning**  
Pengarah Bebas

**Tarikh Pelantikan:** 31 Disember 2010

**Tempoh Jawatan sebagai Pengarah:** 10 tahun

#### Kelayakan

- Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA)
- Akauntan Bertauliah, Afrika Selatan dan Kanada
- Ijazah Kedoktoran dalam Sains Perakaunan dan Ekonomi Monetari

#### Pengalaman Relevan

YM Dr Hennie sebelum ini merupakan Penasihat Kanan dalam Perbendaharaan Bank Dunia, menumpu pada Pengurusan Risiko Operasi dalam bidang Perbendaharaan, serta isu berkaitan Perbankan Islam. Beliau adalah ahli Lembaga FirstRand Limited (sebuah syarikat pegangan Bank yang tersenarai di Afrika Selatan), selama sembilan tahun, sehingga November 2017. Dr Hennie mengajar kelas Sarjana dalam Kewangan di Universiti George Washington selama beberapa tahun dan telah menulis enam edisi penerbitan Bank Dunia mengenai Standard Laporan Kewangan Antarabangsa: Satu Panduan Praktikal. Beliau juga menulis bersama buku tentang risiko perbankan konvensional dan Islam. Hasil penerbitan beliau telah diterjemahkan ke dalam lebih 15 bahasa..

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



**Yang Mulia Mubashar  
Khokhar**  
Pengarah Urusan/Ketua  
Pegawai Eksekutif

**Tarikh Pelantikan:** 30 November 2015

**Tempoh Jawatan sebagai Pengarah:** 5 tahun

#### Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Ohio, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Ohio, Amerika Syarikat

#### Pengalaman Relevan

YM Mubashar pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Bank Ajman, sebuah Bank Patuh Syarak yang tersenarai di UAE, dan juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Badr Al-Islami/Mashreq Al-Islami, subsidiari milik sepenuhnya Bank Mashreq.

YM Mubashar sebelum ini berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Badr Al-Islami dan SAMBA Pakistan Ltd dan memegang jawatan kanan dalam American Express Bank dan Bank Amerika.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.



**Yang Mulia Haji Sofian  
Mohammad Jani**  
Pengarah Bebas

**Tarikh Perlantikan:** 19 Mac 2020

**Tempoh Jawatan sebagai Pengarah:** 1 tahun

**Kelayakan**

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pengajian Sosial dalam Perakaunan dan Kewangan, Victoria University of Manchester, United Kingdom
- Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA)

**Pengalaman Releven**

YM Hj Sofian, CFA berpengalaman lebih dari 24 tahun dalam bidang pengurusan pelaburan. Beliau berjawatan Pemangku Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei sejak Julai 2018.

Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Pengurusan Portfolio Aset dan kemudian berpindah ke Penyelidikan dan Pembangunan Perniagaan pada tahun 2001. Pada tahun 2005, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar dan seterusnya berpindah ke Pengurusan Dana Dalaman. Dia kemudian menjadi Ketua Pasaran Tersenarai pada tahun 2012 sebelum mengetuai Jabatan Pelaburan pada tahun 2014. Pada tahun 2018, beliau ditetapkan jawatan sebagai Penolong Pengarah Urusan Kanan.

YM Haji Sofian adalah pemegang CFA.

Keterangan lanjut mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pendedahan lain digariskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.

# Badan Penasihat Syariah



# Badan Penasihat Syariah



**Yang Mulia Dato Seri Setia  
Dr Haji Mazanan bin Haji  
Yusof**  
Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 9 tahun

## Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia;
- Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Usuluddin, Universiti Al-Azhar;
- Sijil Kehakiman Syar'i, Universiti Islam Antarabangsa Islamabad, Pakistan.

## Pengalaman Relevan

YM Dato Dr Haji Mazanan adalah Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam. Beliau mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman dalam bidang kewangan Islam, menjadi ahli di kedua-dua peringkat Penasihat Syariah iaitu Badan Pensihat Syariah, BIBD dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam serta Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Kementerian Kewangan. Beliau juga banyak membuat pembentangan kertas kerja dalam berbagai persidangan dan seminar serta aktif memberikan ceramah-ceramah dan forum ugama, dalam dan luar negara. Dalam bidang kepakaran Syariah, YM Dato Dr Haji Mazanan berpengetahuan mendalam dan terlatih untuk mengeluarkan fatwa, di mana beliau telah menerima latihan daripada Darul Ifta, Mesir pada tahun 2003.



**Yang Mulia Dr Abdul  
Nasir bin Haji Abdul Rani**  
Timbalan Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 7 tahun

## Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat. Universiti Sains Islam Malaysia
- Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dan Perbankan Islam, Universiti Yarmouk, Kerajaan Hasyimiah Jordan
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam (Syariah), Universiti Brunei Darussalam

## Pengalaman Relevan

YM Dr Abdul Nasir adalah Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau banyak terlibat dan berperanan dalam berbagai aspek di industri kewangan Islam seperti Penasihat Syariah, ahli akademik, pensyarah dan jurulatih. Beliau menjadi Ahli Badan Penasihat Syariah BIBD semenjak tahun 2014. Beliau telah menerbitkan banyak buku, kertas penyelidikan dan artikel dalam pelbagai jurnal akademik dan penerbitan. Beliau juga aktif membuat pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara serta mengendalikan latihan-latihan kewangan Islam di dalam negara.



**Yang Mulia Dr Hajah  
Mas Nooraini binti Haji  
Mohiddin**  
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 2 tahun

#### Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Perbankan Islam, Universiti Durham, United Kingdom;
- Ijazah Sarjana dalam Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah, Universiti Al-Azhar, Mesir

#### Pengalaman Relevan

YM Dr Hajah Mas Nooraini adalah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau menjadi Ahli BPS Badan Penasihat Syariah BIBD sejak bulan February 2020. Beliau juga telah menerbitkan banyak kertas kajian dan artikel dalam pelbagai jurnal akademik. Beliau juga aktif membuat pembentangan kertas dalam dan luar negara.



**Yang Mulia Dayang Hajah  
Noraini binti Haji Buntar**  
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 3 tahun

#### Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Ilmu Wahyu dan Tamadun Islam (Fiqh dan Usul al-Fiqh), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah Islamiah, Universiti Al-Azhar Mesir;
- Pemegang Sijil Program Profesional Fiqh Muamalat (FMPP), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) Brunei Darussalam.

#### Pengalaman Relevan

YM Dayang Hajah Noraini adalah Pegawai Istinja Kanan di Jabatan Ifta, Jabatan Mufti Kerajaan dan dilantik sebagai ahli Badan Penasihat Syariah sejak 2018. Beliau juga banyak membuat pembentangan kertas kerja dalam berbagai persidangan dan menjadi panel dalam banyak forum agama dalam dan luar negara.



**Yang Mulia Dr Haji Mohd  
Aidil Yusrie bin Haji Shari**  
Ahli

---

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 1 tahun

#### Kelayakan

- Doktor Falsafah dalam Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA);
- Ijazah Sarjana Syariah, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA);
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Brunei Darussalam (UBD);
- Pemegang Sijil Asas Pelaburan, Institut Penganalisa Kewangan Berkanun (CFA).

#### Pengalaman Relevan

YM Dr Hj Aidil adalah Timbalan Ketua di Jabatan Pembiayaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Brunei Darussalam. Beliau mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman dalam bidang kewangan Islam termasuk dalam industri mahupun pengawalselia. Sebelum ini, beliau adalah Penolong Professor (Kewangan Islam) di UNISSA dan sebagai Pakar Kewangan Islam di Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah. Beliau juga pernah menjadi Pengurus di Jabatan Pengawasan Pasaran Modal, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan dalam masa yang sama dalam penempatan kerja di Kumpulan Perniagaan Pasaran Modal Islam, Securities Commission Malaysia (SC). Sebelum menyertai AMBD, beliau juga pernah menjadi Timbalan Pengurus di Jabatan Syariah BIBD.

# Badan Penasihat Syariah (BIBD Securities)



**Yang Mulia Dr. Haji Mohd  
Aidil Yusrie bin Haji Shari**  
Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 3 bulan

## Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA);
- Ijazah Sarjana dalam Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA);
- Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah, Universiti Brunei Darussalam (UBD);
- Investment Foundations Certificate, Chartered Financial Analyst (CFA) Institute.

## Pengalaman Releven

YM Dr Hj Aidil ialah Timbalan Ketua Pejabat Pembiayaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Brunei Darussalam. Beliau mempunyai lebih dari 10 tahun pengalaman dalam bidang kewangan Islam yang merangkumi industri dan pengawalseliaan. Sebelum ini, beliau merupakan Penolong Pensyarah (Kewangan Islam) di UNISSA dan Pakar Kewangan *Islam di Islamic Development Bank Group (IDB)*, Jeddah. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengurus di Jabatan Pengawalseliaan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan pada masa yang sama ditempatkan di *Islamic Capital Market Business Group of Securities Commission Malaysia (SC)*. Sebelum menyertai AMBD, beliau merupakan Timbalan Pengurus Jabatan Syariah, BIBD.



**Yang Mulia  
Dr Amnisuhailah binti  
Abarahan**  
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 3 bulan

## Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam, *International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)*
- Ijazah Sarjana dalam Pengetahuan Pendedahan Islam dan Warisan, Fiqh dan Usul Al-Fiqh, pengkhususan dalam Perbankan Islam (Fiqh Muamalat), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengetahuan Pendedahan Islam dan Warisan, Fiqh dan Usul Al-Fiqh, pengkhususan dalam *Comparative Religion*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

## Pengalaman Releven

YM Dr Amnisuhailah ialah Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA. Beliau ialah seorang Associate Member of Associations of Shariah Advisers in Islamic Finance (ASAS), Malaysia dan the Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIFP), Malaysia.



**Yang Mulia Dr. Ahmad  
Lutfi bin Abdul Razak**  
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 3 bulan

#### Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam, *International Centre for Education in Islamic Finance*;
- Diploma *CIMA* dalam Kewangan Islam;
- Diploma Lulusan Ijazah dalam Ekonomi Lanjutan, Universiti Warwick, United Kingdom;
- Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi, Universiti Warwick, United Kingdom;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi, Universiti Warwick, United Kingdom.

#### Pengalaman Relevan

YM Dr Lutfi menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam dari *International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)* pada Disember 2019 dengan tesis bertajuk "Kesan Prestasi Sosial Korporat Terhadap Risiko Kredit". Beliau juga menerima Anugerah Presiden INCEIF bagi Pencapaian Prestasi Akademik Terbaik dalam Kelas Graduan 2019 untuk Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam.

Sebelum mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah beliau, YM Dr Lutfi memperolehi Diploma CIMA dalam Kewangan Islam, Diploma Lulusan Ijazah dalam Ekonomi Lanjutan (Universiti Warwick, UK), Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi (Universiti Warwick, UK) dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi (Universiti Warwick, UK).

Sebelum mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah beliau dari INCEIF, YM Dr Lutfi memegang jawatan sebagai Pensyarah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam. Beliau juga pernah bekerja di *Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)*, Brunei Darussalam di mana beliau melaksanakan sejumlah projek nasional seperti Pengoptimuman Tanah, Produktiviti Nasional, Literasi Kewangan dan Kemudahan Melakukan Perniagaan.

# Badan Penasihat Syariah (BIBD At-Tamwil)



**Yang Mulia Dr Abdul Nasir  
bin Haji Abdul Rani**  
Pengerusi

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 6 tahun

## Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia;
- Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dan Perbankan Islam, Universiti Yarmouk, Kerajaan Hasyimiah Jordan;
- Ijazah Sarjana Muda dalam Kajian Islam (Syariah), Universiti Brunei Darussalam.

## Pengalaman Releven

YM Dr Abdul Nasir ialah Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Beliau telah memainkan beberapa peranan dalam industri kewangan Islam dalam kebanyakan bidang iaitu penasihat Syariah, ahli akademik, pensyarah dan pelatih. Beliau ialah seorang Ahli Badan Penasihat Syariah BIBD sejak 2014. Beliau telah menerbitkan banyak buku, kertas penyelidikan dan artikel dalam pelbagai jurnal akademik dan penerbitan. Beliau juga mengadakan penyampaian dalam pelbagai persidangan di dalam dan luar negara serta menganjurkan beberapa latihan kewangan Islam di dalam negara.



**Yang Mulia Pg Dr Md  
Hasnol Alwee bin Pg Hj  
Md Salleh**  
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 6 bulan

## Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah dalam Kewangan Islam dari University Durham, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains dalam Kewangan, Universiti Lancaster, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Brunei Darussalam.

## Pengalaman Releven

YM Pg Dr. Md Hasnol Alwee ialah pensyarah di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam dari tahun 2009. Beliau telah mengajar beberapa modul berkaitan dengan Perbankan dan Kewangan Islam seperti Pengenalan Perbankan dan Kewangan Islam, Etika Perniagaan Islam, Pelaburan dalam Kewangan Islam dan Pembiayaan Mikro Islam. Kepakaran dan minat beliau adalah dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan literasi kewangan Islam, Literasi Kewangan, Awqaf, dan Kewangan Sosial. Beliau telah menulis banyak artikel jurnal, bab dalam buku, dan kertas penyelidikan dalam pelbagai jurnal akademik dan penerbitan.



**Yang Mulia Hj. Md.  
Syahiran bin Hj. Md.  
Sofian**  
Ahli

Tempoh Jawatan sebagai Ahli: 6 bulan

#### Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
- Ijazah Sarjana Muda dalam Syariah, Universiti Al-Azhar, Mesir.

#### Pengalaman Releven

YM Hj Md. Syahiran ialah Penolong Pensyarah di Kolej Universiti Pengajian Ugama Seri Begawan. Beliau mempunyai latar belakang Syariah yang kuat dengan pengetahuan perbankan dan kewangan yang relevan. Pengalaman beliau dalam pengajaran bermula pada tahun 2007 dan sehingga kini telah menjalankan pelbagai kursus Syariah dan Kewangan seperti Principles of Fiqh (Usul Fiqh), Islamic Legal Maxims (Qawa'id Fiqhiyyah), Fiqh Muamalat & isu semasa dan Fatwas of jurisprudential rulings (Fatawa Al-Ahkam Al-Fiqhiyyah).

# Forum Kepimpinan



## Forum Kepimpinan



**Yang Mulia Mubashar Khokhar**

Pengarah Urusan

YM Mubashar merupakan profesional perkhidmatan kewangan yang berpengalaman lebih tiga puluh tahun meliputi lima belas pasaran maju dan baru muncul, termasuk Amerika Syarikat, Eropah, Asia, Afrika dan negara anggota Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC). Sebelum Fajr Capital, Mubashar merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Ajman Bank, sebuah bank yang disenarai awam yang patuh Syariah di UAE, dan juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Badr Al-Islami/ Mashreq Al-Islami, sebuah anak syarikat milik penuh Mashreq Bank. Semasa pentadbirannya, Mashreq Al-Islami dan Ajman Bank menerima pengiktirafan industri yang meluas, ini termasuk anugerah 'Best Domestic Bank'. YM Mubashar sebelum ini pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Badr Al-Islami dan Saudi American Bank (SAMBA) Pakistan Ltd, dan memegang jawatan kanan di American Express Bank dan Bank of America. Beliau berkelulusan MBA dan BBA (Kepujian) dari Ohio University, Amerika Syarikat.



**Yang Mulia Hajah Noraini Haji Sulaiman**

Timbalan Pengarah Urusan

YM Hajah Noraini sebelum ini memegang jawatan Pemangku Pengarah Urusan Syarikat Takaful Brunei Darussalam, diperbantukan dari BIBD. Beliau pernah menjadi Ketua Kewangan bagi Islamic Bank of Brunei, dan pernah memegang beberapa jawatan perakaunan dan kewangan dalam syarikat-syarikat Brunei lain seperti Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd. Pada masa ini, beliau merupakan pengarah di BIBD At-Tamwil Berhad, BIBD Securities, Perkhidmatan Pengurusan IDBB, Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Pengerusi bagi Jawatankuasa Audit TAP. Beliau merupakan ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah dan juga ahli Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam.



**Yang Mulia Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan**

Ketua Pegawai Operasi

YM Haji Minorhadi mempunyai pengalaman perbankan selama tiga puluh tahun bersama BIBD dan Kumpulan HSBC menerusi peranan kepimpinan dalam perniagaan perbankan Retail, Korporat dan Institusi. Kerjaya beliau juga termasuk mempelopori pembiayaan project dan perkembangan pelbagai fungsi yang termasuk bidang Pemasaran Runcit, Aset & Pengurusan Dana, Perbankan Pelaburan dan pembangunan modal insan. Beliau telah memimpin usaha pengiktirafan ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) BIBD. Beliau adalah mantan Pengerusi Pengasas bagi Persatuan Pasaran Modal Brunei Darussalam (BCMA) dan dilantik sebagai anggota Majlis Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit UBD. YM Haji Minorhadi ialah seorang ahli bersekutu Institut Berkanun Sekuriti dan Pelaburan (CISI) UK, menerusi pemerolehan Kelayakan Kewangan Islam (IFQ). Beliau adalah ahli kepada Persatuan Penasihat Syariah di dalam Kewangan Islam (ASAS) Malaysia dan telah menjalani kursus Asas dalam Pemikiran Reka Bentuk dari IDEOU US. Beliau memperolehi MBA dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Diploma Nasional Tertinggi BTEC (HND) dalam Perniagaan dan Kewangan daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Sijil dalam Perancangan Kewangan Islam.



### **Yang Mulia Tan Pheng Leong**

Ketua Pegawai Kewangan

YM Pheng Leong memegang lebih daripada 18 tahun pengalaman bekerja dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dan juruaudit di pelbagai institusi kewangan. Beliau menyertai BIBD sebagai CFO pada tahun 2017, mengetuai Bahagian Kewangan dan bertanggungjawab untuk urusan kewangan kumpulan. Sebelum menyertai BIBD, YM Pheng Leong bekerja untuk firma audit antarabangsa di Singapura, United Kingdom, Taiwan dan Brunei dan merupakan rakan kongsi di Brunei dan Singapura yang menjaga pelanggan dalam pelbagai industri dari perbankan, insurans, pengurusan dana, minyak dan gas dan telekomunikasi. Beliau menasihati pelanggan dalam penukaran Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan diaudit penyata kewangan beberapa bank dan syarikat insurans di bawah IFRS. YM Pheng Leong mempunyai penghargaan yang kuat terhadap amalan kerja global, penukaran IFRS dan IFRS, yang telah bekerja dengan BIBD di pejabat Brunei dan di pelbagai negara. YM Pheng Leong memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian Kelas Pertama) dari Universiti Teknologi Nanyang dan merupakan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Bertauliah Singapura, Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales serta Akauntan Awam Bertauliah Negara Brunei Darussalam Institut Akauntan Awam Bertauliah. Beliau juga merupakan Penganalisis Kewangan Bertauliah Institut CFA.



### **Yang Mulia Effendy Othman**

Kaunsel Am & Setiausaha Syarikat

Sebelum menyertai BIBD, YM Effendy berkecimpung dalam bidang undang-undang swasta di Kuala Lumpur selama 24 tahun, yang mana 10 tahun adalah rakan kongsi kanan dengan firma undang-undang serantau terbesar di Malaysia dengan kehadiran di seluruh negara Asean. Pelanggan YM Effendy terdiri daripada institusi kewangan tempatan dan antarabangsa, multinasional, awam dan syarikat awam yang tersenarai. YM Effendy adalah setiausaha syarikat bertauliah dengan Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia.

Beliau juga merupakan pengarang bersama beberapa penerbitan termasuk *Malaysian Company Law: Principles and Practice* (Edisi ke-2 2018 - Wolters Kluwer), pengarang *Malaysian chapter on Asian Conflict of Laws - East and Southeast Asia* (2017 - Wolters Kluwer), dan penyumbang *Malaysia for the Global Perspectives on the Hague principles chapter of the Choice of Law in International Commercial Contracts* (2021 - Oxford University Press).

YM Effendy lulus dengan kepujian kelas Pertama dalam bidang undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Dia juga memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang dari University of Cambridge dan London School of Economics and Political Science.



### **Yang Mulia Chua Peng Sim**

Ketua Audit Dalaman

YM Peng Sim mempunyai pengalaman meluas dan rekod pencapaian yang kukuh dalam industri minyak dan gas dan telah bekerja di dalam dan luar negara. Pengalaman beliau termasuk sebagai Ketua Audit Dalaman selama enam tahun untuk Brunei Shell Joint Venture Companies. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan dan merupakan seorang akauntan berkelulusan profesional dari Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales.

**Yang Mulia Edmundo Horacio Uribe Bobadilla****Ketua Pegawai Risiko**

YM Edmundo mempunyai tiga puluh tahun pengalaman dalam perbankan, dua puluh empat tahun dalam Pengurusan Risiko dan enam dalam Perbankan Korporat dan Pelaburan. Beliau telah bekerja selama dua puluh dua tahun di Bank of America, Chase Manhattan Bank dan baru-baru ini untuk Citibank. Dalam lapan tahun kebelakangan, beliau telah bekerja di Timur Tengah, pada dasarnya dalam perbankan Islam untuk Bank Aljazira di Arab Saudi, Al Khaliji Perancis di Qatar dan Emirates Islamic di Dubai. Di mana, beliau telah dijemput untuk menaik taraf fungsi Risiko dan melaksanakan amalan terbaik antarabangsa, termasuk pelbagai latihan berkaitan Risiko merentasi pelbagai bidang. Dalam tugas beliau sebelumnya, sebagai Ketua Kredit dan Risiko di Emirates Islamic, beliau telah mengubah sepenuhnya struktur Risiko, termasuk proses, sistem dan orang yang berkaitan. YM Edmundo memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universidad Iberoamericana dan Sarjana Kewangan dari University of Exeter.

**Yang Mulia Habibah Haji Harry****Ketua Pegawai Sumber Manusia**

YM Habibah membawa bersama beliau pengalaman yang banyak daripada pelbagai fungsi sumber manusia korporat yang diperolehnya ketika bertugas dengan Brunei Shell Petroleum (BSP) yang menjangkau lebih tujuh belas tahun, di mana beliau kali terakhir memegang peranan Ketua Jabatan Keberkesanan Organisasi. Pengalaman beliau termasuk tiga tahun bertugas di Malaysia sebagai Penasihat HR Serantau untuk Asia Pasifik dan Timur Tengah untuk Shell IT International Sdn Bhd. Habibah mempunyai pengetahuan dan kemahiran meluas dalam pengurusan isu organisasi, membina kumpulan kakitangan efektif dan produktif, menggabungkan nilai strategik HR dan sumbangan dalam membuat keputusan perniagaan dan panduan dasar, serta memperkenalkan perubahan strategik kepada dasar dan amalan HR. YM Habibah memegang ijazah BA (Kepujian) dalam Kajian Pengurusan dari Universiti Brunei Darussalam pada 1990.

**Yang Mulia Adi Shamsul Haji Sabli****Ketua Pegawai Maklumat**

YM Adi Shamsul mempunyai dua puluh tiga tahun pengalaman kerja dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal IT yang kukuh. Beliau ialah pemimpin IT yang ulung dengan pengalaman yang luas di dalam dan luar negara. Beliau mempunyai rekod yang kukuh dalam membina perniagaan yang positif dan perkongsian stakeholder, memaju dan melaksana strategi utama IT, memimpin projek-projek besar serta melaksana penyelesaian inovatif serta mempertingkatkan proses perniagaan. Selepas memegang peranan sebagai Ketua Pengurusan Maklumat dalam Brunei LNG pada 2010, beliau dipinjam untuk perkhidmatan kerajaan, menyandang jawatan kanan di pejabat Perdana Menteri selama tujuh tahun. Pada tahun 2017, beliau kembali ke Brunei Shell dan dilantik sebagai Ketua Pengurusan Data Teknikal.

**Yang Mulia Hajah Nurul Akmar Haji Mohd Jaafar****Ketua Pegawai Pemasaran**

YM Hajah Nurul Akmar telah berkhidmat dengan BIBD melebihi dua puluh tahun dalam bidang perbankan kewangan, pelaburan dan retail. Beliau turut terlibat dalam usaha transformasi BIBD melalui pelbagai projek seperti menaik taraf sistem IT, penambahbaikan proses perniagaan, dan inovasi produk, dan juga pembangunan budaya jualan & perkhidmatan dalam perniagaan retail. Beliau juga telah memainkan peranan penting dalam projek penjenamaan semula Bank yang banyak meningkatkan pengalaman perkhidmatan pelanggan, mengukuhkan kesetiaan jenama dan juga pertumbuhan dalam pengambilalihan pelanggan. Beliau juga merupakan perintis bagi pembangunan program CSR BIBD yang menekankan nilai Bank yang berjiwa keBruneian, dengan inisiatif utama termasuk BIBD Sirah Amal dan BIBD ALAF. YM Hajah Nurul mengetuai Kumpulan Perbankan Retail, selepas memegang portfolio Penjualan & Pengedaran dan mengembangkan asas pelanggan serta kunci kira-kira Retail selama hampir sepuluh tahun. YM Hajah Nurul sangat berazam untuk menyampaikan pengalaman pelanggan yang cemerlang dengan inovasi-inovasi dalam perbankan digital. YM Hajah Nurul memegang BA dalam Perakaunan dan Kewangan dari United Kingdom dan merupakan Islamic Bank of Brunei Scholar sebelum menyertai BIBD pada tahun 1995.

**Yang Mulia Irwan bin Haji Lamit****Pemangku Ketua Perbankan Runcit**

YM Irwan baru-baru ini menyertai BIBD untuk mengetuai Kumpulan Perbankan Retail. Beliau mempunyai lebih lima belas tahun pengalaman dalam industri Kewangan, di mana, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan dan seorang ahli Lembaga Pengarah BIBD At-Tamwil Berhad sejak 2011. Menyumbang kepada kepimpinan YM Irwan, BIBD At-Tamwil menjadi salah sebuah syarikat kewangan paling menguntungkan dalam negara, dan telah mencatat peningkatan keuntungan yang berterusan dan tidak terganggu dari 2006 hingga 2017. YM Irwan ialah seorang Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Berkanun (ACCA). Sebelum menyertai kumpulan BIBD, YM Irwan bekerja dengan Brunei Shell Marketing Company Sdn Bhd. YM Irwan memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perakaunan Gunaan dari Universiti Oxford Brookes, UK dan baru-baru ini menerima EMBA dari Universiti Oxford, UK.

**Yang Mulia Koh Swam Sing****Ketua Perbankan Korporat**

YM Swam Sing mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang Perbankan Korporat, Operasi dan Risiko Kredit. Kerjaya beliau bermula dengan The Island Development Bank Bhd pada tahun 1983, dimana beliau telah memegang pelbagai jawatan di operasi cawangan, pentadbiran dan pengurusan kredit. Sebagai salah seorang perintis BIBD, beliau memainkan peranan penting dalam transformasi Bank ke perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam, dan berperanan dalam memperkenalkan beberapa kemudahan teras Bank. Beliau kini adalah Ketua Bahagian Perbankan Korporat, yang bertanggungjawab untuk membina portfolio Perbankan Korporat, dan menyokong perniagaan tempatan bagi dapat menyumbang ke arah pertumbuhan infrastruktur Brunei Darussalam.



**Yang Mulia Salman Ashraf Khan**  
Ketua Perbendaharaan dan Pasaran Global

YM Salman merupakan pegawai perbendaharaan dan pelaburan yang berpengalaman melebihi dua puluh empat tahun di kawasan Timur Tengah, Timur dan juga Eropah. Beliau memegang jawatan sebagai ketua Perbendaharaan dan Pasaran Global, dan juga ahli bagi Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti dan Pengurusan Risiko Enterprise bagi BIBD. Sebelum ini, beliau berkhidmat di beberapa institusi global yang berprofil tinggi seperti Deutsche Bank (sebagai Ketua Global bagi Pendedaran Islam), HSBC Amanah (Ketua Global bagi Penjualan Perbendaharaan), Standard Chartered Bank dan Arab Banking Cooperation (ABC). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Bendahara bagi Dubai Islamic Bank. Beliau mengekalkan hubungan yang kukuh dengan lebih 250 Institusi Kewangan meliputi pelbagai kelas aset. YM Salman juga telah berkerjasama dengan Ulama Syariah di seluruh dunia untuk mereka bentuk dan melaksanakan solusi perlindungan Islam, Produk Berstruktur dan pengoptimal hasil (dibiayai / tidak dibiayai). Beliau merupakan penceramah yang rajin dan pakar dalam bidang Perbendaharaan. Beliau juga berkecayaan Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA) dan memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan berkecayaan PGD.



**Yang Mulia Haji Muhd Yazid Dato Paduka Haji Mahadi**  
Pengarah Urusan BIBD Securities Sendirian Berhad (BIBDS)

YM Haji Muhd Yazid menyertai BIBD pada tahun 2017, mempelopori strategi pengurusan aset kumpulan. Tanggungjawab utama beliau termasuk memajukan strategi perniagaan berhubung dengan pengurusan aset sebagai sebahagian daripada dasar strategik utama kumpulan dan beliau juga menyelia semua aktiviti BIBD Securities Sendirian Berhad. Sebelum menyertai BIBD, beliau bekerja di Divisyen Pelaburan, Kementerian Kewangan di mana beliau memimpin strategi ekuiti dan hasil pulangan mutlak untuk Dana Pesaraan dan Dana Rizab Penstabilan Fiskal. YM Haji Muhd Yazid lulus dengan cemerlang dalam Sarjana Falsafah (MPhil) dalam Ekonomi dari Universiti Cambridge. Sebelum itu, beliau memperoleh ijazah kelas pertama dengan kepujian dalam ijazah Sarjana Muda Sains (BSc Hons) dalam Ekonomi dari Universiti Manchester, di mana beliau juga dianugerah Anugerah Sekolah Manchester. Beliau menyumbang kertas penyelidikan bertajuk "The Dutch Disease Hypothesis: Evidence from the Gulf Cooperation Council" dalam Jurnal Strategi dan Dasar CSPA, 2011. YM Haji Muhd Yazid juga seorang Penganalisis Kewangan Bertauliah.



**Yang Mulia Haji Mohd Said Haji Zania**  
Pemangku Pengarah Urusan BIBD At-Tamwil Berhad

YM Haji Mohd Said mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam industri perbankan dan kewangan Brunei. Beliau menyertai BIBD At-Tamwil Berhad pada tahun 2000 dan tokoh yang sering berperanan penting dalam kejayaan berterusan BIBD At-Tamwil Berhad. Dalam peranan sebelumnya sebagai Ketua Operasi, beliau menunjukkan kualiti kepimpinan mantap dan keupayaan untuk menguruskan hal ehwal strategik dan operasi yang membawa kepada penambahbaikan signifikan dalam operasi BIBD At-Tamwil Berhad.



**Yang Mulia Hajah Hanifah Haji Jenan**  
Ketua Syariah

YM Hajah Hanifah adalah Ketua Syariah BIBD yang mempunyai lebih dari sepuluh tahun pengalaman yang luas meliputi Perbankan Cawangan, Jabatan Pemuliharaan dan Penasihat Perundangan sebelum mengetuai Jabatan Syariah pada masa ini. Beliau juga berpengalaman di bidang Takaful apabila beliau diperbantukan ke Takaful BIBD di mana beliau mengendalikan perkara perundangan dan tuntutan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) dari Universiti Malaya, Malaysia dan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga adalah Perancang Kewangan Islam bertauliah dari Al-Hijrah Consultancy dan pemegang Sijil Program Profesional Fiqh Muamalat (FMPP) dari CIBFM Brunei.



**Yang Mulia Susanna Maria Goh Ghim Hong**  
Ketua Pematuhan

YM Susanna mempunyai pengalaman lebih tiga belas tahun dalam industri perbankan khususnya lebih tujuh tahun dalam bidang perundangan dan pematuhan, setelah menjadi Ketua Pematuhan untuk HSBC Brunei. Sebelum ini, beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah untuk HSBC Finance (Brunei) Berhad. Beliau menyertai BIBD sebagai Ketua pematuhan pada Julai 2018 dan mengendalikan Divisyen Pematuhan untuk BIBD dan menyelia penglibatan bersama pengawal selia perbankan dan semua aspek pematuhan jenayah kewangan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang LLB dari Universiti Nottingham dan seorang Barrister-at-Law yang berkecualan.



**Yang Mulia Haji Mohd Yusri Haji Wahsalfelah**  
Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek-Projek Khas

YM Haji Mohammad Yusri memulakan kerjaya beliau pada sebagai seorang ahli ekonomi di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab dalam mengawasi perumusan dasar dan perancangan ekonomi dalam bidang Penswastan, *Public Private Partnership (PPP)*, Dasar Persaingan, Amalan Perdagangan Adil, dan Perlindungan Pengguna. Beliau menyertai BIBD sebagai Pengurus Perhubungan Kanan pada tahun 2012, menyelia hubungan keseluruhan Bank dengan Kementerian Kewangan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), serta pihak berkepentingan strategik yang lain di dalam Kerajaan dan agensi korporat. Pada masa ini, YM Haji Mohammad Yusri mengetuai Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, tumpuan utama bank untuk penyelarasan dengan pihak-pihak berkepentingan utama dalam sektor kerajaan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University of Leicester, United Kingdom, dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dan Perancangan Kewangan, dari Curtin University of Technology, Australia Barat.

# Tadbir Urus Korporat

- 2.1 Laporan Tadbir Urus Korporat  
(Bagi Tahun Kewangan Yang Berakhir  
Pada 31 Disember 2020)
- 2.2 Badan Penasihat Syariah

# 02

## 2.1 Laporan Tadbir Urus Korporat (Bagi Tahun Kewangan Yang Berakhir Pada 31 Disember 2020)

### Berdasarkan Garis Panduan Tadbir Urus Korporat untuk Bank Islam

#### Pengenalan

*Kunci untuk mencapai pertumbuhan organisasi yang berkesinambungan dan bertanggungjawab terutama pada masa krisis adalah dengan memastikan bahawa Kumpulan BIBD menanamkan dan menerapkan rangka kerja, piawaian dan budaya tadbir urus korporat yang kuat dan terus berkembang untuk mencapai piawaian inti sari, kepatuhan dan jangkauan yang lebih tinggi.*

Tahun 2020 telah menyaksikan impak luar biasa dari pandemik COVID-19 pada tahap yang berbeza bagi setiap aktiviti manusia di seluruh dunia yang merangkumi sektor ekonomi, perniagaan dan juga kewangan. Kepimpinan yang utuh serta langkah-langkah yang berkesan oleh kerajaan telah melindungi Brunei daripada kesan dahsyat pandemik yang dihadapi oleh banyak negara, dan menerusi penemuan vaksi dan pelancarannya, terselah harapan untuk situasi menjadi pulih. Walau bagaimanapun, kesan riak pandemik terhadap ekonomi global mungkin akan dirasakan pada tahun-tahun yang akan mendatang. Oleh itu, ekonomi, perniagaan dan sektor kewangan Brunei hendaklah terus

berdaya tahan dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan untuk memastikan pertumbuhan yang mampan dan bertanggungjawab.

Ahli Lembaga Pengarah (Lembaga) BIBD menyedari bahawa kunci untuk mencapai pertumbuhan organisasi yang mampan dan bertanggungjawab terutama pada masa krisis adalah dengan memastikan bahawa Kumpulan BIBD menanamkan dan menerapkan rangka kerja dan budaya tadbir urus korporat yang kuat dalam organisasi dan terus berkembang untuk mencapai piawaian inti sari, kepatuhan dan jangkauan yang lebih tinggi. Oleh itu, dalam Laporan Tahunan ini, Kumpulan BIBD telah mengeluarkan format laporan tadbir urus korporat yang baru dalam bentuk laporan yang memberikan penjelasan yang lebih komprehensif mengenai nilai, prinsip, pendekatan dan tindakan tadbir urus korporat yang dihayati oleh Kumpulan BIBD, selaras dengan Prinsip-prinsip yang disarankan di bawah Garis Panduan Tadbir Urus Korporat untuk Bank Islam (Garis Panduan) yang dikeluarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

#### 2.1.1 Laporan Pengurusan Risiko oleh Ketua Pegawai Risiko

#### 2.1.2 Pendedahan Mengenai Perkara lain Yang Berkaitan dengan Operasi dan Kewangan

- I. Perkara-Perkara signifikan yang mempengaruhi Operasi Masa Depan
- II. Jangkaan Perkembangan bagi Operasi Masa Depan

#### 2.1.3 Prinsip-Prinsip Tadbir Urus Korporat

- |                   |                                                                         |
|-------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| <b>Prinsip 1</b>  | - Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga - fungsi dan tanggungjawab           |
| <b>Prinsip 2</b>  | - Komposisi Lembaga dan kedudukan Pengarah Bebas                        |
| <b>Prinsip 3</b>  | - Pembahagian Peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)       |
| <b>Prinsip 4</b>  | - Kriteria untuk pengenalan, penilaian dan pelantikan Pengarah-Pengarah |
| <b>Prinsip 5</b>  | - Struktur tadbir urus dan penilaian bagi keberkesanan Lembaga          |
| <b>Prinsip 6</b>  | - Tanggungjawab Lembaga terhadap rangka kerja tadbir urus bagi Kumpulan |
| <b>Prinsip 7</b>  | - Mesyuarat Lembaga dan kehadiran ahli Lembaga                          |
| <b>Prinsip 8</b>  | - Polisi Imbuhan bagi Pengurusan Kanan dan pekerja lain                 |
| <b>Prinsip 9</b>  | - Tanggungjawab Lembaga terhadap prestasi dan kedudukan risiko Bank     |
| <b>Prinsip 10</b> | - Tanggungjawab Lembaga untuk tadbir urus risiko                        |
| <b>Prinsip 11</b> | - Fungsi pengurusan risiko bebas yang berkesan di dalam Bank            |
| <b>Prinsip 12</b> | - Prasarana pengurusan risiko dan kawalan dalaman Bank                  |

|                   |                                                                                      |
|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Prinsip 13</b> | - Jawatankuasa Audit Bank melalui Jawatankuasa Audit, Kewangan dan Risiko            |
| <b>Prinsip 14</b> | - Rangka Kerja Audit Dalaman Bank                                                    |
| <b>Prinsip 15</b> | - Pengurusan risiko berdasarkan pematuhan Bank                                       |
| <b>Prinsip 16</b> | - Pendekatan tadbir urus untuk menegakkan kepentingan Pemegang Saham                 |
| <b>Prinsip 17</b> | - Penglibatan Pemegang Saham                                                         |
| <b>Prinsip 18</b> | - Langkah-langkah untuk menggalakkan penyertaan pemegang saham dalam mesyuarat agung |
| <b>Prinsip 19</b> | - Pengurusan bagi situasi Konflik Kepentingan dan Transaksi Pihak Berkaitan          |

### 2.1.1 Laporan Pengurusan Risiko oleh Ketua Pegawai Risiko

BIBD memberikan penekanan yang besar terhadap peranan pengurusan risiko untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang yang berterusan dan bertanggungjawab bagi Kumpulan. Untuk menyokong aspirasi BIBD, fungsi dan proses pengurusan risiko yang mantap telah dikuatkuasakan bagi penilaian, pemantauan dan pengawasan bebas dari risiko kewangan dan bukan kewangan di seluruh Kumpulan BIBD.

Pengurusan yang menyeluruh bagi semua risiko yang dihadapi oleh BIBD adalah sebahagian daripada usaha kami untuk mengekalkan kualiti yang tinggi bagi tadbir urus, risiko dan pematuhan di seluruh Kumpulan. BIBD melakukan berbagai usaha dan dikehendak untuk mengatur, memantau dan melaporkan semua risiko secara jelas dengan pendekatan holistik.

BIBD telah menerapkan berbagai dasar Risiko yang bertujuan untuk melindungi risiko dan perniagaan yang berbeza yang disemak pada setiap tahun.

#### Strategi Pengurusan Risiko

Strategi Pengurusan Risiko BIBD disemak dan diluluskan oleh Lembaga BIBD pada setiap tahun. Strategi Pengurusan Risiko memberikan pendekatan menyeluruh dalam menguruskan risiko bagi Kumpulan BIBD.

#### Penyata Selera Risiko

Dalam Strategi Pengurusan Risiko, Penyata Selera Risiko holistik (RAS) ditetapkan sebagai parameter risiko utama dan diselaraskan dengan objektif pengurusan risiko keseluruhan bagi Kumpulan:

- Untuk melebihi keperluan modal peraturan minimum secara konsisten
- Untuk memastikan tahap kecairan dan pembiayaan yang mencukupi
- Untuk menguruskan tahap risiko dalam portfolio ke tahap yang boleh diterima,
- Untuk mengekalkan penilaian hutang luaran.

#### Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan

Kumpulan BIBD telah menerapkan pendekatan di seluruh perusahaan yang merangkumi 19 (sembilan belas) risiko teras di dalam struktur pengurusan risiko operasinya. Ini disokong oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMF) sebagai pendekatan yang seragam untuk menguruskan semua risiko dalam Kumpulan. Salah satu alat utama yang digunakan dalam ERMF adalah RAS dan Petunjuk Risiko Utama (KRI) tertentu yang dipantau pada setiap bulan bagi setiap bahagian BIBD.

#### Struktur Tadbir Urus Risiko

Struktur tadbir urus yang kuat telah disediakan untuk memastikan bahawa ERMF dapat dilaksanakan dengan berkesan. Walaupun Lembaga pada dasarnya dipertanggungjawabkan untuk aktiviti pengurusan risiko BIBD, pihaknya telah mengagihkan tanggungjawab bagi pengawasan pengurusan risiko BIBD tersebut kepada Jawatankuasa Lembaga; Jawatankuasa Kecil Audit dan Kewangan (AF), Jawatankuasa Kecil Risiko (RC), dan Jawatankuasa Eksekutif (EXCOM). Jawatankuasa Lembaga ini dikemaskini mengenai perihal yang berkaitan dengan risiko pada setiap suku tahun atau apabila diperlukan. Badan Penasihat Syariah juga telah diwakilkan oleh Lembaga untuk memberikan pengawasan terhadap risiko Syariah. Badan Penasihat Syariah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun dan akan dikemaskini dengan sewajarnya.

Di peringkat Pengurusan, Risiko Kumpulan dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Kredit (CRC), Jawatankuasa Aset & Liabiliti (ALCO), dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM). Jawatankuasa pengurusan ini bermesyuarat pada setiap minggu, bulanan dan suku tahunan. Perihal khusus seperti Kecukupan Modal (ICAAP) dan Pelan Pemulihan adalah dikaji dalam ERM.

#### Model Pengurusan Risiko Kumpulan

Model Pengurusan Risiko Kumpulan menggunakan pendekatan "Tiga Barisan Pertahanan" untuk menampung sebarang risiko. Hal ini dicapai dengan menjaga proses pemantauan yang sedang berlangsung dan pelaksanaan pengendalian yang tepat.


Tanggungjawab tersebut dibahagikan seperti berikut:

2. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD)
3. MENA Infrastructure (GP) Limited
4. Saudi Mechanical Industries Company
5. Cravia Group Holdings Limited
6. Jadwa Investment
7. Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn Bhd
8. Syarikat Takaful Brunei AM Sdn Bhd
9. Syarikat Takaful Brunei Keluarga Sdn Bhd

#### **D. YM Junaidi bin Haji Masri (mulai 9 April 2021)**

1. Amann Shipping Group Sdn Bhd
2. Amann Shipping Container Line Sdn Bhd
3. Bank Islam Brunei Darussalam Sdn Bhd
4. Barramundi Asia (B) Sdn Bhd
5. BIBD Tamwil
6. Blue Ocean Tech Sdn Bhd
7. Brunei Energy Services & Trading Sdn Bhd
8. Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd
9. Brunei Methanol Company Sdn Bhd
10. CAE Brunei MPTC Sdn Bhd
11. Darussalam Pilotage Services Sdn Bhd
12. Everbright Adv Investments Sdn Bhd
13. Fajr Capital Limited
14. Hengyi Industries Sdn Bhd
15. Jets Sdn Bhd
16. Jerudong Park Hotel Sdn Bhd
17. Jerudong International School Sdn Bhd
18. Lianfeng Investments Sdn Bhd
19. Makan Ceria Sdn Bhd
20. Piper Aircraft Asia Sdn Bhd
21. Polygel Organometallic (B) Sdn Bhd
22. Progresif Sdn Bhd
23. RBA Golf Club Sdn Bhd
24. RBGCC Sdn Bhd
25. Royal Brunei Trading Sdn Bhd
26. Saahtain Asia Sdn Bhd
27. SBI (B) Sdn Bhd
28. Simpor Pharma Sdn Bhd
29. Syarikat P3 Sdn Bhd (Syarikat P Cube)
30. Takaful Brunei Am
31. Western Foods & Packaging Sdn Bhd

#### **E. YM Haji Sofian bin Mohammad Jani (mulai 6 April 2021)**

1. Tabung Amanah Pekerja
2. Royal Brunei Culinary
3. Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam
4. DST Digital
5. Bursa Saham Brunei Darussalam (BNX)
6. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD)
7. Oman Brunei Investment Company (OBIC)
8. Pak Brunei Investment Company

#### **F. YM Mubashar Hanif Khokhar**

1. Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
2. BIBD At-Tamwil Berhad
3. BIBD Securities Sdn Bhd
4. BETTER Sdn Bhd
5. BIBD (Middle East) Limited
6. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF)

**PRINSIP 5**

Lembaga perlu menentukan struktur dan amalan tadbir urus yang sesuai untuk pengurusan kerjanya dan menyediakan kaedah untuk amalan tersebut diikuti dan dikaji secara berkala untuk keberkesanan berterusan. Penilaian tahunan rasmi adalah perlu untuk memastikan keberkesanan Lembaga secara menyeluruh termasuk Jawatankuasa Lembaga dan juga sumbangan oleh setiap pengarah terhadap keberkesanan Lembaga.

Peranan utama Lembaga BIBD adalah untuk menentukan strategi, objektif dan dasar BIBD untuk memberikan nilai yang mampan kepada pemegang-pemegang sahamnya. Lembaga memberikan bimbingan dan kepimpinan yang diperlukan oleh Pengurusan Kumpulan. Seperti yang dijelaskan dalam **Prinsip 1**, Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan membantu Lembaga dalam memberikan pengawasan yang efektif terhadap operasi Bank. Lembaga akan mengkaji struktur secara berkala dan memberi nasihat mengenai struktur semasa jika diperlukan.

Keberkesanan Jawatankuasa Lembaga dan Lembaga diperkukuhkan lagi oleh komposisi majoriti (5 dari 6) Pengarah Bebas di dalam Lembaga BIBD serta pengerusi Jawatankuasa Lembaga, dimana kesemuanya dipegang oleh Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan di bawah:

- **ExCom dan HRNC** – YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan
- **AFRC** – YM Dr. Jan Hendrik Van Greuning

Sebagai tambahan terhadap perkara di atas, YM Effendy bin Othman, Penasihat Umum Bank dan ahli yang diperakui Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia, juga telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat BIBD. Beliau dan pasukannya memberikan sokongan undang-undang, kesetiausahaan dan tadbir urus kepada Lembaga. Berikut merupakan beberapa tanggungjawab utama Setiausaha Syarikat:

- Mengendalikan kesemua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga termasuk penjadualan, pengambilan minit, penyediaan bahan mesyuarat Lembaga dan maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah.
- Memastikan maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah seperti minit mesyuarat yang mantap, menepati masa dan mencukupi untuk Lembaga menjalankan fungsinya.
- Memastikan penyimpanan rekod yang betul dari kesemua pertimbangan dan keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga.

- Menyediakan pengemaskinian dan nasihat secara berkala kepada Lembaga mengenai sebarang perubahan kepada keperluan undang undang dan peraturan termasuk yang berkaitan dengan perihal tadbir urus.
- Memudahkan komunikasi dua hala antara Pihak Pengurusan dan Lembaga untuk memastikan keputusan Lembaga dapat disampaikan tepat pada masanya.

Minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan jawatankuasa dicatat dan didokumentasikan dengan tepat oleh Setiausaha Syarikat. Rekod sedemikian disediakan untuk AMBD apabila diperlukan bagi penilaiannya dalam memastikan keberkesanan kesemua Jawatankuasa.

---

**Penilaian bagi Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah (BPS).**

Untuk memastikan keberkesanan Lembaga dan BPS, Lembaga telah meluluskan satu penilaian bebas Lembaga dan BPS yang dilakukan oleh *PricewaterhouseCoopers* (PWC). Penilaian ini melibatkan pemberian maklum balas terhadap soal selidik dan temuduga secara satu persatu dijangka selesai pada akhir Jun 2021 atau awal Julai 2021. Objektifnya adalah untuk menjalankan penilaian bebas tersebut setiap 2 tahun sekali, manakala penilaian kediri akan dilakukan pada tahun yang lainnya.

**PRINSIP 6**

Dalam struktur kumpulan, Lembaga bagi Bank induk mempunyai tanggungjawab keseluruhan kepada kumpulan dan bertanggungjawab untuk memastikan pembentukan dan pengendalian rangka kerja tadbir urus yang jelas bersesuaian dengan struktur, perniagaan dan risiko kumpulan dan entiti-entitinya. Lembaga dan Pihak Pengurusan hendaklah mengetahui dan memahami struktur organisasi kumpulan Bank dan risiko yang ditimbulkannya.

Anak syarikat Bank yang dimiliki sepenuhnya adalah seperti berikut:

- BIBD Securities Sdn Bhd
- BIBD At-Tamwil Berhad
- BIBD (Middle East) Limited
- BIBD Management & Services Sdn Bhd

Untuk memastikan bahawa Kumpulan BIBD mematuhi rangka kerja tadbir urus yang konsisten dalam menguruskan risiko perniagaan dan operasinya, BIBD sebagai syarikat induk telah membentuk struktur kumpulan yang terkandung di dalam seluruh anak syarikat perwakilan Lembaga Bank bagi menerapkan nilai, prinsip dan pendekatan tadbir urus korporat Bank agar anak-anak syarikatnya dapat mengamalkannya selagi mana tidak bertentangan dengan kepentingan anak-anak syarikat dan keperluan undang-undang atau pengawalseliaan mereka sendiri.

Semua keputusan utama yang boleh mempengaruhi kepentingan Bank atau Kumpulan akan dinilai oleh Lembaga dan Bank sebagai pemegang saham boleh membuat keputusan untuk kepentingan anak syarikat selaras dengan rangka kerja Tadbir Urus Korporat Kumpulan BIBD.

Lembaga mengiktiraf tanggungjawab pengarah anak syarikat BIBD untuk membuat penilaian dan membuat keputusan sesuai dengan kepentingan terbaik anak syarikat walaupun kepentingan tersebut mungkin bertentangan dengan kepentingan terbaik Bank. Perkara ini lebih ketara lagi apabila lembaga anak syarikat dan struktur pihak pengurusan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas.

Bahagian Audit, Risiko, Pematuhan, Kewangan, Undang-undang dan Syariah Bank juga membuat pengawasan kepada anak-anak syarikat di dalam perkara ini di mana perundingan antara bahagian-bahagian Bank dan anak-anak syarikat diadakan dari semasa ke semasa untuk menangani segala permasalahan yang timbul di perkara-perkara tersebut. Untuk itu, Pihak Pengurusan BIBD bertanggungjawab untuk mengembangkan dasar, prosedur dan proses yang memberi manfaat kepada Kumpulan BIBD. Mereka bertanggung jawab untuk menetapkan strategi korporat dan halatuju kumpulan (**Strategi Kumpulan**).

Setelah Strategi Kumpulan diluluskan oleh Lembaga Bank dan anak syarikatnya, pengurusan anak syarikat masing-masing akan diarahkan untuk melaksanakannya dan melaporkan perkembangan pelaksanaan tersebut kepada lembaga masing-masing. Selain itu, operasi anak-anak syarikat disemak secara berkala oleh bahagian Audit Dalaman dan Risiko Bank.

**PRINSIP 7**

Lembaga harus bermesyuarat secara tetap dan disediakan dengan maklumat yang lengkap dan tepat pada masanya.

Lembaga bermesyuarat secara tetap dengan sekurang-kurangnya 4 mesyuarat berjadual dalam satu tahun kewangan atau lebih mengikut keadaan. Tarikh mesyuarat yang dijadualkan ditentukan lebih awal untuk membolehkan Pengarah membuat perancangan lebih awal.

Pada tahun 2020, ahli-ahli Lembaga menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga setiap suku tahun sepertimana yang diperincikan di bawah:

| Peranan             | Nama                                                         | Jawatankuasa Lembaga bagi 2020 |     |      |     |       |     |      |     |     |   |
|---------------------|--------------------------------------------------------------|--------------------------------|-----|------|-----|-------|-----|------|-----|-----|---|
|                     |                                                              | BOD                            |     | HRNC |     | ExCom |     | AFRC |     | AGM |   |
|                     |                                                              | H*                             | A** | H    | A   | H     | A   | H    | A   | H   | A |
| Pengerusi           | YB Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah | 4                              | 4   | N/A  | N/A | N/A   | N/A | N/A  | N/A | 1   | 1 |
| Pengarah            | YM Awang Junaidi bin Haji Masri                              | 4                              | 4   | 4    | 4   | 4     | 4   | 4    | 4   | 1   | 1 |
| Pengarah            | YM Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan                              | 4                              | 4   | 4    | 4   | 4     | 4   | 4    | 4   | 1   | 1 |
| Pengarah            | YM Dr Jan Hendrik van Greuning                               | 4                              | 4   | N/A  | N/A | N/A   | N/A | 4    | 4   | 1   | 1 |
| Pengarah            | YM Haji Sofian bin Hj Mohd Jani (Dilantik pada 20 Mac 2020)  | 4                              | 3   | 4    | 3   | 4     | 3   | 4    | 3   | 1   | 1 |
| Pengarah Urusan/CEO | YM Mubashar H. Khokhar                                       | 4                              | 4   | 4    | 4   | 4     | 4   | N/A  | N/A | 1   | 1 |

**H\*** = Diadakan

**A\*\*** = Dihadiri

**N/A** = Tidak berkenaan kerana pengarah bukan ahli Jawatankuasa

Untuk mesyuarat Lembaga, Setiausaha Syarikat akan memastikan bahawa agenda mesyuarat dan dek pembentangan dikeluarkan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum setiap mesyuarat Lembaga untuk memberi masa yang cukup bagi semua pengarah mempertimbangkan maklumat yang berkaitan. Agenda mesyuarat merangkumi antara lain perkara yang khusus diperuntukkan untuk keputusan Lembaga. Perbincangan dan kesimpulan mesyuarat Lembaga diminit dengan cara yang jelas, tepat, konsisten, lengkap dan tepat pada masanya. Minit tersebut antara lain mencatatkan keputusan Lembaga, termasuk perbincangan penting untuk setiap keputusan yang dibuat. Draf minit kemudian akan dibentangkan pada mesyuarat yang berikutnya untuk persetujuan dan penandatanganan.

Selaras dengan tadbir urus yang betul tentang catatan, minit dimasukkan ke dalam Daftar Minit yang disimpan oleh Setiausaha Syarikat yang boleh diakses oleh Lembaga pada bila-bila masa. Untuk memastikan ketepatan dan konsistensi dalam bentuk dan isi, penghasilan semula

mana-mana bahagian dari minit hanya dapat dilakukan melalui permintaan kepada Setiausaha Syarikat yang akan mengesahkan minit tersebut.

Pada bulan Jun 2020, Lembaga telah melantik YM Effendy Othman sebagai Setiausaha Syarikat. Sebelum menyertai BIBD, YM Effendy berkecimpung dalam bidang undang-undang swasta di Kuala Lumpur selama 24 tahun, yang mana 10 tahun adalah rakan kongsi kanan dengan firma undang-undang serantau terbesar di Malaysia dengan kehadiran di seluruh negara Asean. Pelanggan YM Effendy terdiri daripada institusi kewangan tempatan dan antarabangsa, multinasional, awam dan syarikat awam yang tersenarai.

Selain bertindak sebagai penasihat dalam berbagai pertikaian komersial dan korporat, YM Effendy juga menasihati pelanggan mengenai tuntutan kontrak, pematuhan korporat, pertikaian pemegang saham, hal-hal yang berkaitan dengan perbankan, penyiasatan pengawalseliaan, penerimaan dan kemuflihan korporat. YM Effendy juga merupakan penasihat utama dalam mendapatkan perintah mahkamah yang relevan untuk beberapa latihan penstrukturan semula dan penggabungan syarikat awam yang tersenarai dan institusi kewangan di Malaysia.

YM Effendy adalah setiausaha syarikat bertauliah dengan Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia.

Beliau juga merupakan pengarang bersama beberapa penerbitan termasuk *Malaysian Company Law: Principles and Practice* (Edisi ke-2 2018 - Wolters Kluwer), pengarang *Malaysian chapter on Asian Conflict of Laws - East and Southeast Asia* (2017 - Wolters Kluwer), dan penyumbang *Malaysia for the Global Perspectives on the Hague principles chapter of the Choice of Law in International Commercial Contracts* (2021 - Oxford University Press).

YM Effendy lulus dengan kepujian Kelas Pertama dalam bidang undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Dia juga memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang dari University of Cambridge dan London School of Economics and Political Science.

### PRINSIP 8

Hendaklah ada prosedur formal dan telus untuk menetapkan pakej imbuhan ahli Lembaga, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan serta polisi dan amalan imbuhan harus sesuai dengan nilai, objektif dan budaya etika Bank.

Dasar imbuhan untuk Pihak Pengurusan dan kesemua kakitangan Bank berada di bawah penyeliaan dan pengawasan Jawatankuasa Sumber Manusia dan Pencalonan (HRNC) di mana pelaksanaan dasar-dasar ini dilakukan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan. Anggota HRNC terdiri daripada 3 Pengarah Bebas dan 1 Pengarah Eksekutif. Fungsi HRNC dari segi dasar imbuhan antara lain-

- memastikan bahawa dasar imbuhan menyokong objektif, budaya dan strategi Bank;
- imbuhan dan keadaan pekerjaan industri;
- prestasi relatif Bank untuk tahun kewangan yang berkenaan;
- unsur-unsur imbuhan yang berkaitan dengan prestasi harus membentuk sebahagian besar dari jumlah pakej imbuhan bagi pengarah eksekutif. Walau bagaimanapun, skala gaji harus berada dalam skop dasar perniagaan umum dan tidak hanya berdasarkan prestasi jangka pendek untuk mengelakkan insentif bagi pengambilan risiko yang berlebihan;
- untuk meliputi semua aspek imbuhan termasuk yuran pengarah, gaji, elaun, bonus, opsyen dan faedah dalam bentuk dan faedah penamatan; dan
- tanggungjawab utama lain yang dinyatakan dalam Terma Rujukan HRNC

Falsafah bagi imbuhan Bank adalah untuk berdaya saing di pasaran dengan tujuan untuk menarik bakat yang tepat untuk organisasi. Dari segi amalan tempatan dan keperluan undang-undang, kami memastikan bahawa kami adalah selaras dan memenuhi syarat minimum atau lebih baik daripada apa yang telah ditetapkan oleh kedua-duanya. Objektif perniagaan adalah salah satu pengaruh utama dalam mendorong dasar pampasan kami.

Nilai Bank didasarkan pada sejarah dan budaya yang berasal dari budaya dalaman, persekitaran luaran dan pasaran di mana kita beroperasi.

Dasar imbuhan Bank secara keutamaannya mematuhi amalan terbaik antarabangsa dan terdapat usaha berterusan bagi meningkatkan penyelarasan dasar imbuhan Bank termasuk mandat Lembaga / Jawatankuasa, layanan terhadap Pengambil Risiko Material dan Sistem Pengurusan Prestasi dengan amalan terbaik antarabangsa. Untuk tujuan ini, Bank akan mengambil bahagian dalam tinjauan penanda aras pampasan dan faedah tahunan terhadap amalan pesaing kami. Dari pelaksanaan latihan penanda aras ini, Bank akan dapat menilai di mana kedudukannya berbanding dengan pesaingnya melalui penanda aras.

Latihan ini juga memberikan rujukan kompetitif mengenai kadar pampasan pasaran yang dapat membantu organisasi untuk merumuskan strategi pampasan menyeluruh, membuat keputusan mengenai dasar pampasan semasa, membantu kami menyediakan pakej imbuhan yang tepat untuk pekerjaan baru dan mendiagnosis masalah pampasan.

Bagi proses penilaian pampasan untuk Forum Kepemimpinan / Pihak Pengurusan dan kesemua kakitangan, pampasan mereka adalah berdasarkan amalan pasaran semasa dan mempertimbangkan penilaian prestasi mereka setiap tahun dari segi kewangan, bukan kewangan dan juga tingkah laku. Pertimbangan ini dapat dicapai berdasarkan sasaran prestasi yang pada umumnya ditetapkan pada awal tahun kewangan. Ini digambarkan dengan rajah berikut:



Penilaian dibuat berdasarkan kriteria berikut:

| Kewangan dan Bukan Kewangan                                                                                                                                                                                                                                            | Audit                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Tingkah Laku                                                                     | Pembelajaran dan Pengembangan                                                                                                                                                                                            |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Objektif awda hendaklah memberikan halatuju, keutamaan dan harapan yang jelas untuk prestasi awda serta menjelaskan bagaimana keutamaan awda itu selaras dengan perniagaan dan strategi BIBD. Penetapan objektif boleh dibahagikan kepada kewangan dan bukan kewangan. | Bahagian audit hendaklah dilengkapkan dan diwajibkan keatas semua ketua bahagian, dan kakitangan yang berkaitan. Ketua dan kakitangan yang ditugaskan akan memegang tanggungjawab dalam memastikan tindakan Audit dilaksanakan. Kakitangan yang tidak memegang tanggungjawab bertindak ke atas item tindakan audit dikecualikan daripada melengkapkan bahagian ini. | Ini adalah MANDATORI bagi tujuan menilai tingkah laku dan nilai-nilai kakitangan | Kakitangan dan pengurus laporan terus akan bersama melengkapkan bahagian ini bagi mengenal pasti ruang pembangunan yang perlu ditumpukan dalam membantu mereka untuk mencapai prestasi dan/atau aspirasi kejayaan mereka |
| <b>PEMBERAT</b>                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>50%</b> Kewangan dan Bukan Kewangan                                                                                                                                                                                                                                 | <b>50%</b> Audit (sehingga 20%) dan Tingkah Laku                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                          |

Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan akan mengumpulkan penilaian prestasi yang telah siap dari semua bahagian dan unit perniagaan Bank dan akan melakukan latihan moderasi untuk memastikan penilaian keseluruhan yang seimbang. Hasil latihan tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat HRNC untuk mendapat sokongannya.

**PRINSIP 9**

Lembaga harus memberikan penilaian yang seimbang dan dapat difahami mengenai prestasi, kedudukan risiko dan prospek Bank.

Secara keseluruhan, Lembaga mempunyai pemahaman, kemahiran dan pengalaman yang jelas untuk menilai kedudukan dan prospek risiko prestasi BIBD. Lembaga juga telah mewujudkan rangka kerja tadbir urus kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kuat untuk memudahkan tanggungjawab pengawasan risiko dan kawalannya terhadap Kumpulan BIBD.

Untuk memastikan penyelarasan di dalam penghayatan dan pelaksanaan lancar strategi perniagaan, selera risiko dan polisi lain diluluskan oleh Lembaga bagi kegiatan serta operasi perniagaan BIBD yang dikendalikan oleh Pengurusan Kanannya, Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa 2 peringkat dalam BIBD, iaitu:

**1) Jawatankuasa Peringkat Lembaga (seperti yang diperincikan dalam Prinsip 1):**

- a) Lembaga
- b) AFRC
- c) EXCOM
- d) HRNC

**2) Jawatankuasa Peringkat Pengurusan**

| Jenis Jawatankuasa Peringkat Pengurusan                   | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan ( <b>ERMC</b> ) | Tujuan utama adalah untuk melakukan pengawasan risiko secara terpusat, penetapan dasar, pengumpulan informasi dan komunikasi kepada Lembaga mengenai risiko penting dan kegiatan pengurusan risiko yang berkaitan, memantau isu terbuka Audit dan Risiko. Di samping itu, Jawatankuasa akan membantu Lembaga dalam memenuhi tanggungjawab pengawasannya yang berkaitan dengan penilaian risiko dan proses pengurusan syarikat. ERMIC juga menangani isu Kecukupan Modal (ICAAP) dan Rancangan Pemulihan. Mesyuarat ERMIC diadakan setiap suku tahun. |
| Jawatankuasa Risiko Kredit ( <b>CRC</b> )                 | Jawatankuasa Kredit dan Risiko mempunyai kewajiban untuk meluluskan kredit berdasarkan cadangan dari pihak pencadang berkuasa masing-masing. Kelulusan dibuat setelah mempertimbangkan pelbagai perspektif risiko. Kelulusan risiko mesti dibuat dalam batasan selera risiko BIBD seperti yang dipandu oleh ExCom dan Lembaga. Mesyuarat CRC diadakan setiap minggu.                                                                                                                                                                                 |
| Jawatankuasa Liabiliti Aset ( <b>ALCO</b> )               | Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membuat semakan terhadap polisi kecairan, pembiayaan dan jurang dan kedudukan keuntungan dan kecekapan Kumpulan BIBD termasuk penilaian dan pengurusan Lembaran Imbangan dan Pengurusan Modal. Mesyuarat ALCO diadakan setiap bulan.                                                                                                                                                                                                                                                                         |

Jawatankuasa Peringkat Pengurusan ini terdiri daripada ahli Pengurusan Kanan dan Pengarah Urusan, dan mereka memberikan pandangan dan kelulusan mereka, dan jika perlu, mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa Lembaga yang berkenaan dan seterusnya jika perlu, kepada Lembaga.

**PRINSIP 10**

Lembaga bertanggungjawab bagi tadbir urus risiko. Lembaga harus memastikan bahawa Pengurusan Kanan mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang baik untuk melindungi kepentingan pemegang saham dan aset Bank dan harus menentukan sifat dan tahap risiko yang sanggup diambil oleh Lembaga dalam mencapai objektif strategiknya.

Kumpulan telah menyediakan Dokumen Strategi Pengurusan Risiko yang merupakan satu set Penyata Selera Risiko (RAS) yang holistik untuk memastikan bahawa BIBD kekal dalam batasan Risiko yang dapat diterima.

BIBD juga memiliki Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMF) yang berfungsi sebagai pendekatan yang diseragamkan untuk menguruskan risikonya. Struktur tadbir urus yang kuat juga penting untuk memastikan bahawa ERMF dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Model Pengurusan Risiko Kumpulan berasaskan pada pendekatan "Tiga Barisan Pertahanan" untuk membendung sebarang risiko dengan menjaga proses pemantauan yang berkesinambungan dan pelaksanaan pengendalian yang tepat.

Lembaga pada dasarnya bertanggungjawab untuk kegiatan pengurusan risiko BIBD dengan sokongan dari AFRC dan ExCom yang mengadakan sekurang-kurangnya 4 mesyuarat setiap suku tahun, serta BPS yang mengadakan mesyuarat apabila diperlukan.

Di peringkat Pengurusan, pengurusan 19 risiko untuk Kumpulan BIBD dilakukan oleh jawatankuasa berikut yang mana fungsi dan kekerapan mesyuaratnya telah diperincikan dalam **Prinsip 9** di atas:

- ERM
- ALCO
- CRC

**PRINSIP 11**

Bank hendaklah mempunyai fungsi pengurusan risiko yang bebas dan berkesan, di bawah arahan Ketua Pegawai Risiko (CRO), dengan perawakan, kebebasan, sumber dan akses yang mencukupi kepada Lembaga.

BIBD mempunyai CRO Kumpulan dengan 33 tahun pengalaman kerja di dalam sektor Perbankan di enam negara yang berbeza (Mexico, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Qatar, UAE dan Brunei). Pengalamannya menyumbang selama 23 tahun di bank-bank global terkemuka seperti *Bank of America*, *Chase Manhattan Bank* dan *Citibank*.

Kumpulan telah menyediakan Dokumen Strategi Pengurusan Risiko yang merupakan set secara keseluruhan bagi Penyata Selera Risiko (RAS) untuk memastikan BIBD berada di dalam ambangan Risiko yang boleh diterima. Kumpulan juga mempunyai RAS khusus dan Petunjuk Risiko Utama (KRI) di setiap unit dalam Kumpulan yang dinilai pada setiap bulan sebagai sebahagian daripada proses Pengurusan Risiko Operasi.

BIBD telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMF) sebagai skop atau pendekatan yang seragam untuk menguruskan semua risikonya (19 secara keseluruhan) yang dikaji semula pada setiap suku tahun oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMC).

Bagi tahun 2021, Kumpulan BIBD memulakan program Kesedaran / Budaya Risiko yang merangkumi latihan risiko pada setiap dua minggu kepada kakitangan Kumpulan BIBD untuk mewujudkan kesedaran / budaya risiko di kalangan semua ahli komuniti Kumpulan BIBD.

Prasarana kawalan Risiko Kredit adalah berdasarkan pemantauan yang berterusan oleh beberapa proses di seluruh Kumpulan BIBD setiap hari, mingguan dan bulanan. Sebarang pelanggaran mestilah diiktiraf oleh tahap kelulusan masing-masing dan semua isu tersebut akan dibincangkan oleh jawatankuasa yang berkenaan.

Kumpulan Risiko mempunyai 26 orang kakitangan yang mungkin akan ditambah jika terdapat keperluan. Latihan luaran dan dalaman serta bimbingan semasa berkerja yang berterusan disediakan untuk memastikan peningkatan kemahiran dan pengalaman yang berterusan di kalangan kakitangan.

**PRINSIP 12**

Risiko perlu dikenalpasti, dipantau dan dikawal secara berterusan pada dasar bank secara keseluruhan dan entiti individu. Kecanggihan pengurusan risiko dan prasarana kawalan dalaman Bank haruslah mengikuti perubahan kepada profil risiko Bank, landskap risiko luar dan amalan industri.

Kumpulan telah menyediakan Dokumen Strategi Pengurusan Risiko yang merupakan set secara keseluruhan Penyata Selera Risiko (*RAS*) untuk memastikan BIBD berada di dalam ambang Risiko yang boleh diterima. Seperti yang dijelaskan pada Prinsip 11, BIBD telah menyediakan *ERMF* yang mana pelaksanaan yang berkesan hanya akan dapat direalisasikan melalui struktur tadbir urus yang kuat. Lembaga melalui Jawatankuasanya iaitu AFRC adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap keputusan *ERMC* BIBD. AFRC akan mengkaji semula *ERMF* pada setiap suku tahun.

Sebagai sebahagian daripada struktur tadbir urus, BIBD mempunyai pelbagai polisi / garis panduan merangkumi keseluruhan Kumpulan. Polisi / garis panduan yang berkaitan dengan risiko di seluruh Kumpulan meliputi bidang-bidang seperti Risiko Kredit, Pasaran, *Middle Office*, Operasi, IT & Siber dan Pengurusan Modal, antara lain yang dipantau dengan teliti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga masing-masing dan pengawal selia yang berkaitan.

- Had yang berkaitan dengan kredit dianalisis bagi setiap jenis risiko, seperti dibiayai, tidak dibiayai dan pra-penyelesaian. Analisis mengambil kira pendekatan kualitatif dan kuantitatif dan digabungkan dengan faktor luaran yang boleh menjejaskan.

- Risiko Kecairan dipantau setiap hari.

- Pengurusan Modal dipantau secara bulanan, di mana Nisbah Kecukupan Modal dikira dan ditekankan dengan menganggap saluran kredit penuh yang tersedia pada masa itu.

Di samping itu, BIBD telah menerima pakai beberapa latihan tekanan seperti *ICAAP* dan Plan Pemulihan yang dikemukakan kepada AMBD seperti yang diperlukan. Teknik pemodelan berbeza yang ditawarkan oleh *Standard & Poors*, *Moody's*, *Bloomberg* dan lain-lain, adalah diterima pakai oleh BIBD untuk menjalankan penilaian risiko yang lebih meluas.

**PRINSIP 13**

Lembaga perlu menubuhkan Jawatankuasa Audit dengan terma rujukan bertulis yang menerangkan secara jelas kuasa dan tugasnya. Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas dan tidak boleh menjadi Pengerusi Lembaga atau mana-mana jawatankuasa lain.

Pada 19 Januari 2011, Lembaga menubuhkan sebuah jawatankuasa audit yang dikenali sebagai Jawatankuasa Audit, Kewangan & Risiko (**AFRC**). Terma rujukan dan perlembagaan AFRC adalah seperti yang diperuntukkan pada **Prinsip 1**. AFRC mengawasi rangka kerja dan dasar pengurusan risiko Bank. Ini dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam **Prinsip 10, 11** dan **12** laporan Tadbir Urus Korporat BIBD.

AFRC Bank terdiri daripada pengarah-pengarah bukan eksekutif yang mana semuanya adalah dianggap bebas. Pengerusi Jawatankuasa (Pengerusi) yang merupakan Pengarah Bebas dilantik oleh Lembaga BIBD.

Keahlian bagi kedua-dua jawatankuasa kecil AFRC telah diterangkan dalam **Prinsip 1**. Bank juga memastikan

bahawa sekurang-kurangnya 1 ahli AFRC adalah akauntan Berkanun dan ahli kepada badan perakaunan (iaitu ahli IFAC) serta sekurang-kurangnya 2 ahli mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam bidang pelaporan kewangan, pengurusan risiko atau pengauditan.

Keperluan yang dinyatakan pada **Prinsip 13.3** telah dimasukkan ke dalam Terma Rujukan AFRC.

Mesyuarat AFRC diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan diadakan sebelum mesyuarat Lembaga. Sekiranya terdapat sebarang perbincangan dalam mesyuarat AFRC yang memerlukan kelulusan atau bimbingan dari Lembaga, Pengerusi AFRC akan menyampaikan perihal tersebut di mesyuarat Lembaga untuk kelulusan atau bimbingan mereka.

**PRINSIP 14**

Bank perlu menubuhkan fungsi audit dalaman yang efektif yang mempunyai sumber yang secukupnya dan bebas daripada aktiviti yang diauditnya. Fungsi audit dalaman harus memberi andalan bebas kepada Lembaga dan harus menyokong Lembaga dan Pengurusan Kanan dalam mempromosikan proses tadbir urus yang berkesan dan kekukuhan jangka panjang Bank.

Audit Dalaman ditadbir oleh Piagam Audit Dalaman. Bahagian Audit Dalaman BIBD melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Kecil Audit dan Kewangan dan menyediakan jawatankuasa kecil audit dan secara muktamad kepada Lembaga dengan jaminan objektif dan bebas mengenai reka bentuk dan operasi sistem kawalan dalaman di antara BIBD dan anak-anak syarikatnya.

Audit Dalaman mengamalkan pendekatan berasaskan risiko terhadap audit yang memberi tumpuan kepada bahagian berisiko tinggi di seluruh Bank dan anak-anak syarikatnya dengan kekerapan audit yang berbeza dari satu entiti kepada yang lain. Audit yang dijalankan termasuk pematuhan terhadap rangka kerja Syariah dan resolusi-resolusi Badan Penasihat Syariah di bahagian yang berkaitan.

Pada tahun 2020, Audit Dalaman melaksanakan Pelan Auditnya dan menjalankan audit berasaskan risiko di BIBD dan anak-anak syarikatnya dan memperkuat fungsi audit dalaman berdasarkan Piawaian Antarabangsa bagi *Professional Practice of Internal Auditing of The Institute of Internal Auditors and its Code of Ethics* dengan mematuhi garis pandu pengawalseliaan Fungsi Audit Dalaman dan Tadbir Urus Korporat untuk Bank.

**PRINSIP 15**

Lembaga Bank adalah bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko pematuhan Bank. Lembaga hendaklah menubuhkan fungsi pematuhan dan meluluskan polisi dan proses Bank untuk mengenal pasti, menilai, memantau, melaporkan dan memberi nasihat mengenai risiko pematuhan.

Bahagian pematuhan BIBD bertindak sebagai penasihat yang dipercayai mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan, pengubahan wang haram, sekatan dan pembiayaan penganas dan menyokong BIBD dengan melindungi nilai dan imejnya melalui pemantauan transaksi dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian:

- 1) Pematuhan Peraturan (RC) yang merupakan pusat bagi semua hal-ehwal pengawalseliaan.
- 2) Dasar Pematuhan Jenayah Kewangan (FCC).
- 3) Penasihat dan Latihan memastikan semua dasar yang berkaitan dengan FCC adalah terkini dan menyediakan latihan kumpulan serta bimbingan nasihat.
- 4) Operasi FCC dan Jaminan Pematuhan menjalankan pemantauan dan pengujian untuk memastikan pematuhan yang berterusan terhadap peraturan.

Tumpuan bagi Bahagian Pematuhan untuk tahun 2020 termasuk memastikan kajian mendalam mengenai dasar dan prosedur untuk memastikan kesesuaian untuk tujuan dan penyampaian penilaian Kumpulan mengenai risiko AML. Program Pematuhan juga menyaksikan peningkatan selanjutnya melalui pengemaskinian ke platform latihan secara *online* BIBD.

BIBD terus melabur kepada Pematuhan dengan penekanan terhadap latihan dan pensijilan kakitangan Bahagian Pematuhan. Di samping itu, BIBD bekerjasama dengan pakar-pakar antarabangsa dalam bidang pematuhan jenayah kewangan secara berterusan dengan tujuan menyelaraskan rangka kerja pematuhan BIBD dengan piawaian global.

**PRINSIP 16**

Bank harus mengendalikan kesemua pemegang saham 1) secara adil dan saksama, dan 2) harus mengiktiraf, melindungi dan memudahkan pelaksanaan hak pemegang saham dan terus mengkaji semula dan mengemaskini pengaturan tadbir urus tersebut.

Bagi mematuhi R18(1) - (3) dalam SMR 2015, BIBD memastikan bahawa semua maklumat atau perubahan yang relevan dan material di dalam maklumat kewangan, operasi atau perniagaan Bank jelas dinyatakan dalam Laporan Tahunannya.

Berhubung dengan status pemilikan saham Bank, senarai pemegang saham utama Bank dinyatakan dalam jadual berikut:

| <b>Nama Pemegang Saham</b>           | <b>Peratusan Saham yang Dipegang</b> |
|--------------------------------------|--------------------------------------|
| Khazanah Satu Sdn Bhd                | <b>33.87%</b>                        |
| Salam Investments Limited            | <b>29.73%</b>                        |
| Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah | <b>25.24%</b>                        |
| Awam                                 | <b>11.16%</b>                        |

Tambahan pula, dalam memastikan ketelusan dan pendedahan sepenuhnya bagi maklumat material termasuk maklumat kewangan Bank dan maklumat yang berkaitan dengan operasi dan perniagaan Bank, para pemegang saham boleh mengakses maklumat ini melalui laman web BIBD yang dikemaskini secara kerap untuk memperlihatkan segala perubahan material apabila ianya berlaku.

Sebagai sebahagian daripada usaha BIBD untuk memastikan terdapat penglibatan yang bermakna dan bermaklumat antara para pemegang saham dan Lembaga BIBD di Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), laporan tahunan disediakan kepada para pemegang saham sebelum AGM termasuk secara atas talian di laman web rasminya. Oleh itu, para pemegang saham diberikan peluang yang mencukupi untuk mengkaji Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan dan mengemukakan sebarang kebimbangan atau isu mengenai sebarang aspek yang berkaitan dengan operasi atau pengurusan Bank di AGM.

Di samping itu, BIBD telah memperuntukkan prosedur yang teratur dan sistematik untuk memastikan:

- 1) Bahawa semua aspek prosedur AGM dijalankan mengikut undang-undang.
- 2) Pemegang saham yang tidak dapat menghadiri AGM secara langsung berhak untuk melantik proksi untuk menghadiri AGM.
- 3) Sebelum permulaan AGM, para pemegang saham diberi taklimat dengan sewajarnya tentang prosedur pengundian dan seperti yang dijelaskan di atas kemudiannya diberikan peluang untuk bertanya sebarang isu atau kebimbangan yang akan ditangani oleh Pengerusi AGM atau jika diperlukan, oleh ahli-ahli BPS atau *Senior Management*.

**PRINSIP 17**

Bank-bank haruslah mengambil peranan aktif di dalam melibatkan para pemegang saham, pendeposit dan pihak berkepentingan berkaitan yang lain dan meletakkan dasar hubungan pelabur untuk menggalakkan komunikasi yang konsisten, berkesan dan adil dengan pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada usaha BIBD untuk memastikan komunikasi yang berkesan, telus dan adil dengan pihak berkepentingan, semua maklumat yang berkaitan dengan perubahan material atau perkembangan dalam maklumat kewangan Bank, operasinya dan / atau perniagaan adalah disebarikan melalui pelbagai saluran komunikasi termasuk laman laman web rasminya.

Laman web BIBD dikekalkan oleh Pejabat Ketua Pemasaran (CMO) dan sentiasa dikemas kini untuk memastikan bahawa pihak berkepentingan dapat sentiasa mengikuti sebarang perkembangan yang berkaitan dengan maklumat kewangan, operasi dan perniagaan BIBD. Selanjutnya, BIBD juga menyedari akan peranan kritikal yang diambil oleh platform media sosial pada tahun-tahun kebelakangan ini dalam penyampaian maklumat. Untuk itu, apabila dianggap sesuai, berita dan notis yang berkaitan dengan operasi, perniagaan dan produknya akan disampaikan kepada pelanggannya melalui platform media sosial rasminya seperti Instagram dan Facebook.

Laporan Tahunan BIBD yang diterbitkan setiap tahun semasa AGMnya memberikan maklumat penting perihal perlembagaan Lembaga dan Jawatankuasanya, peranan, fungsi dan tanggungjawab mereka, maklumat yang relevan

mengenai prestasi kewangannya untuk tempoh perakaunan yang terdahulu serta memberikan maklumat terkini mengenai inisiatif dan tindakan tadbir urus korporatnya.

Berkenaan dengan polisi mengenai imbuhan BIBD, ini telah ditangani di bawah **Prinsip 8** Laporan ini manakala pendedahan risiko dan strategi pengurusan risiko telah dijelaskan secara terperinci di bawah **Prinsip 9** sehingga **12** Laporan ini.

Berkenaan dengan dasar dividennya, ini telah didedahkan dalam Nota 41 "Pengurusan Modal" dalam Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2020 yang menyatakan seperti berikut:

*"Kumpulan dan Bank mempunyai dasar dividen untuk pengagihan dividen yang mengambil kira keperluan modal, keuntungan disimpan yang tersedia yang boleh diagihkan, kecairan dan faktor lain sambil memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang sedia ada".*

**PRINSIP 18**

Bank haruslah menggalakkan penyertaan pemegang saham yang lebih besar pada mesyuarat umum para pemegang saham dan memberikan para pemegang saham peluang untuk menyampaikan pandangan mereka mengenai pelbagai perkara-perkara yang mempengaruhi Bank.

Seperti yang dijelaskan dalam **Prinsip 16** dan **17**, BIBD telah memperuntukkan tadbir urus yang bercirikan perundangan dan prosedur yang diperlukan untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan para pemegang saham yang bermakna dan bermaklumat di AGM.

Bagi AGM yang diadakan secara fizikal, sebelum bermulanya AGM, Pendaftar Saham akan menyediakan informasi kepada para pemegang saham mengenai penggunaan peranti pengundian. Keputusan pengundian untuk setiap resolusi, menunjukkan bilangan undi akan diumumkan dan dipaparkan semasa AGM.

Pengerusi dan ahli Lembaga termasuk ahli-ahli BPS akan hadir di AGM dan bersedia untuk menangani sebarang isu atau kebimbangan yang dibangkitkan oleh para pemegang saham. Juruaudit luar BIBD juga akan hadir di AGM untuk menangani sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan pengendalian audit dan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.

Semua agenda untuk AGM akan dibincangkan dan ditangani secara berasingan. Terdapat resolusi yang berasingan untuk setiap agenda yang memerlukan kelulusan para pemegang saham. Prosiding AGM termasuk komen atau pertanyaan yang dibangkitkan oleh para pemegang saham akan direkodkan dengan sewajarnya. Setiausaha Korporat ditugaskan untuk menyediakan minit AGM. Pemegang saham berhak meminta salinan minit AGM.

Di mana AGM secara fizikal tidak dapat diadakan pada tahun 2020 susulan kebimbangan keselamatan kesihatan akibat dari pandemik Covid-19, AGM menerusi Pengaturan Proksi memudahkan pemegang saham mengemukakan apa-apa isu kepada Proksi Terpilih untuk mereka suarakan di AGM.

#### PRINSIP 19

Orang yang diperkasakan dengan kuasa untuk membuat keputusan (termasuk pengarah) haruslah sentiasa berhati-hati bagi mengelakkan situasi yang mungkin menimbulkan keadaan konflik kepentingan.

#### Polisi mengenai Konflik Kepentingan & Kewajipan Fidusiari

BIBD melalui Lembaganya telah menyediakan Polisi Konflik Kepentingan (COI) yang terpakai secara menyeluruh, daripada ahli Lembaga kepada semua kakitangan untuk memastikan perniagaannya dijalankan dengan nilai etika di tahap yang tertinggi.

Situasi COI akan mempengaruhi keupayaan seseorang untuk mempertimbangkan dan bertindak secara objektif demi kepentingan BIBD. Situasi COI yang mungkin timbul adalah seperti berikut:

- Keadaan di mana mereka mempunyai kepentingan peribadi dan boleh mempengaruhi prestasi di dalam tugas mereka.
- Ahli dari Lembaga atau kakitangan Bank yang menerima sebarang manfaat, ganjaran, imbuhan atau hadiah yang melebihi jumlah adat kebiasaan atau yang boleh diabaikan sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan.
- Tidak mendedahkan sebarang kepentingan kewangan yang dimiliki oleh ahli Lembaga atau kakitangan BIBD sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Ahli Lembaga yang mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau proses membuat keputusan berkenaan dengan perkara-perkara di mana terdapat atau keadaan yang berpotensi COI.
- Apabila struktur laporan dan aliran maklumat di antara Bank dan / atau anak-anak syarikat lain boleh membawa kepada kemunculan situasi konflik kepentingan.

Untuk menguruskan situasi berpotensi COI, Lembaga telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- pelaksanaan Polisi Tadbir Urus Korporat Kumpulan BIBD;
- pengenalan Polisi Pemberian Hadiah Pinjaman & Hospitaliti Korporat BIBD;
- pengenalan kaji selidik "*Fitness and Propriety / Conflict of Interest*" yang diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan.
- mandat untuk penzahiran penuh oleh mana-mana ahli Lembaga yang mempunyai kepentingan dalam perkara-perkara mengenai keputusan atau kontrak yang dibuat oleh BIBD akan kepentingan mereka pada mesyuarat pertama Lembaga selepas fakta-fakta yang relevan telah diterima oleh mereka dan penzahirannya akan direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga;
- menubuhkan struktur dan rangka kerja tadbir urus korporat Kumpulan BIBD dengan peranan dan tanggungjawab yang jelas, di mana dasar COI akan membentuk komponen penting dalam rangka kerja tadbir urus untuk memberikan proses dan kawalan yang sesuai untuk mengenal pasti dan menangani potensi situasi COI di antara kumpulan.

Pelanggaran dasar COI oleh mana-mana pengarah, ahli BPS atau kakitangan merupakan salah laku yang serius yang membolehkan BIBD untuk mengambil segala tindakan yang perlu untuk melindungi kepentingannya.

Di mana keadaan COI tidak dapat dicegah, ia akan ditangani secara bertanggungjawab dan dizahirkan kepada AMBD mengikut prosedur pemakluman AMBD.

### Dasar mengenai Transaksi Pihak Berkaitan (RPT)

Sebagai tambahan kepada COI, BIBD telah menyediakan Polisi RPT yang akan merangkumi mana-mana transaksi atau hubungan kewangan di mana BIBD atau anak-anak syarikatnya adalah peserta, dan pengarah (termasuk penama), pengurus kanan, pemegang saham yang mempunyai 5% saham, keluarga terdekat ahli atau ahli perniagaan utama yang mempunyai atau akan mempunyai kepentingan yang utama secara langsung atau tidak langsung (Transaksi Pihak Berkaitan).

AFRC memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan dan pematuhan yang berkesan dengan RPT kerana ia bertanggungjawab untuk mengkaji, meluluskan, mengesahkan, tidak meluluskan atau menolak mana-mana RPT.

AFRC akan mengkaji maklumat berikut apabila menilai RPT:

- Terma, kepentingan orang yang berkaitan serta tujuan dan masa bagi transaksi tersebut.
- Sama ada Bank adalah pihak kepada urusan niaga, dan jika tidak, sifat penyertaan Bank dalam urusan niaga.
- Sekiranya transaksi itu melibatkan penjualan aset, deskripsi aset, termasuk tarikh ianya diperolehi dan kos.
- Maklumat mengenai rakan niaga yang berpotensi dalam transaksi tersebut.
- Anggaran nilai kewangan dan kepentingan orang yang berkaitan dalam transaksi.
- Deskripsi mana-mana peruntukan atau batasan yang dikenakan akibat daripada memasuki transaksi yang dicadangkan.
- Sama ada transaksi yang dicadangkan mempunyai sebarang isu risiko reputasi yang mungkin timbul akibat atau berkaitan dengan transaksi yang dicadangkan.
- Sebarang maklumat lain yang berkaitan dengan transaksi.

Kecuali dengan kelulusan AFRC, tiada pengarah atau pengurus kanan boleh melabur dalam entiti pihak ke-3 jika peluang pelaburan yang disediakan kepadanya itu adalah hasil daripada status individu tersebut iaitu sebagai seorang pengarah atau pengurus kanan BIBD.

AFRC akan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan relevan yang dinyatakan di atas dan akan menilai semua pilihan yang tersedia untuk BIBD termasuk ratifikasi, pindaan atau penamatan RPT tersebut. AFRC juga akan mengkaji fakta dan keadaan yang berkaitan dengan kegagalan untuk melaporkan RPT tersebut dan hendaklah mengambil apa-apa tindakan yang sesuai termasuk untuk merujuk perkara itu kepada Penasihat Am untuk pertimbangan tindakan tatatertib.

## 2.2 Badan Penasihat Syariah

### 1. Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah (BPS) adalah:

- YM Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof (Pengerusi)
- YM Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani (Timbalan Pengerusi)
- YM Dr Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin (Ahli)
- YM Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar (Ahli)
- YM Dr Haji Mohd Aidil Yusrie bin Haji Shari (Ahli)

Pelantikan ahli BPS diluluskan oleh Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS) Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi tempoh 3 tahun berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020 sehingga 31 Januari 2023.



### Tugas dan tanggungjawab utama BPS adalah:

1. Menyelia hal-hal Syariah yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaan Bank.
2. Menghadiri apa jua latihan seperti yang dikehendaki oleh Bank dari semasa ke semasa.
3. Menasihati Lembaga dan Pihak Pengurusan mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah agar Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syarak pada setiap masa. Ahli-ahli BPS bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap semua keputusan, pendapat dan pandangan Syariah yang mereka sediakan.
4. Meluluskan polisi dan garis panduan berkaitan Syariah.
5. Menasihati pihak berkaitan seperti Bank, pelanggan, penasihat undang-undang, juruaudit atau perunding mengenai perkara-perkara Syariah apabila diminta.
6. Menyediakan resolusi Syariah bertulis dan/atau pendapat dalam mana-mana keadaan di mana Bank merujuk kepada BPS untuk perbincangan lanjut atau di mana Bank mengemukakan permohonan kepada AMBD untuk kelulusan produk baru.
7. Meluluskan metodologi pengiraan Zakat dan agihan Zakat Bank.
8. Meluluskan penyelarasan pendapatan yang tidak patuh Syarak kepada badan amal.
9. Meluluskan produk dan perkhidmatan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan dan prinsip Syarak yang merangkumi:
  - (a) Mengesahkan terma dan syarat yang terkandung dalam borang, perjanjian atau dokumen undang-undang yang digunakan dalam melaksanakan urusan niaga.
  - (b) Mengesahkan manual produk, iklan, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menerangkan produk dan perkhidmatan.
10. Menilai kerja-kerja yang dijalankan selaras dengan semakan Syariah dan audit Syariah yang menjadi sebahagian daripada tugas BPS dalam menyediakan penilaian pematuhan Syarak dan jaminan dalam Laporan Tahunan Bank dan Kumpulannya setelah berunding dengan BPS anak-anak syarikat Bank.
11. Mengkaji penemuan dan laporan yang dijalankan oleh fungsi semakan Syariah dan audit Syariah bagi memastikan pematuhan terhadap hal-hal tadbir-urus Syariah.
12. Memberi nasihat mengenai perkara-perkara yang akan dirujuk kepada LPKS. BPS boleh menasihati Bank untuk berunding dengan LPKS mengenai hal-hal kewangan Syariah yang tidak dapat diselesaikan.

### Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat BPS diadakan tidak kurang daripada 4 kali setahun atau lebih kerap sebagai sekiranya keadaan memerlukan.

### Kehadiran Mesyuarat

Korum minimum untuk mesyuarat adalah dua pertiga (2/3) dengan majoriti ahli yang hadir mestilah ahli yang mempunyai latar belakang Syariah.

| Bil. | Nama                                                                              | Jawatan (Tempoh)                                   | Mesyuarat BPS |           |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|---------------|-----------|
|      |                                                                                   |                                                    | Diadakan      | Kehadiran |
| 1    | YM Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof | Pengerusi (2018-2020)                              | 1             | 1         |
| 2    | YM Dato Seri Setia Dr Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin                         | Timbalan Pengerusi (2018-2020)                     | 1             | 1         |
| 3    | YM Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof                           | Pengerusi (2020-2023)                              | 8             | 8         |
| 4    | YM Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani                                             | Ahli (2018-2020)<br>Timbalan Pengerusi (2020-2023) | 9             | 9         |
| 5    | YM Associate Professor Dr Hajah Rose binti Abdullah                               | Ahli (2018-2020)                                   | 1             | 1         |
| 6    | YM Dr Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin                                      | Ahli (2020-2023)                                   | 8             | 7         |
| 7    | YM Hajah Noraini binti Haji Buntar                                                | Ahli (2018-2020)<br>Ahli (2020-2023)               | 9             | 9         |
| 8    | YM Dr Haji Aidil Yusri bin Haji Shari                                             | Ahli (2020-2023)                                   | 8             | 8         |

*Nota:* Keahlian BPS bagi tempoh 2018-2020 tamat pada 31 Januari 2020, dan ahli BPS baru dilantik untuk tempoh 3 tahun mulai 1 Februari 2020 sehingga 31 Januari 2023.

### Ringkasan Mesyuarat pada tahun 2020

1. Sembilan (9) mesyuarat BPS telah diadakan sejak Januari hingga Disember 2020

| Bil.          | Cadangan dari Perniagaan dan Anak Syarikat | Bilangan Cadangan |
|---------------|--------------------------------------------|-------------------|
| 1             | Kumpulan Perbankan Retail                  | 6                 |
| 2             | Kumpulan Perbankan Korporat                | 2                 |
| 3             | Perbendaharaan dan Pasaran Global          | 4                 |
| 4             | Bahagian Audit Dalaman                     | 1                 |
| 5             | Bahagian Kewangan dan Strategi             | 4                 |
| 6             | Bahagian Syariah                           | 4                 |
| 7             | Bahagian Hubungan Kerajaan dan Projek Khas | 1                 |
| 8             | Tanggungjawab Sosial Korporat              | 4                 |
| 9             | BIBD At-Tamwil Sdn Bhd                     | 2                 |
| 10            | BIBD Securities Sdn Bhd                    | 2                 |
| 11            | Bahagian Teknologi Maklumat                | 1                 |
| <b>Jumlah</b> |                                            | <b>31</b>         |

2. BPS telah mengkaji, menasihati dan meluluskan semua cadangan perniagaan termasuk dokumentasi undang-undang untuk produk dan perkhidmatan yang dikemukakan oleh bahagian perniagaan dan anak-anak syarikat BIBD.

### Ringkasan Latihan Ahli-Ahli BPS

Ahli-ahli BPS menghadiri pelbagai forum maya dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka serta memastikan mereka mengikuti perkembangan terkini dalam industri Kewangan Islam.

| Bil. | Butiran Latihan                                                          | Ahli BPS              |                   |                       |               |                     |
|------|--------------------------------------------------------------------------|-----------------------|-------------------|-----------------------|---------------|---------------------|
|      |                                                                          | YM Dato Dr Hj Mazanan | YM Dr Abdul Nasir | YM Dr Hj Mas Nooraini | YM Hj Noraini | YM Dr Hj Mohd Aidil |
| 1    | Muzakarah Ilmuan Kewangan Islam (CIBFM)                                  |                       |                   | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 2    | Latihan Kewangan Islam Dalam Talian dikendalikan oleh IslamicMarkets.com | ✓                     | ✓                 | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 3    | Program Pendidikan Eksekutif Lembaga Pengarah (BEE), CIBFM               |                       |                   | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 4    | Persidangan Lembaga Syariah Tahunan AAOIFI ke-18                         | ✓                     | ✓                 | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 5    | Persidangan Audit Syariah 2020                                           |                       | ✓                 |                       |               |                     |
| 6    | Forum Sarjana Syariah Antarabangsa ke-15 (ISSF2020)                      |                       |                   | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 7    | Dialog Fintech Islam (IFD2020) ke-3                                      |                       |                   | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 8    | Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-14                            | ✓                     | ✓                 | ✓                     | ✓             | ✓                   |
| 9    | CIBFM-IRTI Program Eksekutif Kewangan Islam                              |                       |                   | ✓                     | ✓             | ✓                   |

# Ulasan Tahun 2020


- 3.1 Ringkasan Aktiviti BIBD
- 3.2 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 3.3 Penganugerahan dan Pengiktirafan

# 03

## 3.1 Ringkasan Aktiviti BIBD

### Nilai Kepada Pemegang Saham


Jumlah Dividen Dibayar (B\$ Juta)



**B\$0.174**

Dividen Dibayar setiap Saham Biasa TK2020

### Perbankan Digital



**18.4M**

Jumlah Transaksi Perbankan Digital

**B\$1.9B**

Nilai Transaksi Perbankan Digital



### Perbankan Runcit

Jumlah Pelanggan Perbankan Runcit




Aset: 64% (63.98%)

Pembiayaan: 65% (64.78%)

Kad: 42% (42.32%)


Bahagian Pasaran Runcit



Pemegang Kad BIBD



**>200,000**



### Perbankan Korporat





**>11,000**

Pelanggan Korporat Tempatan



**>80%**

Pelanggan Korporat adalah PMKS



## 3.2 Sorotan Kewangan Kumpulan

### Keuntungan Bersih Selepas Zakat dan Cukai (B\$ Juta)



### Keuntungan Operasi (B\$ Juta)



### Jumlah Aset (B\$ Juta)




### Deposit daripada Pelanggan (B\$ Juta)



### Pulangan ke Atas Aset – Sebelum Cukai (%)



### Pulangan ke atas Ekuiti – Selepas Cukai (%)




### Tingkat 1 Nisbah Kecukupan Modal (Modal Teras) (%)



### Nisbah Kecukupan Modal (%)



### Jumlah Kasar Peruntukan Bagi Kemerosotan Pembiayaan dan Pendahuluan (%)



### Nisbah Kos Berbanding Pendapatan (%)



\* disebabkan pelaksanaan Strategi Pengoptimuman Modal

## 3.3 Penganugerahan dan Pengiktirafan

### Anugerah dan Pengiktirafan Antarabangsa

Kami telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan daripada penerbitan antarabangsa yang terkemuka. Setiap anugerah adalah bukti komitmen kami untuk menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pemegang saham dan pelanggan kami.

# A-

**S&P Global**  
Ratings

**Penilaian A-**  
dari S&P Global  
(Sejak 2015)



**ISO 9001:2015**  
Pensijilan



**The Banker**  
Bank Terbaik 2020



**Global Finance**  
Institusi Kewangan  
Islam Terbaik 2020



**Global Finance**  
Bank Paling Selamat  
di Brunei 2020



**The Asian Banker**  
Bank Terkuat mengikut  
Penyata Imbangan 2020



**The Asian Banker**  
Bank Runcit Terbaik 2020



**Global Banking  
& Finance Review**  
Bank SME Terbaik 2020



**Global Banking  
& Finance Review**  
Bank CSR Terbaik 2020



**CEO Monthly**  
CEO Terbaik di  
Brunei 2020

# Berkhidmat Untuk Negara



- 4.1 COVID-19 Bersama-sama Meratakan Lengkungan
- 4.2 Meraikan Warisan Kita
- 4.3 Mengongsikan Rezeki Kami

# 04

## 4.1 COVID-19 Bersama-sama Meratakan Lengkungan

### Mengutamakan Kesihatan dan Keselamatan Kakitangan kami, Pelanggan dan Orang Awam.

Berikutan pengumuman kes pertama COVID-19 di Brunei pada Mac 2020, BIBD segera melaksanakan beberapa langkah berjaga-jaga bagi menangani virus tersebut.

Dengan keramaian 1,000 orang kakitangan di 10 lokasi berasingan, BIBD menyedari bahawa kesediaannya sebagai organisasi memerlukan tindak balas yang jelas dan berkoordinasi. Pasukan Tindakan COVID telah dibentuk yang terdiri daripada kepimpinan BIBD dan pengurusan utama untuk memberi panduan serta memudahkan penyelarasan aktiviti ke seluruh kakitangan BIBD. Komunikasi yang kerap dikeluarkan kepada kakitangan untuk menyampaikan maklumat terkini dari pihak pengurusan, pelbagai garis panduan untuk melindungi diri mereka sendiri dan juga maklumat lain yang berkaitan.

Pelan Kelangsungan Perniagaan atau Business Continuity Plan (BCP) BIBD diaktifkan di tapak yang telah ditubuhkan sebelumnya untuk memastikan kesinambungan operasi perniagaan. Dalam mengambil-kira keadaan COVID-19, satu pelan telah segera disesuaikan dengan keadaan dan lokasi BCP baru telah dibuat dalam 3 hari dan beroperasi dalam masa 7 hari.

### Mengguna-Pakai Teknologi dalam Norma Baru

Dalam usaha untuk mengurangi impak COVID-19 terhadap pelanggan kami, Bank telah melancarkan kempen *Go Cashless! Go Digital!* yang mendorong pelanggan untuk melaksanakan keperluan perbankan mereka melalui pelbagai perkhidmatan digital dan tanpa tunai yang tersedia dalam rangkaian BIBD NEXGEN. Hasilnya, transaksi digital dari kedua-dua pelanggan Runcit dan Korporat menyaksikan peningkatan dalam tempoh COVID-19.



Walaupun pada ketika permintaan dunia yang tinggi dan kekurangan global, lebih dari 600,000 keping PPE telah diperolehi dan diedarkan kepada semua pekerja dengan penekanan khas kepada kakitangan barisan hadapan. Pembersih tangan juga disediakan dengan cepat di semua premis dan cawangan BIBD.

Pada masa yang sama, Dasar Bekerja Dari Rumah telah dirangka dan dirumuskan dengan segera untuk memberikan panduan yang sesuai dan membolehkan pekerja yang paling berisiko untuk bekerja dari rumah. Jika pilihan untuk bekerja dari rumah tidak dapat dilaksanakan, usaha khas dilakukan untuk memastikan kebersihan ruang kerja melalui pembasmian kuman secara berterusan di setiap permukaan dan kawasan umum di premis BIBD. Semua cawangan BIBD juga telah menandakan kawasan tertentu dengan pita di lantai serta kawasan tempat duduk untuk menggalakkan penjarakkan fizikal. Bagi mengurangkan kesesakan, semua cawangan mulai menghadkan jumlah pelanggan yang dibenarkan di lobi perbankan pada satu masa.



## Menyokong Dana Bantuan COVID-19

Dengan semangat perpaduan dan sokongan kepada negara, BIBD juga memanfaatkan perkhidmatan digitalnya untuk memudahkan sumbangan kepada Dana Bantuan COVID-19. Dengan mengimbas kod QR melalui *BIBD NEXGEN Wallet*, orang ramai dapat menyumbang secara langsung ke dalam Dana Bantuan COVID-19 tanpa perlu memasukkan nombor akaun secara manual. Pelanggan Progresif Pay juga dapat menggunakan kod imbas QR untuk menderma secara langsung dari aplikasi Progresif Pay.

Dalam menggalakkan sokongan dana yang meluas dan berterusan, BIBD juga menyeru organisasi sektor awam dan swasta untuk mencetak dan memaparkan kod QR di premis-premis mereka. Kod Imbas QR Dana Bantuan COVID-19 telah disediakan untuk dimuat turun melalui akaun media sosial BIBD.

Setakat 22 Julai 2020, Dana Bantuan COVID-19 telah mengumpul secara keseluruhan B\$14,597,940 dan telah ditutup pada 1hb Ogos 2020.

## Memberi Sokongan sebagai Rakan Kongsi Kemajuan

Sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, BIBD juga memberikan sokongan kepada pelbagai Kementerian-kementerian kerajaan dalam memerangi COVID-19.

Pihak bank telah menghulurkan sumbangan daripada Dana Masalah Umum yang ditadbir oleh BIBD. Sumbangan derma tersebut adalah untuk membeli 5000 gelang tangan, 6 ventilator dan 21 buah katil elektrik untuk pelbagai kemudahan kesihatan seluruh Brunei Darussalam.

BIBD juga membantu untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan tanggungjawab sosial dengan mempromosikan maklumat mengenai langkah pencegahan terhadap COVID-19 melalui media sosial, radio, TV dan media cetak.

Apabila sekolah-sekolah seluruh negara muka dibuka sebagai sebahagian daripada fasa kedua *de-escalation*, bank telah mendermakan sanitasi tangan, sarung tangan dan penutup muka kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membantu agensi-agensi tersebut dalam memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan murid-murid dan guru-guru sekembali mereka ke sekolah.

Sokongan BIBD yang tidak putus-putus kepada agensi-agensi kerajaan dan digabungkan dengan inisiatif CSR bank yang berterusan merupakan sebahagian daripada komitmen bank untuk menjadi rakan kongsi Kemajuan ketika negara berusaha untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.



## 4.2 Meraikan Warisan Kita

BIBD telah menambah mercu tanda baharu di Permata Hijau Brunei dengan pembukaan semula cawangan BIBD di Daerah Temburong yang ditetapkan sebagai Cawangan Warisan yang terletak di Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar.

Pembukaan semula Cawangan Warisan menekankan komitmen berterusan BIBD kepada masyarakat tempatan, untuk memastikan semua lapisan masyarakat tanpa mengira lokasi dapat mengakses rangkaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIBD.

BIBD sentiasa komited sebagai salah satu pemacu utama kemajuan dan pembangunan negara dari pelbagai bidang, termasuk rangkaian cawangan yang telah menjadi pusat inovasi dan pengayaan pengalaman pelanggan. Ini adalah sesuai dan setia kepada semangat Berjiwa Brunei.

***“Alhamdulillah, acara ini melambangkan peranan dan dedikasi BIBD sebagai ‘Rakan Kongsy Kemajuan’. Melalui pendekatan ‘Whole of Nation’ dan kerjasama erat antara Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) dan pihak-pihak berkepentingan seperti Autoriti Monetari Brunei Darussalam, adalah diharap agar projek ini akan menaiktaraf profil daerah Temburong sebagai destinasi perniagaan dan pelancongan.”***

**Yang Berhormat Dato Seri Setia  
Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri  
Kewangan dan Ekonomi II; Pengerusi BIBD



## 4.3 Mengongsikan Rezeki Kami

### Membantu Golongan yang Kurang Bernasib Baik

BIBD telah menyerahkan B\$221,880 kepada lebih 4000 orang anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sebagai sebahagian daripada sokongan pihak bank kepada mereka yang memerlukan di kalangan masyarakat dan ianya merupakan inisiatif tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Hj Awang Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam jawatannya sebagai Pengerusi BIBD telah menyampaikan *mock-cheque* kepada Yang Berhormat (R) Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan derma kepada anak-anak yatim adalah sebahagian daripada acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan kerjasama pejabat-pejabat Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berserta BIBD. Sumbangan derma tersebut yang pada kebiasaannya diadakan di bulan Ramadhan adalah diharapkan dapat membantu mengurangkan beban kewangan keluarga dalam persediaan menyambut musim perayaan yang menjelang tiba.




Lebih  
**B\$221,800**

Diserahkan kepada  
lebih 4000 orang  
anak yatim

**B\$6,700**

Disumbang sebagai  
sebahagian daripada Skim  
Hadiah Galakan  
Pelajar-Pelajar Cemerlang

Oleh kerana COVID-19, sumbangan derma telah diedarkan melalui kaedah pandu lalu di kawasan masing-masing di keempat-empat daerah dan ianya digabungkan dengan penyerahan secara langsung. Sumbangan yang diserahkan secara langsung diatur mengikut panduan perkumpulan ramai oleh Kementerian Kesihatan.



BIBD juga menyumbang B\$6,700 sebagai sebahagian daripada Skim Hadiah Galakan Pelajar-Pelajar Cemerlang untuk Anak-Anak Yatim Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2019. Sumbangan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Hj Awang Mohd Amin Liew kepada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar. Sumbangan tersebut akan diserahkan kepada 9 anak yatim yang memperoleh keputusan cemerlang dalam A'Level, O'Level, Sijil Peperiksaan Islam Brunei dan Peperiksaan Sekolah Rendah.

BIBD telah memberikan insentif kewangan untuk keputusan akademik yang cemerlang selama lebih dari 10 tahun, dengan kerjasama erat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Skim Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang adalah sebahagian daripada inisiatif BIBD untuk berkongsi rezeki, menyumbang kembali kepada masyarakat dan pada masa yang sama mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada kecemerlangan pendidikan. Bank ini berkomitmen untuk menjadi Rakan Kongsi Kemajuan untuk kementerian dan agensi kerajaan melalui perkongsian dan sokongan untuk pelbagai inisiatif pendidikan dan pembangunan masyarakat.

## Meningkatkan Semangat Komuniti Melalui Sirah Amal

Inisiatif Sirah Amal BIBD telah memberikan sokongan dan bantuan kepada anggota masyarakat Brunei Darussalam yang kurang berkemampuan di keempat-empat daerah. Inisiatif tahunan ini diadakan sebelum bermula Ramadhan untuk meringankan beban keluarga ketika mereka membuat persediaan untuk musim perayaan.

Forum Kepimpinan memimpin bahagian masing-masing semasa aktiviti amal ini, menunjukkan kepimpinan melalui teladan dan juga persahabatan dalam pasukan, untuk memastikan semua kakitangan terus terlibat dalam semua tahap inisiatif Bank dan tetap setia pada nilai-nilai kami yang Berjiwa Brunei. Sekumpulan kecil kakitangan yang mewakili setiap bahagian di BIBD mengambil bahagian dalam inisiatif ini dan ianya dilakukan mengikut nasihat Kementerian Kesihatan mengenai penjarakkan fizikal.

Dalam masa yang akan datang, adalah aspirasi kami supaya pihak Bank akan membina lebih banyak minat dalam kesukarelaan dan terlibat secara langsung dalam program CSR kami sebagai salah satu cara untuk mereka mendekati masyarakat dan program-program yang dijalankan BIBD.



## Memperingati Hari Raya Aidil Adha

Walaupun berlakunya pandemik COVID-19, BIBD tetap berazam untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Setiap acara dirancang dengan teliti dan diadakan sesuai dengan protokol penjarakkan fizikal untuk mencegah penularan penyakit tersebut.

Majlis Hari Raya Aidil Adha diadakan di Masjid Pehin Khatib Abdullah di Kampong Kulapis. Sebanyak 5 ekor kerbau dikorbankan dan diagihkan kepada 15 keluarga BIBD ALAF. Daging korban diedarkan melalui kaedah pandu lalu selaras dengan langkah penjarakkan fizikal. BIBD juga menyumbang 50 buku-buku Yaasin yang diserahkan sebagai wakaf kepada masjid.



# Berkhidmat Untuk Industri



- 5.1 Bantuan COVID
- 5.2 Meningkatkan Kesedaran mengenai Perbankan Islam
- 5.3 Memperkenalkan Produk Pelaburan Patuh Syarak ke Pasaran Tempatan
- 5.4 Pameran MSME

# 05

## 5.1 Bantuan COVID

### Menawarkan Bantuan dalam Masa Yang Mencabar

BIBD bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, AMBD dan Persatuan Bank Brunei (BAB) telah memperkenalkan Pakej Bantuan Ekonomi secara kolektif bernilai B\$250 juta, khas untuk pelanggan dan pelanggan korporat yang berkecualan, sebagai sebahagian daripada usaha untuk meredakan keadaan kewangan mereka.

Pelanggan korporat dapat memanfaatkan penangguhan pembiayaan pembayaran pokok hingga Mac 2021, penyusunan semula pembiayaan mereka serta pengecualian yuran dan transaksi. Adalah diharapkan agar langkah-langkah tersebut dapat meningkatkan kecairan pelanggan korporat kami, sehingga dapat menjamin keselamatan kerja pekerja-pekerja mereka.

Individu-individu yang terkesan COVID-19, terutama mereka yang bekerja sendiri, juga layak mendapat bantuan ekonomi. Antaranya penangguhan pembayaran pokok pembiayaan, penyusunan semula pembiayaan dan penukaran baki kad kredit ke kemudahan pembiayaan berjangka. Selain itu, pelanggan juga diberi pilihan untuk menangguhkan atau menyusun semula kemudahan pembiayaan peribadi dan kereta mereka dengan penangguhan pembiayaan pembayaran pokok yang ditawarkan untuk pembiayaan rumah.

Sebagai sebahagian daripada sokongan Bank kepada pelanggan kami, bayaran pemindahan tempatan dan pengecualian yuran pemprosesan juga ditawarkan.

### COVID-19: Pendekatan 'Whole of Nation' dan 'Whole of Society' BIBD

| BIBD                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Korporat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | Individu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Negara                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Komitmen Kami</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyata Imbangan yang Kukuh</li> <li>• Kecairan yang Kukuh</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                          | <b>Bantuan Kami</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penangguhan pembayaran pokok pembiayaan sehingga 31 Mac 2021</li> <li>• Penyusunan semula</li> <li>• Pengecualian yuran pemindahan tempatan sehingga 1 Okt 2020</li> <li>• Pengecualian yuran transaksi pembayaran dan perdagangan kecuali yuran parti ketiga bagi perniagaan didalam 6 sektor yang terpilih</li> <li>• Pengecualian yuran langganan bulanan Biznet sehingga 1 Okt 2020</li> </ul> | <b>Bantuan Kami</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Layak bagi semua individu yang terkesan oleh COVID-19 termasuk yang bekerja sendiri</li> <li>• Penangguhan pembayaran pokok pembiayaan</li> <li>• Penyusunan semula</li> <li>• Penukaran baki kad kredit ke pembiayaan</li> <li>• Pengecualian yuran pemindahan tempatan sehingga 1 Okt 2020</li> <li>• Pengecualian yuran pemprosesan sehingga 30 Dis 2020</li> </ul> | <b>Stimulus Keseluruhan</b>  <p>Melalui Autoriti Monetari Brunei Darussalam dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pakej bernilai B\$250 juta</li> </ul>                                                                                                                            |
| <b>Sokongan Kami</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penangguhan pembayaran pokok pembiayaan</li> <li>• Penyusunan semula pembiayaan peribadi dan kenderaan</li> <li>• Penukaran baki kad kredit</li> <li>• Pengecualian pembayaran pemindahan tempatan</li> <li>• Pengecualian yuran pemprosesan pembiayaan</li> <li>• Pengecualian yuran BizNet Online</li> </ul> | <b>Kelayakan</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memfokuskan 6 sektor (Pelancongan/ Hospitaliti/Restoran dan Cafe/Penerbangan &amp; Pengangkutan/Pengimpor Makanan/ Pengimpor Barangan Perubatan)</li> <li>• Sektor Perniagaan - syarikat, perkongsian, Pemilik Tunggal &amp; Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana</li> <li>• Kelayakan bagi bantuan dan pengecualian yuran sehingga 30 Dis 2020</li> <li>• Pengecualian yuran atas talian</li> </ul>  | <b>Pembiayaan</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan Peribadi dan Kenderaan</li> <li>• Penangguhan pembayaran pokok pembiayaan sehingga 31 Mac 2021; atau</li> <li>• Penyusunan semula sehingga 10 tahun</li> <li>• Pembiayaan Perumahan</li> <li>• Penangguhan pembayaran pokok pembiayaan sehingga 31 Mac 2021</li> </ul>                                                                                        | <b>Masyarakat Prihatin</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan langkah berjaga-jaga</li> <li>• Menggalakkan kesukarelawanan</li> <li>• Upskilling penuntut (eg. Hospitaliti &amp; Pelancongan IBTE)</li> <li>• Menderma ke COVID-19 Relief Fund</li> <li>• Kerjasama dengan Organisasi Bukan-Kerajaan</li> </ul> |
| <b>Masa Depan yang Mampan</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan usaha pendigitalan</li> <li>• Kempen Go! Perkhidmatan NEXGEN</li> <li>• Pasaran secara Maya (Perusahaan Mikro-Kecil)</li> </ul>                                                                                                                                                          | <b>Manfaat Hiliran kepada Kakitangan</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Manfaat kecairan untuk keselamatan pekerjaan</li> <li>• Amanah &gt; Sokongan &gt; Kesetiaan &gt; Produktiviti &gt; Pengekalan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                      | <b>Kad Kredit</b>  <p>Penukaran baki kad kredit kepada pembiayaan sehingga 3 tahun</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>Stimulus Sistem Kesihatan</b>  <p>Sistem Kecerdasan Buatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklumat masa nyata</li> </ul>                                                                                                                                                                                          |



Bruneian at Heart

## 5.2 Meningkatkan Kesedaran mengenai Perbankan Islam

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melancarkan Buku Kompilasi Resolusi Pilihan Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD (1993-2016) yang menyusun koleksi resolusi terpilih mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Syariah dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pemahaman keseluruhan mengenai Perbankan dan Kewangan Islam di negara ini.

Buku itu dilancarkan oleh Yang DiMuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Timbalan Pengerusi Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Buku tersebut dimulakan dengan bab pengantar yang mengandungi profil ringkas dan sejarah penubuhan bank; akta yang berkaitan dengan operasi perbankan Islam; dan perantakan dan tanggungjawab Badan Penasihat Syariah dalam memastikan perniagaan dan operasi bank mematuhi prinsip Syariah.

Penyusunan ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu 13 resolusi BPS Bank Islam Brunei (IBB) yang terpilih (1993-

2005); lima resolusi BPS Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) (2000-2005); dan 35 resolusi BPS Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) (2006-2016). Setiap resolusi yang dipilih berkongsi latar belakang masalah-masalah kewangan.

BIBD berharap agar usaha bagi pengumpulan dan penerbitan resolusi-resolusi pilihan BPS BIBD dan anak-anak syarikatnya, khususnya bagi tahun 2017 hingga terkini dan akan datang perlu diteruskan, termasuklah usaha menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris agar dapat memberikan manfaat yang lebih luas kepada orang ramai, bukan sahaja di peringkat tempatan, bahkan Nusantara dan global.

Oleh kerana BIBD akan terus menjadi penyokong kuat *Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint* yg diterbitkan oleh AMBD, dengan terus melabur dalam inisiatif seperti ini akan memperkuatkan sumbangan kita kepada industri dan mengundang minat para sarjana muda Islam untuk meneruskan penyelidikan dan memperkukuhkan lagi pelaburan kita dalam pengetahuan kewangan Islam dan membina lebih banyak inovasi dalam rangkaian produk dan perkhidmatan kami.



## 5.3 Memperkenalkan Produk Pelaburan Patuh Syarak ke Pasaran Tempatan

Pada tahun 2020, BIBD Securities melancarkan dua Dana Mutu baru iaitu Franklin Global Sukuk Fund dan Templeton Global Equity Fund. Kedua-dua produk pelaburan tersebut adalah produk patuh Syarak dari Franklin Templeton Investments - peneraju global dalam pengurusan aset dengan pengalaman lebih dari tujuh dekad.

Dana Sukuk Global Franklin melabur dalam dana yang menawarkan pembayaran dividen bulanan dan akses ke portfolio sekuriti Sukuk yang pelbagai dan dikeluarkan oleh kerajaan, entiti berkaitan kerajaan dan korporat, yang terletak di negara-negara maju dan membangun.

Manakala, Dana Ekuiti Templeton Global pula adalah merupakan dana pelaburan yang menawarkan pertumbuhan modal jangka panjang dengan akses kepada pelaburan global patuh Syarak yang dipelbagaikan sepenuhnya di beberapa negara dan sektor.

BIBD Securities telah mengadakan dua acara berasingan untuk pelanggan di Bandar Seri Begawan dan Daerah Belait bersempena dengan pelancaran produk-produk baru tersebut.

BIBD menganggap produk-produk pelaburan patuh Syarak sebagai salah satu pengembangan perniagaan yang berpotensi terbesar di mana membangun pangkalan pelanggan, sama ada institusi atau individu, akan menjadi objektif utama untuk memastikan BIBD tetap relevan dengan keperluan pelanggan kami dan membolehkan

mereka mengembangkan kekayaan mereka dengan penyediaan lebih banyak produk dan kebolehpasaran yang lebih baik.

***"Kami ingin memperkenalkan produk yang tidak rumit ke dalam pasaran dan perlahan-lahan mendidik dan membiasakan pelanggan dengan produk pelaburan. Ini adalah untuk menyokong matlamat nasional Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) untuk meningkatkan kecekapan kewangan di Brunei dan akhirnya mewujudkan masyarakat yang dapat mengambil bahagian dalam pasaran pelaburan tempatan."***

**YM Haji Muhd Yazid bin Dato Paduka  
Haji Mahadi  
Pengarah Urusan, BIBDS**



## 5.4 Pameran MSME

Pameran MSME adalah peluang bagi orang ramai untuk mengetahui lebih lanjut mengenai platform SME360, *all-in-one* Bank; penyelesaian perbankan komprehensif yang melengkapi keperluan perniagaan, terutama PKS, yang merangkumi kumpulan pegawai perhubungan khusus, penyelesaian kewangan dan pembayaran digital.

Pelanggan-pelanggan PMKS seperti Dil's Coffee Trail, Gelatiamo, At Taqwa Travel & Tours, semua perniagaan milik dan dikendalikan anak tempatan yang telah mendapat manfaat daripada ekosistem SME360, turut hadir di pameran MSME.

SME 360 juga telah menjadi penyumbang dan pemudah cara untuk program seperti Livewire, 1Kampung 1Produk, BIBD SEED dan beberapa program yang lain. Ini bertujuan untuk menyumbang perkhidmatan kami dalam meningkatkan dan mempercepat pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana.



***"BIBD sentiasa komited dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan dan telah menyokong usaha kebangsaan melalui pelbagai inisiatif dan program yang berkaitan dengan PMKS, dengan tujuan untuk memperkasa mereka dengan penyelesaian perniagaan digital yang komprehensif. Produk-produk seperti BIBD BizNet, Akaun Semasa MSME dan BIBD QuickyPay telah membantu mengisi jurang dan meningkatkan keupayaan PMKS, sejajar dengan objektif Bank untuk memenuhi keperluan semua lapisan PMKS. "***

**YM Koh Swam Sing**

Ketua Kumpulan Perbankan Korporat BIBD



# Berkhidmat untuk Pelanggan



6.1 Memangkin Masyarakat Tanpa Tunai

6.2 Memenuhi Aspirasi Awda

# 06

## 6.1 Memangkin Masyarakat Tanpa Tunai

### Menerapkan Pembayaran secara Digital dalam Kampus Tanpa Tunai

Untuk meningkatkan usaha dan menyokong visi Brunei untuk mewujudkan ekonomi digital dan tanpa tunai sepenuhnya, Bank secara konsisten telah meneraju inisiatif untuk meningkatkan penggunaan pembayaran tanpa tunai kepada semua lapisan masyarakat. Untuk itu, BIBD telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). MOU ini merupakan kesinambungan dari Inisiatif Kampus Tanpa Tunai yang melibatkan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada tahun 2019.

Melalui MOU tersebut, pelajar UNISSA dapat menggunakan pembayaran secara digital dengan *BIBD QuickPay* dan *Progresif Pay* di platform BIBD NEXGEN untuk melakukan transaksi tanpa tunai di seluruh kampus dan pada masa yang sama menyediakan perniagaan yang berpusat di kampus dengan peningkatan dalam keselamatan dan kecekapan kerana mereka tidak lagi perlu menguruskan sejumlah besar wang tunai untuk perniagaan mereka.

Pelaksanaan Inisiatif Kampus Tanpa Tunai bertujuan memberi kemudahan yang lebih besar kepada pelajar-pelajar yang kini dapat bertransaksi tanpa perlu membawa wang tunai. Ini membuka jalan ke arah gaya hidup digital dan tanpa tunai yang baru ketika generasi muda bersiap sedia untuk corak pemikiran Revolusi Industri ke-4.



## Penjagaan Kesihatan Awam Tanpa Tunai dengan BIBD QuickPay

Melalui kerjasama dan perkongsian antara BIBD dan Kementerian Kesihatan, orang ramai kini dapat melakukan transaksi pembayaran tanpa tunai menggunakan *BIBD QuickPay* di semua pusat kesihatan dan kemudahan di bawah Kementerian Kesihatan.

Dikuasakan oleh BIBD NEXGEN, *BIBD QuickPay* membolehkan pelanggan membuat pembayaran dengan hanya mengimbas kod QR melalui *BIBD NEXGEN Wallet* di telefon bimbit mereka.

Pengenalan pembayaran tanpa tunai adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan yang lebih besar kepada orang ramai dalam membuat pembayaran untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan, dan pada masa yang sama, meningkatkan kecekapan yang lebih besar dengan mengurangkan beban kerja yang berkaitan dengan penerimaan dan kutipan secara tunai.

Penyelesaian pembayaran secara digital adalah salah satu inisiatif perbankan tanpa cawangan BIBD yang memanfaatkan platform BIBD NEXGEN dengan kerjasama pelbagai industri di luar sektor perbankan, sekaligus menggalakkan penciptaan ekonomi tanpa tunai.



## Memperkenalkan Pendigitalan dalam Amalan Menderma

Melalui kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, orang ramai boleh menderma kepada sesebuah masjid atau Tabung Pembinaan Masjid melalui *BIBD QuickPay*.

Melalui inisiatif terbaru ini, orang ramai dapat membuat sumbangan dengan mengimbas dan menderma secara 'digital'; derma ini kemudian akan dipindahkan terus ke akaun masjid tersebut dan cara ini dapat mengelakkan risiko kehilangan wang tunai dan kecurian.

Pada masa ini, 65 buah masjid, surau dan dewan keagamaan di seluruh negara akan menerima sumbangan untuk dana masjid masing-masing melalui *BIBD QuickPay*. Selain itu, orang ramai juga dapat menyumbang kepada Tabung Pembinaan Masjid Brunei Darussalam. Dana ini pertama kali ditubuhkan di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2015.



***"Brunei mempunyai lebih dari 500,000 pengguna telefon bimbit, akan tetapi terdapat banyak ruang untuk perkembangan dari segi pembayaran secara digital. Salah satu keutamaan BIBD adalah menyokong negara ketika kita menuju ke arah masyarakat tanpa tunai. Kami berbesar hati bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan yakin bahawa kerjasama ini akan menjadi contoh yang baik untuk memacu masyarakat tanpa tunai."***

**YM Mubashar Khokhar**

Pengarah Urusan & Ketua Pegawai  
Eksekutif BIBD.

## 6.2 Memenuhi Aspirasi Awda

BIBD sekali lagi menganugerahkan hadiah utama sebanyak B\$250,000 pada kemuncak Kempen Ganjaran Aspirasi 2 BIBD.

BIBD Aspirasi pada mulanya diperkenalkan untuk menyokong objektif nasional dan AMBD untuk mempromosikan kemahiran pengurusan kewangan yang lebih baik dan mendorong disiplin menabung di kalangan masyarakat Brunei Darussalam.

Semasa perjalanan Aspirasi 2 tahun yang lalu, BIBD berjaya menanamkan budaya menabung di kalangan pelanggan kami dengan menyediakan kaedah penjimatan secara konsisten yang mudah. Sambutan yang sangat positif terhadap kempen ini menunjukkan bahawa pelanggan program ini memahami bahawa penjimatan dapat

bermanfaat. Jumlah pelanggan Aspirasi telah meningkat dua kali ganda sejak tahun lalu, dan ini diharapkan akan terus berlanjutan ke program Aspirasi berikutnya.

Program Ganjaran Aspirasi 2 telah menganugerahkan seramai 441 pemenang dengan hadiah wang tunai sebagai sebahagian daripada hadiah bulanan, suku tahun dan utama, dengan lebih daripada 400 pemenang yang unik dari semua lapisan masyarakat.

BIBD Aspirasi boleh dilanggan dan ditebus sepenuhnya melalui aplikasi BIBD NEXGEN Wallet, tanpa perlu pergi ke cawangan. Setakat ini, BIBD merupakan satu-satunya institusi kewangan di pasaran tempatan yang menyediakan kemudahan produk simpanan seperti Aspirasi sebagai produk yang benar-benar unik dan bermanfaat.



# Berkhidmat untuk Masyarakat



- 7.1 Memperkasa Belia
- 7.2 Melabur dalam Pemimpin Masa Depan
- 7.3 Memupuk Keusahawanan
- 7.4 Landasan Bagi Aktiviti Kemasyarakatan

# 07

## 7.1 Memperkasa Belia

Sebagai sebahagian daripada komitmen BIBD untuk memperkasakan belia, BIBD *Youth Empowerment Summit* (YES!) telah dilancarkan untuk menyediakan platform bagi para belia untuk membina rangkaian, mengenalpasti minat mereka dan membangun daya ketahanan yang membolehkan mereka untuk memberikan impak.

Pada majlis perasmian *BIBD YES!*, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Mateen menggesa para belia untuk menjadi pemimpin dan memberikan impak positif segera kepada pembangunan negara.

Sidang Kemuncak ini juga menekankan pentingnya untuk memacu kemajuan sambil tetap berpegang teguh pada nilai-nilai 'Melayu Islam Beraja' dan menyelaraskan sebarang inisiatif ke arah Negara Pintar 2035 sebagai persiapan untuk ekosistem digital.

*BIBD YES!* telah dihadiri oleh wakil-wakil dari sektor kerajaan dan swasta, para tetamu khas sidang kemuncak tersebut dan 300 peserta belia dari 32 buah sekolah di seluruh negara.



Sidang kemuncak dua hari yang membawa tema "*It's Your Turn*" itu merangkumi sesi plenari dengan 51 penceramah dari Brunei dan dari luar negara yang membicarakan topik-topik yang meneguhkan kekuatan yang dimiliki oleh para belia, di samping mengukuhkan lagi keperluan untuk memperkasakan corak pemikiran para belia. *BIBD YES!* menampilkan 41 penceramah tempatan terkemuka dan 10 ahli panel antarabangsa yang membuat panggilan langsung melalui Zoom dari Hong Kong, Singapura, Indonesia, Filipina, Malaysia dan Hungary. Kehadiran penceramah secara maya membolehkan para pelajar melihat topik yang mereka hadapi melalui lensa global.

**300** PESERTA  
YANG HADIR

**1200** PESERTA  
SECARA MAYA

Bukti sokongan, komitmen dan solidariti masyarakat untuk menyokong kejayaan Generasi Masa Depan.

**51** PENCERAMAH PADA  
HARI PERTAMA & KEDUA

**41** TEMPATAN  
10 ANTARABANGSA

**37** RAKAN DAN  
PENYOKONG UTAMA

Agensi Kerajaan, Penaja, Dermawan dan Organisasi Penyokong

**24** SEKOLAH MENYERTAI  
SECARA MAYA

**32** SEKOLAH MENYERTAI  
DI LOKASI

Sidang Kemuncak ini juga mempunyai 27 Sesi *Breakout* yang menggunakan pendekatan pembelajaran yang lebih proaktif dengan kelas yang memberi pelajar perspektif yang lebih segar melalui topik seperti Seni, Kerjaya, Teknologi dan Kecergasan.

Beberapa sesi *Breakout* dijalankan di lokasi seperti Tasek Lama yang memberi peluang bagi peserta untuk berada di alam semula jadi, Jab Gym and Fitness Zone untuk sesi kecergasan yang unik, dan juga menerokai sesi kreatif mereka di Laksamana College of Business, Mahakarya Institute of Arts Asia dan Relentless Academy of Performing Arts.

*BIBD YES!* adalah sidang kemuncak pertama seumpamanya di Brunei yang menggabungkan penyertaan secara fizikal dan maya oleh penceramah dan perwakilan. Ia disiarkan secara serentak ke 24 buah sekolah yang berlainan kepada ratusan pelajar, sementara lebih daripada 300 pelajar hadir secara fizikal ke *JIS Arts Center*.

Sidang kemuncak itu membuktikan sokongan, komitmen dan solidariti masyarakat dalam usaha untuk mencapai kejayaan generasi akan datang. Ini ditunjukkan oleh 37 rakan dan penyokong daripada jabatan kerajaan, penaja-penaja sektor swasta, dermawan peribadi dan juga organisasi sokongan yang lain untuk acara tersebut.

***"Dalam pada masa depan yang semakin menghampiri kita, jelas bahawa para belia kita akan mewarisi era digital. Dengan kedatangan Revolusi Industri ke-4, adalah sangat penting untuk kita membuat persiapan bersama-sama bagi memastikan bahawa para belia kita dilengkapi dengan pengetahuan teknologi sehingga mereka dapat berkembang seiring teknologi dalam masa depan digital. Diharapkan para belia akan menyesuaikan diri dengan pendekatan "Whole of Nation" dan Negara menerapkan visi Pintar yang akan menjadi salah satu tunggak utama yang mendorong Negara Brunei Darussalam ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035."***



**Yang Berhormat Dato Seri Setia  
Dr. Haji Awang Mohd Amin Liew bin Abdullah**  
Menteri di Pejabat Perdana Menteri  
dan Menteri Kewangan & Ekonomi II;  
Pengerusi BIBD

BIBD YES! dianjurkan oleh BIBD sebagai Penaja Utama dan Progresif sebagai Penaja Platinum. CIC Environmental Services dan Total E&P Borneo B.V. adalah Penaja Emas, manakala Brunei LNG adalah penaja Perak. Acara ini dianjurkan oleh Curious Minds, disahkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan dan Kementerian Pendidikan, dan disokong oleh Persatuan Usahawan Muda Brunei, Global Shaper dan Young Professional Network Brunei. Ini menunjukkan perkongsian strategik dengan pihak berkepentingan utama yang di bawa oleh BIBD untuk bersama-sama berusaha mencapai objektif negara.



## 7.2 Melabur dalam Pemimpin Masa Depan

### Komitmen BIBD terhadap Pembelajaran Sepanjang Hayat

***Program BIBD ALAF merupakan manifestasi kepercayaan BIBD terhadap nilai pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan objektif Wawasan Brunei 2035, untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berpaksaan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi."***

**YM Noraini binti Haji Sulaiman**

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah BIBD ALAF &  
Timbalan Pengarah Urusan BIBD

Program BIBD ALAF merupakan manifestasi komitmen kami untuk membantu Negara Brunei Darussalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan memastikan setiap penduduk mampu memperoleh pendidikan yang berkualiti tinggi.

Program BIBD ALAF memainkan peranan penting dalam memberi kesempatan kepada kanak-kanak dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapat pelajaran dan pembelajaran, sebagai asas perkembangan diri dan pengukur utama pembangunan negara. Selain daripada memberikan perkhidmatan tutoring dan kaunseling, program ALAF kami juga menyediakan keperluan seperti yuran sekolah dan tuisyen, alat tulis, pengangkutan dan makanan.

Hasil daripada kerjasama erat antara BIBD, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan bersama dengan sokongan syarikat tempatan dan orang awam, program BIBD ALAF kini menyokong 243 pelajar.

Walaupun terdapat gangguan yang disebabkan oleh COVID-19, pelajar BIBD ALAF menduduki peperiksaan awam seperti Peperiksaan GCE 'A' Level dan Peperiksaan Penilaian Rendah (PSR) dan mampu mencatatkan keputusan yang cemerlang dengan kadar lulus 100%. Ini adalah tahap pencapaian pada tahap tertinggi, misalnya peratusan pelajar yang mencapai 5 A dalam peperiksaan PSR dan 3 A 'Level dalam peperiksaan GCE A' Level, adalah lebih baik atau setanding dengan tahap kebangsaan. Ini adalah bukti keupayaan individu pelajar BIBD ALAF serta kesan kolektif sokongan dan usaha peningkatan keupayaan BIBD ALAF.

Program BIBD ALAF bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berpendidikan dan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dengan permintaan industri.

Sepanjang tahun 2020, para pelajar didedahkan dengan latihan kemahiran insaniah seperti bengkel pidato, dan juga kemahiran kepemimpinan. Ini dipamerkan dalam Konvensyen BIBD ALAF, di mana para pelajar diminta untuk membahaskan isu dan idea mengenai topik-topik seperti Kecerdasan Buatan, Realiti Maya dan *Internet of Things*.

Program ini mencapai tunggak penting pada tahun 2020, ketika pelajar ALAF pertama dihantar untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom. Pelajar dari kumpulan ke-2 program BIBD ALAF, melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Farmasi di Universiti Nottingham. BIBD ALAF akan terus melabur dalam menyempurnakan program ini untuk memastikan kesesuaian dan kesediaan pelajar akan sesuai dengan keperluan pekerjaan industri, negara serta keperluan BIBD sendiri.



## 243 PENUNTUT

|     |                               |
|-----|-------------------------------|
| 43  | Sekolah Rendah                |
| 162 | Sekolah Menengah              |
| 21  | Pra-Uni                       |
| 2   | Menunggu Kemasukan KUPUSB     |
| 4   | Menunggu Kemasukan Universiti |
| 10  | Politeknik/Universiti         |

## 7.3 Memupuk Keusahawanan

### BIBD SEED

Program “*Special Underprivileged Mothers Empowerment Entrepreneurship Development*” (BIBD SEED) bercita-cita untuk meningkatkan kehidupan ibu-ibu yang kurang bernasib baik di Brunei Darussalam dengan memperkasakan dan memangkin pembangunan mereka sebagai usahawan yang kompetitif, berdaya tahan dan berjaya di pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, program *BIBD SEED* juga bertujuan untuk mewujudkan lebih banyak peluang di Brunei Darussalam terutamanya bagi golongan yang kurang bernasib baik, dan menyokong kemajuan mereka ke arah menjadi individu yang berkemahiran tinggi sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Selepas fasa pemilihan awal, BIBD mengalu-alukan 10 peserta yang terdiri daripada 6 vendor F&B dan 4 vendor dari industri kreatif ke dalam pengambilan yang ke-3 bagi program *BIBD SEED*.



Para peserta didedahkan kepada pelbagai bengkel pembangunan diri dan keusahawanan sebelum menyertai pelbagai pasaran untuk mendapatkan pengalaman dunia sebenar keusahawanan dan mula mewujudkan rangkaian pelanggan mereka yang tersendiri.



### BIBD Catalyst

Lima (5) usahawan fesyen dan kecantikan tempatan kini didaftarkan dalam pengambilan ke-2 bagi BIBD Catalyst yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang memberi tumpuan kepada program pecutan bagi usahawan yang berpotensi. Baitaal Hijab, koleksi Mumtaz, Rozai Hijab, Kosmetik Mukaku dan Mudaser telah dipilih untuk dilatih oleh FashionValet. Pemilihan ini berdasarkan keupayaan mereka untuk mengeksport produk mereka, rekod prestasi yang terbukti dan keberkesanan pemasaran melalui platform mereka.

Matlamat BIBD Catalyst adalah untuk dapat membangunkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (*MSME*) tempatan yang berpotensi tinggi dalam sektor industri yang berbeza agar berupaya bagi mengeksport dan menembusi pasaran luar negara. sebagai sebahagian daripada inisiatif bersama di antara BIBD dan DARE, peserta BIBD Catalyst juga menyertai Minggu Fesyen Malaysia (MFW) edisi ke-enam.



## 7.4 Landasan Bagi Aktiviti Kemasyarakatan

***"BIBD berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif yang akan membolehkan individu untuk bersama-sama menjayakan tindakan kolektif dalam memperluaskan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan memastikan kesinambungan mata pencarian bagi MSME tempatan. Platform "Community for Brunei" memanfaatkan teknologi untuk penglibatan masyarakat dengan menyediakan ekosistem online yang dilengkapi kaedah pembayaran digital sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menggalakkan masyarakat digital di dalam ekonomi tanpa tunai. Kami berharap "Community for Brunei" akan menjadi destinasi pilihan bagi peniaga tempatan untuk membolehkan mereka untuk mengimbangi kos operasi tanpa menjejaskan perkembangan mereka. Pada masa yang sama, ianya menyediakan pemudah-cara bagi orang ramai untuk menyumbang kembali kepada masyarakat."***

**YM Hjh Nurul Akmar binti Hj Mohd Jaafar**  
Ketua Pegawai Pemasaran

Pada ketinggian pandemik COVID-19, BIBD juga melancarkan inisiatif CSR terkini iaitu 'Community for Brunei' berupa sebuah pasaran maya yang direka untuk membantu perniagaan kecil dan menggalakkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan yang penting bagi Brunei. Inisiatif ini dilancarkan dengan kerjasama rapat di antara Bank, syarikat permulaan tempatan seperti Think Axis, The Collective, Alicia Newn dan syarikat logistik, serta agensi kerajaan.



### Community for COVID

Projek pertama *Community for Brunei* adalah 'Community for COVID' yang membolehkan orang ramai untuk menyokong barisan hadapan di Kementerian Kesihatan melalui pasaran maya dan membantu perniagaan kecil di Brunei untuk mengembangkan keupayaan mereka untuk menjana pendapatan. Pelanggan boleh membeli makanan dan minuman, pakej pemedulian dan perkhidmatan dari platform yang dihantar terus ke barisan hadapan di pelbagai hospital di seluruh negara. Keperluan barisan hadapan di pusat-pusat perubatan dan hospital di seluruh negara akan dimaklumkan kepada orang ramai secara *online*. Pendekatan 'supply dan demand' ini bertujuan untuk memastikan penyebaran sumbangan yang lebih berkesan serta mengurangkan pembaziran.



## Community for Ramadhan

Amalan dan tradisi Ramadhan tahunan kita tidak terlepas dari kesan COVID-19. Untuk menjamin keselamatan orang ramai, masjid ditutup dan restoran tidak dapat melayani pelanggan. Gerai Ramadhan tahunan juga dibatalkan sebagai langkah keselamatan.

Untuk membantu PMKS tempatan, yang kebanyakannya bergantung pada Gerai Ramadhan tahunan untuk pendapatan mereka, BIBD melalui 'Community for Ramadhan' menghasilkan Gerai Ramadhan maya di mana pelanggan boleh membeli makanan dan minuman dari peniaga yang biasanya berjual di Gerai Ramadhan yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## Memberi Impak bersama Jab Gym

*Community for Brunei* juga meneruskan usahanya untuk menyokong masyarakat yang berkeperluan khas dan penyaluran kebajikan yang penting bagi masyarakat Brunei. Penggabungan mereka dengan Jab Gym telah mengumpulkan B\$23,000 berupa dana kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerusi penjualan jus dan bar tenaga di platform *Community for Brunei*. 100% daripada hasil kempen telah disumbangkan kepada Pusat Ehsan untuk membantu kesinambungan program mereka dalam penyediaan latihan, bantuan dan penjagaan individu yang berkeperluan khas untuk mencapai potensi penuh mereka di dalam masyarakat. *Community for Brunei* berharap kerjasama itu akan menjadi inisiatif yang memberikan impak kepada komuniti berkeperluan khas di Brunei Darussalam, terutamanya semasa pandemik COVID-19 dan sebagai inisiatif pengukuhan masyarakat yang positif secara keseluruhan.



# Berkhidmat Untuk Kakitangan Kami



8.1 Berkhidmat Untuk Kakitangan Kami

8.2 Menggalakkan Penglibatan Pekerja

# 08

## 8.1 Berkhidmat Untuk Kakitangan Kami

Sebagai Institusi Perbankan Pilihan Pertama di Brunei, BIBD sentiasa berusaha untuk menyediakan tempat terbaik bagi pekerja kami untuk bekerja dan berjaya. Berkhidmat untuk kakitangan kami telah menjadi tunggak komitmen ini, yang bertujuan untuk menjana perpaduan dan penyelarasan pasukan, mendorong penglibatan dan hubungan yang berkesan antara pihak pengurusan dan kakitangan, dan untuk mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang terurus. Dalam berkhidmat untuk kakitangan kami, kami sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa semua kakitangan kami merasa mereka dihargai dan.

Sebagai bank yang Berjiwa Brunei, kakitangan kami umpama ahli keluarga besar BIBD. Ini bererti, pada asasnya, kami menghargai dan menjaga mereka, menggarap budaya bangsa ke dalam pengalaman kerja para pekerja kami.

Jawatankuasa Perpaduan dan Kerja Sama Pekerja (EUTW) bertujuan untuk mengetengahkan semangat setiakawan di kalangan kakitangan kami. Setiap kakitangan di BIBD menjadi ahli dalam satu pasukan "Kuih"; setiap pasukan diberi nama kueh tempatan.

kesejahteraan di kalangan kakitangan kami, kerana setiap anggota kueh akan disertai oleh segenap lapisan kakitangan dalam bahagian di kumpulan Bank.



Sepanjang tahun, pelbagai aktiviti dirancang untuk mendorong kerja berpasukan, meningkatkan semangat kekawanan dan kebanggaan bersama, dan akhirnya dapat memberikan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang menyenangkan. Sebilangan besar aktiviti adalah dikendalikan oleh kakitangan sendiri, dan diterima dengan baik oleh rakan mereka.



## 8.2 Menggalakkan Penglibatan Kakitangan

BIBD mempunyai akaun Instagram dalaman, yang bertujuan untuk memberikan ketelusan dalam organisasi dan meningkatkan penglibatan antara kakitangan. Melalui akaun ini, mereka dihargai dan diraikan kerana usaha dan kerja keras mereka. Pertandingan dan kuiz juga diadakan sebagai salah satu cara untuk memastikan aktiviti berterusan di platform media sosial. Ini telah membantu meningkatkan penglibatan kakitangan, menjadikan mereka merasa lebih mesra dengan Bank.

Pihak pengurusan BIBD juga kerap mengadakan lawatan ke cawangan-cawangan untuk meningkatkan lagi penglibatan kakitangan. Ini adalah cara menunjukkan penghargaan kepada mereka dan meningkatkan kepercayaan dan hubungan yang lebih erat antara kakitangan dan pengurusan.



Acara-acara tersebut ditangguhkan disebabkan COVID-19 dan hanya disambung pada akhir tahun. Pelbagai acara disusun antara Pengurus dan Pengurus Cawangan, Pengurus Jualan serta kakitangan Pusat Perhubungan.



Menjelang akhir tahun, ahli Lembaga Pengarah BIBD juga meluangkan masa dan mengunjungi pejabat BIBD dan cawangan-cawangan terpilih. Ini adalah sebahagian daripada usaha Lembaga Pengarah untuk menghargai, mengiktiraf dan mendorong usaha dan kerja keras yang diberikan sepanjang tahun yang mencabar.



# Ulasan Perniagaan



- 9.1 Kumpulan Perbankan Runcit
- 9.2 Kumpulan Perbankan Korporat
- 9.3 Perbendaharaan dan Pasaran Global
- 9.4 BIBD Securities

# 09

## 9.1 Kumpulan Perbankan Runcit



### Pertumbuhan Positif di masa yang Mencabar

Walaupun tekanan ke atas pulangan dan penurunan dalam penggunaan kad di luar negara, Bank terus melihat pertumbuhan positif dalam portfolionya, khususnya pertumbuhan 9% dalam pembiayaan rumah; pertumbuhan 21% dalam pembiayaan Ar-Rahnu; pertumbuhan 30% dalam pembiayaan Naqad; dan pertumbuhan 7% dalam pembiayaan Ijarah.


Hasil daripada kempen produk yang aktif dan disasarkan, Bank berjaya meningkatkan bahagian pasaran runcitnya dari peratusan jumlah keseluruhan aset perbankan.

***Penularan COVID-19 pada bulan Mac 2020 adalah saat penting yang mencetus gangguan yang tidak pernah terjadi sebelumnya. Dengan pengenalan sekatan perjalanan antarabangsa dan penjarakkan fizikal yang menjadi norma baru, terdapat kesan yang tidak dapat dielakkan terhadap ekonomi secara keseluruhannya.***

Secara khususnya, Bank telah mengalami pertumbuhan positif dalam bahagian pasaran pembiayaan peribadi. Walaupun semasa pandemik COVID-19, deposit simpanan meningkat dengan ketara. Deposit BIBD Aspirasi yang dalam kitaran ketiga, juga telah meningkat sebanyak 136%. Jumlah keseluruhan penggunaan kad meningkat lebih daripada 10% kerana peningkatan penggunaan digital semasa pandemik.

Sebagai contoh, QuickPay dan Kod QR BIBD dalam BIBD NEXGEN Wallet telah mencatatkan kenaikan 96% berbanding tahun 2019 sebelumnya.

Sebagai penghargaan terhadap dedikasi dan sokongan yang berterusan daripada pelanggan, Bank juga telah secara aktif memberikan ganjaran kepada pelanggannya dengan promosi dan kempen sepanjang tahun. Ini termasuk tawaran diskaun yang menarik sehingga 50%



bagi penggunaan kad BIBD semasa musim perayaan dan memberikan ganjaran yang kehidupan iaitu sebanyak B\$250,000 sebagai sebahagian daripada kempen ganjaran Aspirasi.

Bank juga secara aktif menyokong inisiatif kerajaan untuk meringankan beban kewangan pelanggannya yang terjejas oleh pandemik COVID-19. BIBD menawarkan pakej bantuan COVID-19 dengan pilihan penangguhan pembayaran prinsipal bagi satu tahun atau penyusunan semula sehingga 10 tahun. BIBD juga mengecualikan bayaran pemindahan dana di antara bank tempatan bagi penggunaan NEXGEN Wallet dan platform perbankan *online*. Sehingga kini, BIBD telah meluluskan hampir lebih daripada B\$12 juta dalam jumlah prinsipal keseluruhan untuk membantu pelanggannya.



## Memanfaatkan Kekuatan Digital Kami

Kempen *Go! Cashless* dan *Go! Digital* telah dilancarkan seurus selepas penularan COVID-19 di negara ini. Kempen tersebut menggalakkan kadar penembusan bagi perbankan *mobile* kami untuk meningkat kepada lebih 67%, Akibat daripada peningkatan permintaan untuk e-dagang dan transaksi secara *online*, Bank juga telah berjaya menaik taraf platform pembayaran *online* daripada MIGS ke MPGS yang menawarkan ciri-ciri baru termasuk *tokenisation* dan pembayaran yang lebih lancar.

## Bergerak Ke Arah Bank 4.0

Dalam menangani perubahan perilaku pengguna ke arah digital, RBG sedang dalam proses perombakan model operasinya dengan membina keupayaan baru untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan yang luar biasa di era Bank 4.0. Secara khususnya, kepantasan dalam penggunaan platform *mobile* baru yang berteraskan *Artificial Intelligence* untuk memberikan pengalaman yang bermakna, diperibadikan dan kontekstual kepada pelanggan kami. Privasi dan kerahsiaan pelanggan tetap menjadi keutamaan BIBD. Agenda Bank 4.0 telah memberikan tumpuan kepada ini dan Bank sedang dalam proses untuk mengadaptasikan amalan terbaik untuk melaksanakan piawaian *Personal Data Protection* kami. Untuk melindungi pelanggannya dan untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mampan, Bank akan terus mengukuhkan rangka kerja kawalan dalaman, termasuk mengguna pakai amalan dan piawaian terbaik antarabangsa.

BIBD juga memperkenalkan e-Duit Raya semasa tempoh perayaan Hari Raya Aidilfitri yang membolehkan pelanggan kami menghantar wang kepada keluarga dan rakan-rakan. Ianya merupakan alternatif bagi duit tradisional atau sampul hijau dalam menyokong langkah-langkah perjarakkan sosial Kementerian Kesihatan yang tidak menggalakkan perhimpunan ramai semasa Hari Raya. Selain itu, Bank memperluaskan perkhidmatan QuickPay kepada Kementerian Kesihatan untuk membolehkan pesakit membuat pembayaran secara digital. Di samping itu, kerjasama BIBD dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membolehkan perkhidmatan QuickPay untuk disediakan kepada lebih daripada 60 masjid di Brunei dan membolehkan orang ramai untuk membuat sumbangan dengan mengimbas kod QR.



## 9.2 Kumpulan Perbankan Korporat



Dengan keadaan pandemik yang mengubah landskap ekonomi global, Negara Brunei Darussalam pada umumnya dan BIBD khususnya terpaksa menyesuaikan amalan perniagaan mereka sejajar dengan 'norma baru'.

Untuk mengimbangi potensi risiko COVID-19, BIBD telah mengaktifkan *Business Continuity Plan (BCP)* dan mengurangkan operasi perniagaan tertentu. Walaubagaimanapun, Kumpulan Perbankan Korporat (CBG) dapat memenuhi tuntutan pelanggannya dengan berpegang teguh kepada nilai Bank iaitu tumpuan pelanggan dan membuktikan bahawa BIBD mempunyai keupayaan untuk berfungsi dalam keadaan apa pun.

Selaras dengan nasihat Kementerian Kesihatan untuk mengekalkan penjarakan fizikal, semua interaksi perbankan secara fizikal adalah dihadkan. Dengan memanfaatkan teknologi yang sedia ada dan pemikiran *out-of-the-box*, CBG dapat mengukuhkan dan mengekalkan hubungan dengan pelanggannya melalui saluran maya.

***2020 merupakan tahun yang mencabar dengan pandemik COVID-19 yang mengubah landskap ekonomi global dan menyebabkan perubahan penting dalam kehidupan seharian individu dan syarikat di seluruh dunia. Kebanyakan industri termasuk sektor kewangan telah menyesuaikan diri dengan norma baru bagi kesinambungan perniagaan.***

## Pengiktirafan Pelanggan

Kepuasan pelanggan dan perkhidmatan produk berkualiti adalah dua keutamaan penting bagi CBG. Pada tahun 2020, BIBD telah diperakui dengan pensijilan ISO:9001 bagi perkhidmatan pembayaran gaji/pembayaran pukat dan proses Kad Kredit Korporat. Pensijilan ini merupakan bukti komitmen BIBD untuk menyediakan pengalaman pelanggan yang tiada tandingan walaupun semasa krisis COVID-19.

BIBD juga dinamakan sebagai *Best SME Bank Brunei 2020* oleh *Global Banking and Finance Review* sebagai pengiktirafan komitmen BIBD menyampaikan penyelesaian yang komprehensif untuk perbankan yang lebih cekap, kos efektif dan mudah diakses oleh pelanggan SME serta mewujudkan sokongan jangka panjang dan perubahan yang mampan melalui pendidikan, komuniti dan pembangunan usahawan tempatan.



## Membantu Pelanggan Kami

Pada tahun lalu, hampir kesemua perniagaan telah terjejas oleh pandemik. Aktiviti ekonomi negara bergerak dengan kadar yang lebih perlahan. Sekatan perjalanan global dan tempoh kawalan pergerakan untuk sesetengah negara utama adalah sebahagian daripada kesan negatif kepada aktiviti perniagaan negara. Di atas sebab ini, kerajaan melalui Kementerian Kewangan & Ekonomi dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menetapkan langkah-langkah untuk mendukung kesinambungan perniagaan bagi syarikat yang terkesan semasa tempoh yang sukar ini. Sebagai menyokong usaha kerajaan, BIBD telah memperkenalkan *COVID-19 Relief* kepada pelanggan korporat dan MSME yang terjejas. Melalui langkah ini, pelanggan telah ditawarkan tempoh *moratorium* ke atas pembayaran bagi pembiayaan mereka sehingga enam bulan. Bank juga telah mengambil bahagian di dalam inisiatif kerajaan untuk menyetopkan pembayaran caj pemindahan antara bank yang dibuat oleh pelanggannya untuk menggalakkan penggunaan transaksi *online* semasa tempoh pandemik.

Penularan COVID-19 telah memaksa perniagaan untuk segera menyesuaikan diri dalam mempercepatkan penggunaan digital mereka. Ini terbukti di dalam peningkatan bilangan syarikat yang mendaftar kepada platform *BizNet Online* kami. Di samping itu juga, jumlah transaksi telah meningkat sebanyak 29%. Jumlah transaksi bill *online* juga meningkat sebanyak lebih dari 30% dalam tempoh 9 bulan. Pada masa ini BIBD menawarkan pembayaran bil online melalui *NEXGEN Wallet* daripada 92 syarikat pelbagai sektor.

**Helping you focus on what matters**

Because we're here to support you with our BIBD NEXGEN services. Now is the best time to **Go Cashless!** and **Go Digital!**

**GO! BIBD BIZNET**

- Balance Inquiry
- Interbank Fund Transfers
- Telegraphic Transfers
- Top up
- Cheque Book Services
- Payroll Services
- Standing Instruction Services
- Pay Bills
- Make a Donation

Selain daripada langkah-langkah bantuan untuk kemudahan perbankan, CBG juga memberikan sumbangan sebanyak 10,000 unit perisai muka untuk barisan hadapan COVID-19 dengan kerjasama *FERA Health and Nursing Care* melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## Berkongsi Kepakaran dan Pengetahuan

Walaupun dalam keadaan pandemik, Bank meneruskan komitmennya untuk menjadi Rakan Kongsi Kemajuan untuk negara dengan berkongsi pengetahuan mengenai kewangan perniagaan.

Program Satu Kampung Satu Produk yang merupakan kerjasama antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan BIBD menyaksikan Kumpulan Perbankan Korporat menjadi pembimbing kepada 19 usahawan yang terpilih. Program bimbingan ini bertujuan untuk mengubah perusahaan mereka untuk menjadi sebuah syarikat yang dinamik dan berkembang pesat di dalam menghasilkan produk premium tempatan.

Bank juga terus menyokong *LiveWire Agrobiz* untuk tahun kedua berturut-turut. Tahun ini menandakan satu lagi peristiwa penting di mana 7 tan beras *Sembada 188* dituai semasa musim menuai pertamanya pada Februari 2020.

CBG juga terlibat secara aktif dalam menganjurkan bengkel pendidikan seperti '*Become a Successful Owner Manager (BSOM) Workshop*' bersama dengan *Livewire Brunei* yang merupakan pelaburan sosial syarikat bagi Shell Brunei. Bagi tahun kedua berturut-turut, Bank meneruskan kerjasama dengan organisasi berkenaan dalam pengurusan skim pembiayaan bagi *Business Award* tersebut.

Skim ini telah menunjukkan potensinya di mana *Al Huffaz Management*, salah sebuah syarikat di bawah skim ini dan juga pelanggan Kumpulan Perbankan Korporat, telah berulang-kali dianugerahkan "*ASEAN Ricebowl Startup Awards*" dan juga memenangi Projek Terbaik dalam Anugerah Belia bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan.

## 9.3 Perbendaharaan dan Pasaran Global



TGM memastikan kewajipan kewangan BIBD dapat dilaksanakan pada waktunya apabila tiba masanya. Sebagai barisan pertahanan pertama dan titik tumpuan Bank, TGM memainkan peranan penting dalam melindungi Bank daripada tekanan dan ketidakpastian pasaran kewangan melalui pengurusan modal dan kecairan yang terperinci. TGM juga bertanggungjawab untuk keseluruhan operasi antarabangsa Bank dan memainkan peranan penting dalam pengembangan jangkauan Bank dalam pasaran global. Selain itu, TGM juga dipertanggungjawabkan untuk mengekalkan dan mengembangkan hubungan dengan institusi kewangan serta rangkaian produk pembiayaan perdagangan di peringkat global dan serantau.

***Bahagian Perbendaharaan & Pasaran Global BIBD (TGM) adalah salah satu aliran pendapatan utama BIBD. TGM telah membuktikan dirinya sebagai salah satu perbendaharaan Islam yang paling canggi dan kontemporari di pasaran kewangan global. Tanggungjawab utama TGM ialah pengurusan bagi keseluruhan aliran tunai Bank di pasaran kewangan global.***

Fokus perniagaan utama bagi TGM adalah untuk memastikan buku aset antarabangsa berlanjutan dan bertumbuh melalui pengurusan risiko kontemporari dan *yield optimisation principal*. Peningkatan berterusan bagi margin keuntungan bersih kami adalah salah satu objektif perniagaan TGM. Bilik urusniaga TGM berfungsi sebagai pusat sehati bagi keperluan pengurusan tunai di kalangan entiti institusi dan korporat negara. TGM berbangga menjadi Bank Utama bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) kerana kepelbagaian produk dan perkhidmatan serta kualiti perkhidmatan yang unggul.

TGM BIBD telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan pendanaan alternatif dan peluang pelaburan di pasaran kewangan antarabangsa. TGM memulakan program *Repo dan Reverse Repo* yang komprehensif pada tahun 2020 dengan pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2021. Ianya menjadikan BIBD sebagai salah satu institusi Islam di ASEAN yang menawarkan produk sedemikian.

Pada tahun 2020, TGM BIBD telah melaksanakan struktur tidak berdana pada kedua-dua kelas aset kredit dan kewangan perdagangan yang membawa hasil kepelbagaian risiko jauh daripada pasaran tradisionalnya. Sepanjang tahun ini, TGM juga meneruskan strateginya untuk meningkatkan jangkauan antarabangsa di Singapura dan Dubai dan kedua-dua entiti ini dijangka untuk menjadi cawangan penuh menjelang akhir 2021.

Seterusnya, TGM telah menambah kerjasama baru dengan pelabur antarabangsa yang menempatkan sejumlah besar dana dengan TGM BIBD yang telah membantu Bank mempelbagaikan asas liabiliti nya.

2020 mungkin merupakan tahun yang paling mencabar bagi peserta pasaran global kerana pandemik global. Walau bagaimanapun, TGM BIBD berjaya mengatasinya dengan mengelakkan sebarang ketidaktentuan yang melampau.

Tahun 2021 juga dijangka untuk menjadi satu tahun yang sukar bagi peserta pasaran global dan TGM menyasarkan untuk melindungi dan meningkatkan *margin* sepanjang tahun 2021 sejurus mengurangkan pendedahan kepada ketidaktentuan pasaran dan kelas aset. TGM akan terus fokus untuk meningkatkan pendapatan komisen / yurannya dengan menawarkan produk dan perkhidmatan berdasarkan yuran melalui jaringan pengedarannya yang semakin meningkat.

Sebagai pusat perkhidmatan kewangan pilihan pertama, TGM BIBD menyediakan 32 jenis mata wang utama dan kecil serta penyelesaian *spots* dan *forwards*, simpanan borong dan lindung nilai untuk pelbagai segmen pelanggan di negara ini dengan margin yang sangat kompetitif yang membolehkan institusi nasional mengoptimumkan kos. Penyelidikan dan analisis pasaran TGM di pasaran kewangan memberikan pandangan berkualiti kepada pelanggan nasional kami yang terus berkembang. TGM BIBD telah berperanan dalam melatih dan mengembangkan bakat belia Brunei di tempat kerja dan telah menghasilkan ahli Perbendaharaan yang luar biasa yang tidak hanya berkhidmat kepada TGM tetapi menyumbang kepada perniagaan BIBD yang lain.



## 9.4 BIBD Securities



BIBD Securities Sdn Bhd (BIBDS) ditubuhkan pada tahun 1993 dan merupakan anak syarikat milik penuh BIBD Berhad. BIBDS menyediakan produk pelaburan untuk pelanggan runcit dan institusi. Bagi pelanggan runcit, BIBDS menyediakan perkhidmatan pembrokeran kepada pelanggan yang ingin memperdagangkan saham BIBD dan sekuriti patuh Syarak yang tersenarai di Bursa Saham Singapura dan Bursa Malaysia, dan juga menawarkan *Mutual Fund* patuh Syarak. Bagi pelanggan institusi, BIBDS memberi perkhidmatan kepada pelanggan melalui bahagian pengurusan asetnya.

Pengurusan Aset BIBD (BIBD AM) menawarkan rangkaian pilihan bagi Pendapatan Tetap (melalui pengurusan Sukuk dalaman profesional) dan Ekuiti (melalui pakatan strategik dengan rakan pengurusan pelaburan terkenal di dunia).

## Inisiatif Utama pada Tahun 2020

### Runcit

BIBDS adalah pengedar tunggal bagi *Mutual Fund* patuh Syarak di Brunei. Pada masa ini, BIBDS menawarkan rangkaian pilihan bagi pelaburan ekuiti dan pendapatan tetap melalui 6 dana bersama daripada 2 rumah dana iaitu NCB Capital dan Franklin Templeton. Pada bulan September 2020, BIBDS berjaya melancarkan dua tawaran baru iaitu Franklin Global Sukuk Fund dan Templeton Shariah Global Equity Fund. Dengan Franklin Global Sukuk Fund, pelanggan kini dapat mempelbagaikan pegangan pelaburan mereka kepada pilihan pendapatan tetap patuh Syarak. Sepanjang tahun 2020, BIBDS telah melihat pertumbuhan aset yang ketara dari dana yang baru dilancarkan dan permintaan yang semakin meningkat untuk produk pelaburan patuh Syarak.

Di BIBDS, pendidikan pelaburan adalah penting bagi hubungan kami dengan pelabur runcit individu. Kami percaya bahawa kesedaran kewangan adalah langkah pertama untuk mencapai matlamat kewangan peribadi

### Institusi

2020 adalah tahun yang bersejarah bagi BIBD AM yang mana dari sisi pendapatan tetap, BIBD AM menyaksikan permulaan beberapa mandat Sukuk global yang diuruskan secara dalaman oleh BIBD AM bagi pihak pelanggan institusi. Inisiatif ini adalah yang pertama seumpamanya di Brunei dan sejajar dengan matlamat pembangunan nasional yang dinyatakan dalam Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Pembangunan Kewangan AMBD 2016-2025. Inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2020 mendekatkan BIBDS dengan keinginannya untuk mewujudkan platform pengurusan aset patuh Syarak bertaraf dunia.

mereka. Pelanggan runcit akan dilayan oleh dua belas perancang kewangan berlesen (dari dua pada awal tahun). Pada tahun 2020, BIBDS telah mengadakan 15 jerayawara dan beberapa acara kecil yang dibuat khas untuk pelanggan yang merangkumi lebih daripada 350 individu dengan tujuan untuk menunjukkan akan kepentingan perancangan kewangan dan cara untuk mencapai matlamat kewangan masing-masing dengan kaedah yang patuh Syarak.



Bagi ekuiti, BIBD AM menyediakan pilihan ekuiti global Islam melalui perkongsian strategiknya dengan sebilangan syarikat pengurusan pelaburan global. Melalui pelbagai rangkaian yang telah kami bina, BIBD AM dapat mengenal pasti peluang pilihan strategi pelaburan yang berbeza dengan rekod prestasi yang mantap. BIBD AM bekerja rapat dengan Rakan Strategik kami untuk menawarkan strategi pelaburan tersebut secara patuh Syarak.



## Tumpuan bagi tahun 2021

### Runcit

BIBDS akan terus mencari peluang untuk mengembangkan lagi tawaran *Mutual Fund* patuh Syarak dengan tujuan untuk membantu pelanggan kami untuk mencapai matlamat kewangan mereka menurut kesesuaian tahap risiko / pulangan mereka. Ini sejajar dengan inisiatif kami untuk memperluaskan pendidikan pelaburan dan kesedaran akan kepentingan dalam melabur.

### Institusi

Setelah melihat pertumbuhan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) yang kuat pada tahun 2020, kami berhasrat untuk meneruskan momentum ini pada tahun 2021 dan tahun-tahun berikutnya. BIBD AM akan memperkenalkan dan mempamerkan kepakaran kami ke pasaran di luar Negara Brunei Darussalam dengan memanfaatkan kesedaran tentang jenama kami di GCC dan Asia Tenggara. Bahan utama untuk berjaya adalah memastikan kesediaan asas dan kerangka yang betul untuk menyesuaikan perniagaan dan terus bergerak ke arah sasaran jangka panjang. Ini termasuk mewujudkan kerangka pengedaran antarabangsa dan memastikan sumber yang mencukupi untuk fungsi-fungsi ini.

Menitikberatkan perihai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) juga telah menjadi salah satu bidang fokus utama yang dikenal pasti untuk tahun 2021 dan seterusnya.

Kami berhasrat untuk mengembangkan strategi yang memberi penekanan kepada ESG bagi pendapatan tetap dan ekuiti dengan mengintegrasikan pemeriksaan ESG yang sistematik ke dalam pemilihan sekuriti yang terperinci serta memanfaatkan rakan strategik kami. Sebagai pelabur dan individu, kami percaya kepentingan ESG dalam membuat sebarang keputusan bukan hanya dalam pelaburan dan peruntukan modal, akan tetapi dalam bidang kehidupan kita yang lain.

Kami juga berusaha untuk mengembangkan kemampuan penyelidikan dan analisis kami, khususnya dalam memperluaskan jangkauan penyelidikan dalaman yang kami hasilkan. Kami berharap untuk mengongsikan penyelidikan dalaman yang telah kami jalankan pada tahun 2020 melalui kertas putih dan pembentangan pendapat dengan tujuan untuk berkongsi pengetahuan dan mencetuskan perbincangan intelektual.

## Memandang ke Hadapan

Dari sudut runcit, pendidikan pelabur akan sentiasa menjadi fokus utama bagi BIBDS. Kami bertujuan untuk meningkatkan kecekapan kewangan dikalangan pelanggan yang sedia ada dan bakal pelanggan kami untuk membantu mereka dalam mencapai matlamat kewangan mereka dengan menggabungkan pendidikan kewangan yang bermaklumat bersama rangkaian produk pelaburan kami yang terpilih. Memandangkan kesukaran dalam memahami bidang pelaburan dan perancangan kewangan, kami berharap untuk memberi pencerahan mengenainya kepada pelanggan kami.

Dari sudut institusi, BIBDS adalah pengurus aset berlesen pertama dan satu-satunya di Brunei sejajar dengan matlamat pembangunan seperti yang dinyatakan dalam Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Pembangunan Kewangan AMBD 2016-2025. Kami berhasrat untuk mendorong pertumbuhan dan kemajuan dalam ekosistem kewangan Brunei, dan bercita-cita untuk menjadi peneraju pelaburan Islam serantau dengan menawarkan rangkaian produk pengurusan aset Islam yang lengkap kepada pelanggan kami.



# Sokongan Perniagaan



Bahagian Pematuhan



Bahagian Pengurusan Risiko



Bahagian Audit Dalaman



- 10.1 Pejabat Ketua Pegawai Operasi
- 10.2 Kumpulan Kewangan dan Strategi
- 10.3 Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan
- 10.4 Pejabat Ketua Pegawai Pemasaran
- 10.5 Bahagian Syariah
- 10.6 Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas

# 10

## 10.1 Pejabat Ketua Pegawai Operasi



Bahagian Ketua Pegawai Operasi (COO) merumuskan, menyokong dan melaksanakan pelan strategik operasi dan pelan pengurusan prestasi yang sejajar dengan objektif dan strategi Bank. Rancangan ini menyokong perniagaan dan semua bahagian lain di bank. Ia juga menguruskan perancangan luar jangka perniagaan, pengaktifan dan tugas.

Fokus utama bagi Bahagian COO adalah untuk memberikan sokongan penuh kepada pihak perniagaan dan bahagian lain di seluruh Bank untuk mencapai matlamat dan sasaran strategiknya.

***Pejabat COO terdiri daripada jabatan-jabatan berikut:  
Operasi & Perkhidmatan  
Perbankan Cawangan, Kualiti  
Pekhidmatan, Operasi dan  
Perkhidmatan Pelanggan,  
Kepintaran Perniagaan  
dan Sokongan, Operasi dan  
Pentadbiran Kredit, Penyelesaian  
Digital dan Pengutipan &  
Pemulihan.***

## Tumpuan Utama

Pada tahun 2020, aktiviti Bahagian COO memberi penekanan kepada keutamaan berikut:

### Meningkatkan Pengalaman Pelanggan

Sebagai sebuah bank yang Berjiwa Brunei, kesemua yang kami lakukan adalah berdasarkan keazaman untuk memenuhi keperluan pelanggan. COO komited untuk melayani keperluan pelanggan di cawangan kami dengan ketepatan dan tepat pada masanya. Ini termasuk pemantauan dan memastikan bahawa maklum balas pelanggan ditangani mengikut piawaian perkhidmatan. Pengurusan pencegahan penipuan yang berkesan juga merupakan fokus utama untuk memastikan pelanggan kami terus berasa selamat semasa membuat perbankan dengan kami.



### Mendorong ke arah Transformasi Digital

COO terus meneroka cara untuk mempromosikan penggunaan pelbagai perkhidmatan digital yang tersedia untuk para pelanggan kami. Kami berkerjasama dengan Kumpulan Perbankan Runcit dan Korporat untuk merangka strategi dan melaksanakan rancangan untuk mengurangkan transaksi tunai dan menggalakkan pelanggan untuk Go Cashless atau Go Digital, sebuah kempen yang dilaksanakan oleh Bahagian CMO.

Bahagian ini juga aktif dalam mempromosikan pemajuan ke arah ekonomi digital bagi meningkatkan pembayaran melalui *BIBD NEXGEN Wallet*. COO bekerjasama dengan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk memahami sebarang kesukaran dan mengenal pasti di mana pendigitalan boleh menambahbaik kecekapan dan kualiti perkhidmatan secara menyeluruh. Kami juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan mengenai strategi, proses dan aliran kerja untuk inisiatif digital keseluruhan Bank melalui perkongsian mengenai teknologi perbankan terkini dan bersama-sama mengenal pasti kesesuaiannya bagi Bank.

Kami juga menyediakan lebih banyak akses kepada pelanggan BIBD dengan pelancaran tapak ATM baru di KOWIRA Berakas Garrison dan pelancaran BIBD NEXGEN baru di UBD Core.



### Memastikan Kecemerlangan Perkhidmatan

Keutamaan kami adalah untuk mengekalkan pensijilan ISO9001:2015 bagi Bank dalam "Provision of Retail Customer Onboarding, Financing (Personal & Home), Payments (Payroll & Bulk Payments) and Card Services" untuk tahun ke-2.

COO juga terus menyokong perniagaan dengan pentadbiran dan operasi bagi produk pembiayaan dengan tujuan

untuk memaksimumkan pendapatan sambil mengurangkan risiko yang dijana oleh segala produk pembiayaan. Ini termasuk penyediaan perjanjian pembiayaan, pengeluaran pembiayaan, dan pemantauan had dan cagaran.

## Inisiatif utama pada tahun 2020

### Menyesuaikan Diri dengan Norma Baru: Tindak Balas Kami terhadap Pandemik COVID-19

Untuk mengurangkan risiko COVID-19 di kalangan kakitangan, pelanggan dan orang awam, semua cawangan BIBD bertindak balas dengan cepat bagi keperluan norma baru. Kakitangan barisan hadapan dilengkapi dengan peralatan pelindung diri yang merangkumi topeng muka, sarung tangan untuk pengendalian tunai dan pemasangan *Acrylic Protection Screens* bagi kaunter.

Pelan Kelangsungan Perniagaan atau *Business Continuity Plan (BCP)* telah segera diaktifkan dan kakitangan ditugaskan di tapak lokasi di luar untuk memastikan kesinambungan operasi seharian. Tapak tambahan BCP juga dibuat dalam masa 3 hari dan kemudian beroperasi dalam masa 7 hari.

Pemeriksaan suhu badan bagi semua kakitangan sebelum memasuki ibu pejabat BIBD dan semua pelanggan sebelum memasuki cawangan juga telah dilaksanakan.

Pada menjangkakan peningkatan pelanggan di bank semasa tempoh tertentu, jam pembukaan bagi cawangan telah dilanjutkan semasa tempoh gaji Kerajaan. Cawangan dibuka lebih awal khusus bagi pesara yang mungkin lebih berisiko. Cara ini membolehkan pesara untuk melaksanakan transaksi mereka tanpa pendedahan kepada kesesakan dari pelanggan yang lain. Bank juga aktif dalam menyokong inisiatif kerajaan untuk mengautomasikan pembayaran tertentu seperti elaun, Skim Kerajaan Negara (MUIB) dan Pencen Gaji Tua melalui TAFIS.

Aktiviti-aktiviti tersebut membuahkan hasil dan BIBD dapat beroperasi walaupun dalam keadaan norma baru semasa tempoh pandemik. Program penyelidikan perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Kualiti Perkhidmatan menunjukkan peningkatan prestasi pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Ini menunjukkan bahawa barisan hadapan BIBD terus berdedikasi dalam menyediakan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang walaupun dalam keadaan yang mencabar.



### Mendorong Transaksi Digital

Dua jabatan di dalam COO iaitu Jabatan Kualiti Perkhidmatan dan Jabatan Operasi dan Perkhidmatan Perbankan Cawangan bekerja rapat dengan Kumpulan Perbankan Runcit dan Kumpulan Perbankan Korporat untuk mengurangkan transaksi tunai di Cawangan dengan menggalakkan pelanggan untuk *Go Digital*. Inisiatif yang diselaraskan seperti penaiktarafan *BIBD NEXGEN Wallet* untuk meningkatkan aktiviti kad maya dan fungsi pengurusan kad juga diperkenalkan.

### Mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2015 bagi BIBD

Pensijilan ini telah disahkan selepas selesainya audit pengawasan tahun kedua bagi BIBD pada November 2020. BIBD terus diperakui ISO 9001:2015 dalam *Provision of Retail Customer Onboarding, Financing (Personal & Home), Payments (Payroll & Bulk Payments) and Card Services*. Pengembangan ini menjadikan BIBD satu-satunya bank di Brunei Darussalam yang dianugerahkan pensijilan ini secara konsisten di semua cawangannya.

Pencapaian ini adalah hasil daripada semangat kerjasama berpasukan yang kuat di dalam Bank. Pengekalan pensijilan BIBD menggambarkan komitmen kami yang kuat dalam usaha penambahbaikan yang berterusan dan meningkatkan kecekapan dan produktiviti sambil mewujudkan nilai *Integrity, Customer Focus, Unity* dan *Excellence*.

Persijilan ISO 9001:2015 adalah standard yang diiktiraf secara global dan sentiasa diperiksa oleh badan pensijilan bebas. Ianya digunakan oleh organisasi untuk menunjukkan keupayaan mereka dalam menyediakan produk dan perkhidmatan secara konsisten dalam memenuhi keperluan pelanggan dan pengawalseliaan serta menunjukkan penambahbaikan yang berterusan dalam kecekapan dan produktiviti.



### Pelancaran Cawangan Warisan Temburong

Cawangan baru ini menawarkan suasana yang lebih baik dan lebih luas; setentunya ianya meningkatkan pengalaman pelanggan. Dengan pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Cawangan Warisan Temburong dijangka menjadi salah satu tarikan tempatan di daerah ini.

### Think Big - Memperkasa Barisan Hadapan dengan Inovasi

Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan peluang untuk kakitangan BIBD berinovasi dan memudahkan proses pembangunan idea melalui program pembelajaran yang berasaskan pengalaman, kerjasama dan projek.

Dengan Bahagian COO sebagai peneraju, ianya bertujuan untuk meningkatkan kesediaan barisan hadapan dalam menangani perubahan jangkaan pelanggan.



### Kaji-selidik Kepuasan SME & Keputusan NPS

Berdasarkan kumpulan fokus yang melibatkan pelanggan yang dijalankan oleh COO, aktiviti utama yang boleh menambah nilai kepada pelanggan SME dan meningkatkan kualiti perkhidmatan secara keseluruhan telah dikenal pasti. Selepas tindakan ini diambil, penyelidikan penilaian kepuasan SME telah dijalankan dan ditanda-aras terhadap keputusan yang dijalankan pada tahun 2017. Keputusan menunjukkan bahawa:

- Pemarkahan NPS untuk SME bertambah baik dari -4 NPS pada tahun 2017 kepada +16 NPS pada tahun 2020, iaitu +43 lebih tinggi daripada pesaing terdekat (-27 pada tahun 2020). Bank-bank lain mempunyai skor -50 NPS dalam kajian terbaru ini.
- Penambahbaikan utama pada sudut persepsi adalah pelanggan SME merasakan bahawa BIBD menawarkan "produk dan perkhidmatan yang inovatif" untuk SME (dari 74% pada tahun 2017 kepada 79% pada tahun 2020).
- Pelanggan juga merasakan bahawa BIBD membuat "perbankan mudah dan tidak rumit" (bertambah baik daripada 78% pada tahun 2017, kepada 84% pada tahun 2020).

## Tumpuan bagi Tahun 2021

### Pengalaman Pelanggan

Bagi tahun 2021, COO akan meneruskan komitmen kami terhadap pengalaman pelanggan. Ini akan dilakukan melalui latihan khusus dan penambahbaikan proses untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan di semua cawangan serta meningkatkan sistem pengurusan aduan maklum balas pelanggan yang lebih baik dan merekod permintaan perkhidmatan secara sistematik untuk penyelesaian yang cepat.

Kami berharap dapat meningkatkan kecekapan dengan mengautomatiskan pelbagai proses manual dalam Bahagian COO dan menjadi penggerak untuk penambahbaikan proses melalui pelbagai inisiatif dan menjalankan *Service and Digital Awareness Campaigns* di seluruh cawangan sepanjang tahun. Mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 akan tetap menjadi keutamaan yang akan dilaksanakan oleh COO dengan memacu peningkatan berterusan ke arah mencapai objektif yang berkualiti.



### Penggerak Digital

Sebagai salah satu titik sentuhan utama bagi pelanggan, COO akan terus meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pelanggan untuk menggunakan rangkaian digital Bank. Walaubagaimanapun, usaha mendorong ke arah digital tidak boleh meremehkan pengalaman pelanggan dan bank akan berusaha untuk memastikan kelancaran dan kemudahan pengguna bagi semua produk dan perkhidmatan digital untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan yang diberikan melalui semua saluran digital.

### Mengembangkan Keupayaan Pasukan Kami

Bagi tahun 2021, tumpuan yang lebih besar akan diberikan di dalam mengembangkan keupayaan untuk meningkatkan perkhidmatan dan pengalaman pelanggan secara keseluruhan di barisan hadapan. Kami berharap dapat meningkatkan latihan dan menambah pasukan pegawai pelulusan dari dalam Bahagian COO untuk memenuhi objektif perniagaan yang semakin meningkat, memperkasakan dan melatih barisan hadapan kami untuk berkongsi idea bagi memperbaiki pengalaman pelanggan dan membangunkan program untuk meningkatkan kemahiran Ketua Cawangan.



## 10.2 Kumpulan Kewangan & Strategi



### Menunjukkan Daya Ketahanan di masa yang mencabar

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi kakitangan Kumpulan Kewangan & Strategi (FSG) dan Bank secara umumnya berikutan penularan virus. Tenaga kerja di FSG telah menunjukkan daya ketahanan mereka. Walaupun dalam keadaan yang sukar, ketepatan masa, jangkauan dan kedalaman analisis Perisikan Kewangan dan data bertambah baik.

Data Kewangan memainkan peranan penting dalam FSG kerana FSG menyediakan perisikan pengurusan bagi semakan strategik dan pelbagai Jawatankuasa Kepimpinan dan Jawatankuasa Lembaga. Data Kewangan juga digunakan untuk laporan berkanun kepada pihak berkepentingan luar seperti pemegang saham dan pengawalselia. Kegunaan Data Kewangan ditingkatkan dengan pelaksanaan kawalan pengurusan yang kuat dan pelaburan berterusan bagi tenaga kerja FSG untuk mencapai matlamat utama iaitu menyediakan data dan perisikan tepat pada masanya.

***FSG mempunyai 2 bahagian utama iaitu Kewangan dan Strategi. Jabatan Kewangan bertanggungjawab untuk membuat laporan kewangan peringkat Kumpulan, belanjawan, pembayaran kepada vendor dan maklumat kewangan. Jabatan Strategi baru ditubuhkan pada tahun 2020 untuk memberikan sokongan dan kemudahan strategi bagi peringkat Kumpulan, penyelidikan ekonomi dan sumber untuk projek-projek strategik bagi Kumpulan.***

### **Pengembangan Peranan Bahagian Kewangan ke Bahagian Kewangan dan Strategi pada tahun 2020**

Terdapat peningkatan fokus kepada pertumbuhan dan kekuatan kewangan pada peringkat Kumpulan, terutamanya dengan penularan virus COVID-19. Tanggungjawab Bahagian Kewangan diperluas pada Januari 2020 untuk merangkumi Jabatan Strategi dan pengembangan mandat Bahagian kepada Kewangan dan Strategi. Selaras dengan objektif ini dan perjalanan digital pada peringkat Kumpulan, FSG memberi tumpuan memperkemaskan fungsi dan operasinya menurut kedudukan peranannya.

### **Pembangunan Pengamal Kewangan yang Berbakat dan Berkomitmen Sebagai Teras FSG**

BIBD bertujuan untuk memainkan peranan yang kuat dalam perkembangan perbankan Islam dan terus menunjukkan bakat yang khusus dalam pelbagai bidang. Dengan objektif ini, FSG akan terus memperkuat perkembangan dan kecekapan pasukannya sejajar dengan perjalanan Bank dalam inovasi dan digital. Dengan evolusi perbankan dan kewangan Islam, membangunkan pasukan perlu meliputi pendedahan mereka dalam memahami transaksi kewangan dan perkhidmatan digital Islam yang lebih kompleks. Oleh itu, pelaburan dalam peningkatan kemampuan pasukan melalui latihan dengan pensijilan yang bertauliah adalah tumpuan berterusan kami.

### **Memberi Tumpuan kepada Peranan Sokongan FSG untuk Perniagaan**

Ini termasuk penubuhan peranan sokongan baru untuk bekerjasama rapat dengan pihak perniagaan, meningkatkan maklumat analitik dan pengurusan data. Tujuannya adalah untuk memberikan impak berharga dalam mendekatkan BIBD bagi mencapai misi, visi dan pelan strategiknya.

### **Memandang ke Hadapan**

FSG berhasrat untuk menambah nilai dalam peranannya sebagai pemangkin dan ahli strategi bagi mempromosikan perjalanan digital BIBD dengan kemahiran dan kecekapan yang relevan. Ini akan menjadi perjalanan berterusan yang kami percaya akan meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan pasukan dalam perbankan, perakaunan, dan kewangan Islam dengan memberikan pendedahan mengenai asas dan falsafah kewangan Islam dan aplikasi operasinya. Penilaian keupayaan seperti tenaga manusia, sistem dan data selalu menjadi penilaian kritikal dalam memastikan kesesuaian perjalanan pertumbuhan Bank ke arah dunia digital.

## 10.3 Bahagian Sumber Manusia & Modal Insan



Bahagian Sumber Manusia dan Modal Insan (HRHCD) terus membina budaya penglibatan dan pemerkasaan kakitangan yang tinggi. Ini dilakukan melalui penglibatan dan komunikasi secara berkala antara kakitangan dan pihak pengurusan mengenai hala tuju, strategi dan projek penting. Kegiatan ini membantu mewujudkan persekitaran yang positif untuk kakitangan, budaya kerja yang berteraskan penajajaran serta prestasi dan tahap produktiviti yang tinggi.

Bagi tahun 2020, HRHCD memfokuskan kepada 4 keutamaan strategik yang bertujuan untuk membolehkan usaha Transformasi Digital BIBD dalam membina dan mengukuhkan keupayaan kakitangan dan meningkatkan budaya pematuhan organisasi melalui penglibatan kakitangan yang tinggi dan budaya pemerkasaan:

- Peningkatan dalam pendigitalan HR melalui pengautomatikan dan pendigitalan fungsi dan proses HR; dan mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan digital di kalangan kakitangan.

***HRHCD terus membangunkan dan mentadbir amalan dan program HR yang memberi impak terhadap hasil perniagaan dalam membantu menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh pihak perniagaan. Bahagian ini berusaha untuk memangkin keberkesanan tenaga kerja dan mengambil langkah yang diperlukan dalam mencapai tahap motivasi kakitangan yang tinggi untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.***

- Pengambilan dan pengekalan bakat yang strategik berdasarkan matlamat bank sebagai majikan pilihan dan memastikan pemindahan pengetahuan yang berkesan kepada bakat tempatan.
- Penyelarasan Dasar Pampasan dengan Garis Panduan AMBD sejajar dengan dasar tadbir urus korporat yang mantap.
- Memupuk nilai pematuhan dan budaya kerja yang kuat bagi barisan hadapan untuk mengekalkan integriti yang tinggi dan reputasi Bank yang kukuh dikalangan pelanggan dan pihak berkepentingan yang lain.

### Bangkit Menyahut Cabaran di 2020

Walaupun julung kali menghadapi krisis COVID-19 pada tahun 2020, HRHCD tangkas menyahut segala cabaran dan telah mencapai kejayaan berikut:

#### Pengendalian Tindak Balas COVID-19 yang Berkesan

Pada permulaan dan semasa krisis, peranan HRHCD adalah untuk memastikan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan semua kakitangan dapat dikendalikan dengan peka dan secara efektif dan pada masa yang sama membantu untuk memastikan operasi penting BIBD dapat diteruskan. Mengimbangi kesemua ini semasa COVID-19 adalah sangat mencabar. HRHCD secepatnya menyesuaikan diri dengan situasi genting ini dengan menyediakan e-mel kecemasan HR dan *Hotline* untuk menguruskan pertanyaan dan kebimbangan kakitangan. HRHCD juga menjadi titik fokus untuk menyelaraskan aktiviti yang berkaitan dengan kakitangan termasuk pemantauan kesejahteraan kakitangan, penyediaan sokongan untuk kakitangan yang terjejas, penyelarasan lawatan pengurusan ke cawangan dan penyebaran maklumat, garis panduan dan makluman terkini dari pihak pengurusan melalui e-mel, perkongsian di laman sosial *BIBD Family* dan lawatan ke cawangan.

Dasar dan garis panduan segera dirumuskan dan disesuaikan untuk menyokong keperluan situasi yang sedang berkembang. Garis panduan *Work-From-Home* dirumuskan dan dilaksanakan dengan pantas untuk memberikan panduan yang sesuai dan membolehkan kakitangan yang paling berisiko untuk bekerja dari rumah. HRHCD juga telah bekerjasama dengan GRSP dalam mengambil langkah yang lebih bersedia dengan pendaftaran segera 10 kakitangan kami untuk disahkan melalui Latihan Kesiediaan COVID-19 di Tempat Kerja COVID-19 oleh Bulan Sabit Merah Brunei (BRC). BIBD menerima pengiktirafan sebagai bank pertama di negara yang disahkan *COVID-19 Workplace Ready*. HRHCD juga bekerjasama rapat dengan pasukan BCP dalam mengenal pasti lebih 130 kakitangan kritikal dan penyediaan peralatan WFH untuk membolehkan kesinambungan operasi perniagaan yang penting sekiranya berlakunya kawalan pergerakan secara menyeluruh.



Sepanjang bulan Ramadhan, HRHCD juga berjaya melaksanakan projek Kurnia dengan sokongan 100 kakitangan bank. Setiap pekerja menghantar Kurnia secara peribadi ke kediaman 350 penerima dalam masa sepuluh hari.

### Penyelarasan Kos

Dalam menyokong usaha penyelarasan kos, HRHCD telah banyak menyumbang dalam penjimatan kos (kira-kira BND3.5 juta) melalui perundingan aktif di kalangan vendor, pengurangan aktiviti berkaitan dengan penglibatan kakitangan serta pembelajaran yang lebih kemas dan pengambilan berstrategik.

### Pembelajaran dan Pembangunan yang Disasarkan

Untuk mencapai misi pembelajaran kami iaitu “Pembangunan tenaga kerja yang *future-smart*, inovatif & celik teknologi”, aktiviti pembelajaran difokuskan kepada lima (5) bidang utama berikut:

#### 1. Pendigitalan

Untuk membolehkan kesediaan kakitangan dalam penerimaan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) dan pendigitalan, modul pembelajaran maya “Pengenalan Transformasi Digital” berjaya dilancarkan dengan 99% kadar penyelesaian di kalangan kakitangan. Melalui program ini, kakitangan mempelajari prinsip Transformasi Digital dan mendapat pengetahuan secara teori mengenai *Artificial Intelligence (AI)*, *Machine Learning*, *Blockchain*, *Internet of Things (IoT)*, *Robotics Process Automation (RPA)*, *Virtual and Augmented Reality (AR)* dan lebih banyak lagi.

#### 2. Kewangan Islam

Untuk menyokong misi BIBD untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik, rangka kerja pengembangan kecekapan kewangan Islam telah dihasilkan yang menumpukan pada tiga (3) bidang utama iaitu peningkatan budaya pematuhan Syariah, kelayakan kakitangan dengan pensijilan dan akses kepada program melalui pembelajaran online. Tiga (3) tahap kecekapan telah ditetapkan dari Kecelikan, Kemahiran hingga Pengkhususan (Pakar) dalam Dasar Latihan Syariah BIBD. Dalam mengembangkan kepakaran dalam Kewangan Islam, BIBD bekerjasama dengan IBFIM untuk *Islamic Financial Planner™ (IFPTM)* dan *Certified Qualification in Islamic Finance (CQIF) - Wealth Management*. Setakat ini, BIBD mempunyai 58 IFPTM dan 19 CQIF-WM yang diperakui. BIBD juga bekerjasama rapat dengan CIBFM mengenai Kewangan Islam dan program Perancangan Kewangan seperti *Fiqh Mua'malat Professional Program (FMPP)*, *Islamic Finance Qualification (IFQ)*, *Financial Planning Practitioner Program (FPPP)* and *Leadership in Islamic Finance & Economics (LIFE)*. Setakat ini, BIBD mempunyai 8 FMPP, 1 IFQ dan 13 FPPP dari kakitangan yang berkelayakan.

Walaupun dilanda pandemik COVID-19, BIBD berjaya mengadakan kursus berkaitan Kewangan Islam yang difasilitasi oleh pelatih dalaman, *program online* & sesi webinar. Melalui inisiatif ini, BIBD mencatatkan 325 hari latihan yang disertai oleh kakitangan untuk program yang berkaitan dengan Kewangan Islam dan Syariah.

#### 3. Pengawalan dan Tadbir Urus

BIBD secara berterusan menyediakan peluang pembelajaran yang berkaitan dengan pematuhan kepada semua kakitangan untuk mengukuhkan lagi tanggungjawab dan kebertanggungjawaban dalam mematuhi dasar, prosedur dan garis panduan dari pengawalselia. Untuk kesedaran umum, 2 (dua) program *eLearning* mengenai *Anti-Money Laundering (AML)* dan *Counter-Terrorist Financing (APAC)* diwajibkan untuk semua kakitangan. Di samping itu, program dalaman yang difasilitasi oleh *Subject Matter Expert (SME)* dari Bahagian Pematuhan telah dijalankan untuk 424 kakitangan barisan hadapan. Selain itu, program dan pensijilan yang disasarkan seperti *Anti-Money Laundering Specialist (ACAMS)*, Sijil ICA bagi AML dan Sijil bagi KYC dan CDD adalah digalakkan untuk kakitangan dalam fungsi kawalan tertentu. Tahun 2020 mencatatkan 3 pensijilan baru untuk ICA bagi AML dan 2 ICA bagi KYC dan CDD.

#### 4. Kepimpinan

Membangunkan keupayaan bagi kepemimpinan yang kuat dalam organisasi terus menjadi tumpuan bagi BIBD dengan 32% program dijalankan pada tahun 2020 khusus untuk Pembangunan Kepimpinan dan Pengembangan Profesional. 23 Pekerja lulus dari *The Communication Manual (TCM)*, program kepemimpinan yang bertujuan untuk mengubah peserta menjadi penceramah yang berpengaruh, TCM juga menangani kemahiran kepemimpinan lain seperti memberi dan menerima maklum balas yang berkesan, menguruskan konflik, dan menjalankan mesyuarat yang berkesan.



Program pembangunan untuk pemimpin masa depan juga telah dilaksanakan dengan dua inisiatif utama iaitu *Work Attachment Programs* dan *Graduate Management Trainee (GMT)*. Bagi program yang pertama, dua kakitangan terpilih dari BIBD telah ditempatkan selama sebulan dengan rakan perniagaan kami di Kuala Lumpur, Malaysia pada Februari 2020. Objektif bagi program tersebut adalah untuk memberi lebih banyak pendedahan antarabangsa untuk pemimpin masa depan kami dan juga perkongsian amalan terbaik dengan rakan perniagaan kami. Para pemimpin masa depan ini ditugaskan untuk mencadangkan dan melaksanakan projek peningkatan yang sesuai setelah mereka kembali bekerja. Sementara itu, akhir Jun 2020 menandakan pengakhiran program tahun pertama bagi *BIBD Graduate Management Trainee (GMT)*. Pada tahun pertama, *GMT* melakukan putaran kerja mereka ke 3 jabatan dan ditugaskan untuk mencadangkan, membentangkan dan melaksanakan beberapa projek peningkatan yang bertujuan untuk meningkatkan pengalaman perkhidmatan pelanggan, memperbaiki kecekapan proses atau mengurangkan kos operasi. Bimbingan khusus disediakan untuk *GMT* dan kemajuan mereka dipantau. Mereka juga telah didaftarkan untuk *Professional Banker Certificate* sebagai sebahagian daripada program latihan mereka.



## 5. Pensijilan

BIBD tetap komited untuk meningkatkan kebolehpercayaan kakitangan dan prestasi kerja dengan terus melabur dalam pensijilan profesional yang disediakan oleh institusi penanda aras yang diiktiraf. Pada tahun 2020, seramai 32 kakitangan berjaya memperoleh sijil profesional, menjadikan jumlah kakitangan yang diperakui menjadi 279 orang, dengan 27 kakitangan lagi masih menjalani pelbagai program. Program baru seperti *Professional Banker Certificate* dari *The Chartered Bankers Institute (CBI)* dan *Certificate in Relationship Management (CertRM)* dari *The London Institute of Banking and Finance (LIBF)* telah diperkenalkan untuk menambah kepelbagaian program pensijilan yang ditawarkan.

Budaya pembelajaran diperkukuhkan lagi dengan pelantikan *Learning Liaisons* bagi setiap jabatan yang bertindak sebagai penyokong pembelajaran dan bekerjasama dengan Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan (LDD) untuk mempromosikan pelbagai inisiatif pembelajaran.

Setelah kejayaan sesi *Ted Talk Video* yang diadakan sebelumnya, BIBD melancarkan program pembelajarannya sendiri. Program *IGNITE (Inspire, Grow, Network, Innovate, Transform dan Empower)* menyediakan platform untuk kakitangan berkongsi dan mengembangkan idea. Sesi terakhir dalam siri ini menampilkan alat analisis tingkah laku yang direka untuk mendedahkan pemacu kerjaya dikalangan kakitangan.

Pada tahun 2020, HRHCD tangkas menyesuaikan diri dengan pembelajaran *online* untuk memastikan penyediaan program pembelajaran yang berterusan untuk kakitangan. Walaupun terdapat banyak penangguhan dan pembatalan program latihan kerana COVID-19, terdapat 3,423 hari pembelajaran (peningkatan 5% berbanding tahun 2019) yang mana program *online* adalah 65% daripadanya.



### Pengukuhan Tadbir Urus Korporat

Untuk mengukuhkan tadbir urus korporat dan menyediakan garis panduan yang lebih baik, beberapa dasar dan garis panduan baru telah diperkenalkan pada tahun 2020 seperti *Work-From-Home Guidelines*, *Work Handover Policy*, *Corporate Credit Card*, *Drug and Alcohol screening* dan *Dual Hatting Allowance*. Garis panduan Pengurusan Tekanan juga diperkenalkan untuk membantu kakitangan yang mungkin mengalami tahap tekanan kerja yang tinggi.

### Komunikasi dan Penglibatan Kakitangan

Semasa pengurusan krisis COVID-19, komunikasi dan penglibatan yang kerap dengan kakitangan dilakukan melalui e-mel, laman sosial *BIBD Family*, mesyuarat *online* dengan pihak pengurusan dan lawatan ke cawangan oleh HRHCD melalui pasukan EIR. Sesi makan tengah hari / makan malam bersama pihak pengurusan disambung semula pada suku keempat apabila langkah pencegahan COVID-19 dilonggarkan. Tiga permainan antara rumah di bawah *Employee Unity* dan *Team Workgroup (EUTW)* juga dilanjutkan dan dianjurkan pada suku keempat.



### Melangkah ke tahun 2021

Setelah COVID-19, perancangan untuk tahun 2021 adalah untuk memastikan penyalarsan inisiatif dan fungsi utama HRHCD dan mengambil kira perkembangan perniagaan dan usaha pendigitalan, penekanan tadbir urus korporat dan keutamaan penyalarsan kos. Oleh itu, HRHCD akan memberi tumpuan kepada bidang berikut:

#### 1. Pendigitalan

Usaha berterusan akan dilakukan untuk memperdalam tahap kecekapan kakitangan di bidang tertentu dan juga untuk mendapatkan lebih banyak pensijilan bagi mempertingkatkan pengetahuan digital kakitangan yang melangkaui tahap kesedaran. Dalam usahanya untuk mendigitalkan proses HR, HRHCD akan melancarkan pelaksanaan perintis bagi Rangka Kerja Pengembangan

Kecekapan yang sebelumnya ditangguhkan kerana COVID-19.

#### 2. Penglibatan Kakitangan dan Pembinaan Budaya Kerja

Program untuk meningkatkan keterlihatan pengurusan dan penglibatan kakitangan akan diteruskan dengan tumpuan khas kepada penglibatan yang lebih tinggi dengan kumpulan tenaga kerja yang terpilih untuk memastikan pengekalan. Sesi *townhall* akan dianjurkan dan Program Pematuhan yang disesuaikan untuk penyelia akan dijalankan dalam usaha untuk memupuk budaya berprestasi, tatakelakuan dan tabiat pematuhan. HRHCD juga akan terus menyediakan cara untuk menangani dan menguruskan tahap tekanan di kalangan kakitangan dalam persekitaran yang mencabar semasa ini.

#### 3. Pengambilan dan Pembelajaran Terpilih

Sebagai sebahagian daripada usaha penyalarsan kos, pengambilan kakitangan adalah secara selektif untuk perniagaan baru, *Graduate Management Trainees* dan peranan terpilih yang lain. Terdapat juga tumpuan yang tinggi untuk pembelajaran online dan dalam mendapatkan sijil dan lessen seperti *FPPP*, *CMSL*, *ORM*, *IT*, *CISA* dan sebagainya.

#### 4. Mencapai Keselarasan yang Lebih Tinggi dan Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan


HRHCD akan terus menjalin kerjasama yang kuat dengan pihak berkepentingan dengan penyediaan sokongan tertumpu dari HR serta penglibatan aktif dalam projek strategik dan inisiatif perubahan.

#### Menuju Kejayaan

Bagi tahun 2021, HRHCD telah menjangka akan beroperasi dengan bajet yang ketat, perubahan dasar dan keperluan yang kerap dari pengawal selia serta kemungkinan untuk pengutamaan bagi projek *ad hoc*. Dalam menangani cabaran ini, perancangan HRHCD bagi tahun 2021 yang merangkumi rancangan tindakan dan *milestone* yang perlu dicapai telah disediakan. Program/inisiatif juga akan dikongsi dengan pihak yang berkenaan untuk memastikan HRHCD akan mendapat sokongan maksimum dari mereka.

Wawasan Brunei 2035 adalah untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diiktiraf secara meluas bagi pencapaian rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi setaraf dengan piawaian tertinggi diperingkat antarabangsa; kualiti hidup di antara 10 negara teratas di dunia; dan ekonomi yang mampan dan dinamik dengan pendapatan per kapita diantara 10 negara teratas di dunia.

Misi HRHCD dalam membina keupayaan sumber manusia dan memupuk budaya kerja yang positif, adil dan berorientasikan prestasi yang memberi motivasi kepada kakitangan untuk menjadi tenaga kerja yang berbakat dan paling produktif sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 mengenai pembangunan modal insan.



HRHCD komited untuk memastikan tenaga kerja kami bersedia dan dapat memenuhi perubahan yang akan dibawa oleh pergerakan global dan tempatan yang mengujakan. Ini terbukti dalam pelbagai aktiviti pengambilan pekerja, pengembangan dan pengekalan tenaga kerja yang dijalankan oleh HRHCD.



## 10.4 Pejabat Ketua Pegawai Pemasaran



Pejabat Ketua Pegawai Pemasaran (CMO) adalah struktur strategik yang bertujuan untuk menyelia dan menguruskan pengembangan dan pelaksanaan bagi strategi jenama, aktiviti pemasaran dan komunikasi untuk Kumpulan secara keseluruhan.

Bahagian CMO terdiri daripada jabatan-jabatan ini: Pemasaran Kreatif, Penjenamaan & Pemasaran Digital, Pengurusan Pengalaman Pelanggan, Komunikasi Korporat, dan Operasi & Tadbir Pemasaran.


### Objektif dan Penjajaran Kumpulan

Bahagian ini juga menjadi titik tumpuan bagi inisiatif bank yang berterusan berkenaan Tanggungjawab Sosial Korporat dan Kelestarian.

***Dengan pimpinan Ketua Pegawai Pemasaran, Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pemasaran, penglibatan, komunikasi, pelaksanaan digital, titik sentuhan pelanggan, profil jenama dan kedudukan jenama selaras ke arah misi 3 tahun untuk menjadi Bank Islam Terbaik di Asia Pasifik menjelang 2022.***

## Kedudukan Jenama

Pada bulan Jun 2020, kempen jenama bertemakan Rakan Kongsi Kemajuan telah dilancarkan. Kempen yang akan berlangsung selama 18 bulan ini merupakan komunikasi strategik bagi menyokong kedudukan jenama Kumpulan untuk mencapai misi kami. Dengan memperlihatkan perjalanan pelanggan yang bebeza, kempen jenama ini bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan jenama dari sudut perkongsian jangka panjang dalam memenuhi aspirasi individu, membantu perniagaan tempatan dan menyokong perusahaan besar. Tema 'Rakan Kongsi Kemajuan' menggambarkan status BIBD sebagai penyokong negara dan rakan dalam semua aspek kemajuan Brunei.



Sepanjang tahun 2020, Bahagian CMO telah memberi tumpuan dalam memperagakan intipati Rakan Kongsi Kemajuan dengan menyediakan sokongan strategik kepada inisiatif utama kerajaan. Semasa pandemik COVID-19, Bahagian Pemasaran menyokong Kementerian Kesihatan secara aktif dengan menghasilkan video dan risalah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pandemik COVID-19 dalam usaha meratakan lengkungan. Dalam menyokong Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Bahagian Pemasaran juga menghasilkan iklan video dan risalah untuk menggalakkan orang ramai



menyumbang kepada Dana Bantuan COVID Brunei dengan menggunakan QuickPay.

Lebih dari 36 inisiatif telah dijalankan sepanjang tempoh tiga bulan. Kempen *Go! Digital* dan *Go! Cashless* juga dilancarkan untuk memberi kesedaran mengenai penyelesaian digital yang dapat diberikan oleh BIBD untuk menjadikan keperluan transaksi harian lebih mudah. Dorongan ke arah ekonomi tanpa tunai dan penjarangan BIBD untuk menyokong inisiatif *Smart Nation 2025* telah berjaya mengabadikan urus niaga dan volume digital ke tahap yang menggalakkan.

Dari sudut Tanggungjawab Sosial Korporat, Bank telah melancarkan inisiatif terbarunya iaitu *Community for Brunei* yang merupakan pasaran maya yang direka untuk membantu perniagaan kecil dan mengetengahkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan yang penting dikalangan penduduk Brunei. Di antara langkah untuk membendung penyebaran COVID-19 adalah penutupan restoran dan pasaran dari menerima pelanggan untuk menjamu selera di kedai mereka. *Community for Brunei* dilancarkan bagi membantu perniagaan kecil yang telah terkesan oleh COVID-19 dengan penyediaan ekosistem secara *online* yang dilengkapi fungsi penerimaan pembayaran digital pada kadar sifar (0) MDR. Ianya merupakan sebahagian daripada usaha Bank untuk menggalakkan bayaran secara *online* dalam menyokong MSME untuk mengekalkan perniagaan mereka semasa tempoh genting ini.

BIBD juga salah satu penyokong utama dan penaja tuan rumah *Youth Empowerment Summit*. Belia adalah aset utama negara yang akan memacu visi negara menjelang tahun



2035. Sidang kemuncak itu menyaksikan lebih daripada 1500 pelajar mendapat manfaat daripada program yang digariskan dalam sidang kemuncak itu, dan melibatkan lebih daripada 51 penceramah tempatan dan antarabangsa yang terkemuka untuk menerangi dan memperkasa belia dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin masa depan. Sidang kemuncak itu juga disambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen dan memberi sinar harapan, motivasi dan dorongan kepada para belia apabila sabda DTYM Pengiran Muda Mateen bergema positif terhadap seruan untuk mendukung pertumbuhan dan pembangunan negara.



### Reputasi Jenama

Bahagian CMO juga bertanggungjawab untuk menguruskan persiapan untuk anugerah-anugerah antarabangsa yang ternama seperti *Bank of the Year (The Banker)*, *Best Retail Bank (The Asian Banker)*, *Best SME Bank*, *Best CSR (Global Finance Review)*, dan memberi kesedaran kempen kepada pentauliah seperti penilaian A- oleh Standard & Poor's dan ISO9001: 2015.

Bahagian CMO juga memberi tumpuan dalaman dengan memperkenalkan prosedur tadbir urus yang lebih ketat melalui pelbagai proses, prosedur dan dasar untuk mengoptimumkan pengurusan dan pelaksanaan fungsi pemasaran secara menyeluruh. Sepanjang tahun 2020, Bahagian CMO menerima lebih daripada 450 permintaan pesanan kerja dengan kadar penyelesaian 100%.

### Melaksanakan Norma Baru di Tahun 2021

Dengan usaha global untuk mendapatkan kembali kedudukan kita dan menerapkan norma baru, Bahagian CMO bertujuan untuk terus memberikan sokongan kepada semua pihak yang berkepentingan dan meningkatkan profil jenama dan kepemimpinan BIBD di peringkat serantau dan antarabangsa. Dengan asas yang kuat di tanah air, Bahagian CMO akan terus menegakkan nilai-nilai kami dan meningkatkan kesetiaan jenama pelanggan kami untuk diturunkan kepada generasi akan datang, sehingga BIBD dapat terus menjadi bank tempatan dengan jangkauan dan jenama bertaraf antarabangsa dilengkapkan dengan profesionalisme, integriti dan Berjiwa Brunei.

## 10.5 Bahagian Syariah



Bahagian Syariah bekerjasama dengan jabatan yang berkaitan dalam merumuskan, mengkaji dan meningkatkan produk dan perkhidmatan yang baru dan sedia ada dengan menjalankan penyelidikan secara menyeluruh dari segi Syarak bagi memastikan semua aspek adalah patuh Syarak. Ini adalah penting untuk memastikan ianya memenuhi tadbir urus Syariah dan sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

Untuk mengukuhkan pematuhan Syarak dan memupuk keyakinan pelanggan kepada Kumpulan, Bahagian ini telah merumuskan dan melaksanakan dasar/manual dan garis panduan Syariah bagi kegunaan dalaman untuk membantu unit-unit lain dalam mematuhi prinsip Syarak.

***Pematuhan prinsip Syarak adalah penting bagi operasi mana-mana Bank Islam. Jabatan Syariah yang diselidikan oleh Badan Penasihat Syariah (BPS) berfungsi untuk memastikan semua produk, perkhidmatan, transaksi, operasi dan aktiviti adalah patuh Syarak. Proses ini dikendalikan melalui penglibatan yang konsisten dan proaktif dengan semua yang berkaitan dengan perniagaan, pengawalan dan fungsi sokongan secara keseluruhannya.***

### Inisiatif Utama di tahun 2020

- Memperkukuhkan tadbir urus Syariah sejajar dengan garis panduan AMBD;
- Menyokong inisiatif BIBD Securities dan Pengurusan Aset;
- Memperkukuhkan dokumentasi pelanggan mengenai perspektif Syariah;
- Mengkaji proses perniagaan untuk menyokong inisiatif penjuruteraan semula selaras dengan strategi perjalanan digital;
- Berkongsi pengetahuan dengan orang awam mengenai keputusan Badan Penasihat Syariah (BPS) berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan operasi melalui penerbitan Resolusi Pilihan Badan Penasihat Syariah BIBD (1993-2016).

Untuk mencapai matlamat ini, Bahagian ini bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam industri ini terutamanya AMBD dan telah banyak terlibat dalam inisiatif penjuruteraan semula proses digital. Bahagian Syariah juga komited untuk meningkatkan dan mengembangkan tahap keupayaan kakitangan Syariah melalui inisiatif peningkatan keupayaan dan latihan yang berterusan terutama dalam pengetahuan perniagaan dan kemahiran analisis.

Tahun ini juga menyaksikan penakrifan semula bagi tumpuan Jabatan Syariah berikutan keputusan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS) yang mewajibkan setiap anak syarikat BIBD untuk menubuhkan dan melantik anggota BPS mereka sendiri. Jabatan ini menerajui usaha menyeluruh dalam pemilihan anggota BPS baru untuk BIBD At-Tamwil dan BIBD Securities.

### Tumpuan bagi tahun 2021

- Meningkatkan kepatuhan Syarak untuk peningkatan ekosistem pematuhan Syarak melalui perumusan dan pelaksanaan dasar dalaman (piawaian Syariah);
- Meningkatkan kepatuhan Syarak pada peringkat awal cadangan produk, perkhidmatan dan urusan perniagaan melalui penilaian Syariah yang terperinci;
- Memperluas fungsi Penyelidikan dan Sekretariat dengan bidang tadbir urus dan jaminan.

Untuk mencapai matlamat ini, Bahagian ini bertujuan untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan fungsi kawalan Bahagian Syariah serta pengambilan tenaga kerja tambahan untuk menyokong inisiatif utama Syariah.

## 10.6 Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas



Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas (GRSP) terdiri daripada 3 unit utama, iaitu Unit Pengurusan dan Keselamatan Kemudahan, Unit Perolehan dan Penyimpanan Data dan Unit Pengurusan Hubungan Strategik.

### Menjamin Keselamatan dan Keselamatan

Unit Pengurusan dan Keselamatan Kemudahan (FMSU) memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi Bank dengan melindungi dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan selamat bagi kakitangan, pelawat, pelanggan, penyedia perkhidmatan dan kontraktor Bank.

Pada tahun 2020, unit ini melaksanakan dan menyelesaikan beberapa kerja pengubahsuaian yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan keseluruhan premis, kemudahan dan cawangan BIBD. Ini untuk menjamin keselamatan dan keselesaan pekerja dan menyediakan ruang perbankan yang kondusif untuk pelanggan dan pihak berkepentingan, sesuai dengan standard HSE kebangsaan.

Antara projek yang terkenal ialah pengubahsuaian dan

penubuhan Pusat Kecemerlangan dan Pemberdayaan (CEE) dan Bangunan PGGMB, pembinaan dan pengubahsuaian Cawangan Warisan Bank di Temburong serta pelbagai ATM di luar lokasi.

Unit ini juga melaksanakan beberapa inisiatif kesediaan yang berkaitan dengan COVID-19 untuk mengurangkan risiko wabak COVID-19 di Bank dan memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja, pelanggan dan pihak berkepentingan terjamin.

Antara inisiatif kesediaan adalah pembentukan Rancangan Kesenambungan Perniagaan (BCP) dan pengembangan laman BCP ke-2. Unit ini juga melaksanakan Pelan Tindakan COVID-19, dengan aktiviti seperti pengedaran Peralatan Pelindung Diri untuk barisan depan, pemasangan alat pembersih tangan dan unit termometer di semua premis BIBD, penghalang sosial dan penghalang akrilik serta perkhidmatan pembasmian kuman.

Unit Pengurusan & Keselamatan Kemudahan terus menjadi

bahagian penting dalam memberikan perkhidmatan sokongan kepada Bank dalam memastikan operasi berterusan dan tidak terganggu. Unit ini berusaha memberikan perkhidmatan sepanjang masa untuk memastikan bahawa kedua-dua Perniagaan dan Sokongan dapat melakukan dan menyampaikan aktiviti Perniagaan Sebagai Biasa (BAU) dengan berkesan, dengan menyediakan persekitaran kerja yang selamat, berfungsi dan terjamin.

### **Menyelaraskan Proses Perolehan Ke Arah Kecekapan yang Lebih Besar**

Unit Perolehan dan Penyimpanan Data ditugaskan untuk memperoleh barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh Bank, melalui pemilihan vendor, pemeriksaan dan perundingan kontrak dan pembelian barang dan perkhidmatan yang sebenarnya. Unit ini juga memberikan sokongan pentadbiran kepada pihak berkepentingan dalaman dengan menguruskan fungsi surat, dan dalam fungsi arkib dengan memastikan keberkesanan pengurusan rekod.

Pada tahun 2020, Unit ini tetap fokus dalam usaha mereka untuk mempertahankan sistem Perolehan, Surat dan Arkib yang efektif dan efisien, bekerja sama dengan Jabatan Kualiti Perkhidmatan di Bahagian Ketua Pegawai Operasi untuk menyelaraskan dan memperbaiki proses perolehan dan memastikan sokongan dan proses tepat waktu sesuai dengan Piawaian ISO9001: 2015.

Walaupun menghadapi cabaran pada tahun 2020, Unit ini berjaya melancarkan beberapa proses dengan membuat kontrak dengan vendor utama untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam mendapatkan barang dan perkhidmatan. Melalui pemantauan dan pentadbiran sistem perolehan dalaman secara berterusan, Unit dapat memperoleh simpanan untuk Bank berjumlah B\$112,076.08 melalui pelbagai potongan dan perundingan komersial.

Pada tahun 2021, Unit Perolehan dan Penyimpanan Data akan terus melakukan penambahbaikan yang dapat mempengaruhi cara bank menjalankan perniagaan dengan ketara. Ini termasuk menjalankan perniagaan yang beretika melalui pelaksanaan dasar dan tadbir urus yang komprehensif serta amalan terbaik dalam Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA).

Kerjasama dan hubungan BIBD dengan pembekal terpilih dan relevan akan menekankan pentingnya memelihara Alam Sekitar, bertanggungjawab secara sosial dan beretika dalam mengurus perniagaan kami melalui pendekatan Tadbir Urus korporat yang komprehensif, yang merangkumi komitmen Bank untuk ESG, sehingga menuju ke arah

perniagaan yang lebih lestari dan kestabilan kewangan untuk semua pihak.

### **Mengamalkan pendekatan Keseluruhan Bangsa melalui Kerjasama Strategik**

Unit Pengurusan Hubungan Strategik komited dalam memaksimumkan potensi Bank dengan menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan dan rakan kongsi strategik. Dengan memastikan bahawa semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak Bank dan rakan strategiknya adalah selaras dan menyokong Brunei Vision 2035, unit ini dapat mengekalkan penyelarasan serta hasil jangka panjang dan berkesinambungan untuk semua pihak yang terlibat.

Antara keutamaan utama unit khususnya dan GRSP secara amnya adalah memperkukuhkan hubungan Bank dengan menyokong agenda nasional melalui inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan, dan dalam menjaga ekuiti jenama BIBD dengan meletakkan dirinya sebagai Bank Pilihan di dalam dan luar negara.

Inisiatif strategik yang terkenal di bawah pendekatan Seluruh Bangsa merangkumi Program Transformasi 1 Kampung 1 Produk (1K1P). Diadakan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA), BIBD bersama-sama melaksanakan program keusahawanan pemerikasaan komprehensif yang dikembangkan oleh BIBD untuk MOHA.

Latihan ini disasarkan kepada peserta 1K1P dari Mukim dan Kampung, yang bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran penting dan relevan dalam keusahawanan dan operasi perniagaan. Program ini juga membantu para peserta dalam mengubah produk dan perkhidmatan industri pondok menjadi barangan berkualiti tinggi, yang merangkumi makanan dan minuman, kesihatan dan kecantikan, minyak dan sabun penyembuhan herba, dan kraftangan tradisional.

Seramai 17 peserta 1K1P menamatkan program ini. Sorotan utama acara ini adalah pelancaran dan pengenalan produk dan perkhidmatan yang telah dijenamakan semula, dan disampaikan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Kerjasama membantu MOHA untuk mencapai objektifnya dalam meningkatkan kesadaran dan mempromosikan produk dan perkhidmatan 1K1P di pasar tempatan, dan membangun potensi untuk berkembang ke pasar serantau.



Sepanjang pandemik COVID-19, GRSP juga memberi sokongan berterusan kepada Kementerian kerajaan serta NGO. Selaras dengan kempen Go Cashless! Go Digital, GRSP menyokong Bank dalam memudahkan dan mempercepat pendaftaran dan pelaksanaan sistem platform perbankan dalam talian untuk pembayaran digital. Antaranya termasuk Kementerian Perhubungan dan Info-Komunikasi, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Inisiatif ini mendorong sektor awam dan MSME untuk memperkenalkan pembayaran digital dan tanpa tunai melalui BIBD BizNet dan BIBD QuickPay, memberikan kecekapan dan keberkesanan yang lebih baik dalam pengurusan wang untuk pihak berkepentingan serta mengurangkan interaksi fizikal berdasarkan COVID-19. Yang penting, ini juga membantu mendorong dan menyelaraskan dengan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, ke arah mengubah Brunei menjadi Negara Pintar.



**Let's Do Our Part**

Let's show our appreciation to everyone involved in the fight against COVID-19. Make a donation to the **COVID-19 Relief Fund** via our BIBD NEXGEN Wallet or transfer to account number **1010070123**

**GO DIGITAL!** #Brunei #TogetherWeCanDoIt #stopCOVID19 #flattenthecurve

**BIBD NEXGEN**  
Infinity of Possibilities

Pada tahun 2021, GRSP akan terus menjadi titik fokus bagi Bank dan pihak Kerajaan dalam memudahkan, menyampaikan, melaksanakan dan mencapai tujuan strategik di seluruh bank, dalam memastikan aktiviti Bank selaras dengan inisiatif Kerajaan.



Selain itu, GRSP akan terus membangun dan mengekalkan hubungan erat dengan para pengaruhnya dan pembuat keputusan dalam Kerajaan, korporat dan badan institusi yang berkaitan. *“Whole of Nation”* di atas dilaksanakan dengan penekanan pada pendekatan dan upaya utama yang mengadopsi pendekatan Seluruh Bangsa, sejalan dengan komitmen Bank sebagai Rakan Kongsi Kemajuan, dan dalam mendukung tujuan ESG dan SDG.

# **Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dan Anak-Anak Syarikat**



## **Penyata Kewangan**

Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Nombor Pendaftaran: RC00006420

|                                                                       |      |
|-----------------------------------------------------------------------|------|
| Laporan Lembaga Pengarah.....                                         | 1    |
| Penyata Pengarah .....                                                | 4    |
| Laporan Badan Penasihat Syariah.....                                  | 5    |
| Laporan Juruaudit Bebas.....                                          | 7    |
| Penyata Pendapatan.....                                               | FS1  |
| Penyata Pendapatan Komprehensif.....                                  | FS2  |
| Penyata Kedudukan Kewangan.....                                       | FS3  |
| Penyata Perubahan Ekuiti - Kumpulan .....                             | FS5  |
| Penyata Perubahan Ekuiti - Bank.....                                  | FS7  |
| Penyata Aliran Tunai .....                                            | FS9  |
| Nota-nota kepada Penyata Kewangan.....                                | FS12 |
| 1 Aktiviti utama dan maklumat am .....                                | FS12 |
| 2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting .....                      | FS12 |
| 3 Keuntungan daripada pembiayaan, pajakan dan pelaburan .....         | FS37 |
| 4 Pendapatan dibayar/akan dibayar kepada penyimpan .....              | FS37 |
| 5 Pendapatan bersih yuran dan komisen .....                           | FS38 |
| 6 Keuntungan/(kerugian) daripada derivatif dan pelaburan .....        | FS38 |
| 7 Pendapatan operasi lain.....                                        | FS39 |
| 8 Perbelanjaan kakitangan.....                                        | FS39 |
| 9 Perbelanjaan lain .....                                             | FS40 |
| 10 Peruntukan bagi kemerosotan aset kewangan .....                    | FS41 |
| 11 Zakat.....                                                         | FS41 |
| 12 Perbelanjaan cukai pendapatan .....                                | FS42 |
| 13 Dividen bagi setiap saham biasa .....                              | FS43 |
| 14 Pendapatan sesaham.....                                            | FS43 |
| 15 Tunai dan kesetaraan tunai .....                                   | FS44 |
| 16 Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam.....               | FS44 |
| 17 Penempatan dengan dan pembiayaan dan pendahuluan kepada Bank ..... | FS44 |
| 18 Sukuk Kerajaan .....                                               | FS44 |
| 19 Pelaburan.....                                                     | FS45 |
| 20 Aset/(liabiliti) kewangan derivatif.....                           | FS46 |
| 21 Pembiayaan dan pendahuluan .....                                   | FS47 |
| 22 Pajakan kewangan yang belum diterima .....                         | FS50 |
| 23 Pelaburan dalam anak-anak syarikat .....                           | FS51 |
| 24 Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama .....            | FS52 |
| 25 Aset lain.....                                                     | FS55 |
| 26 Hartanah dan peralatan.....                                        | FS56 |
| 27 Pelaburan hartanah .....                                           | FS58 |
| 28 Aset/(liabiliti) cukai tertunda.....                               | FS59 |
| 29 Deposit daripada pelanggan .....                                   | FS61 |
| 30 Deposit daripada Bank dan institusi kewangan lain.....             | FS61 |
| 31 Penempatan daripada institusi kewangan lain.....                   | FS62 |

|    |                                                     |       |
|----|-----------------------------------------------------|-------|
| 32 | Liabiliti lain.....                                 | FS62  |
| 33 | Modal saham .....                                   | FS63  |
| 34 | Rizab berkanun dan rizab-rizab lain.....            | FS64  |
| 35 | Transaksi dengan pihak-pihak yang berkenaan.....    | FS66  |
| 36 | Pengurusan risiko kewangan .....                    | FS71  |
| 37 | Nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan..... | FS116 |
| 38 | Pajakan .....                                       | FS123 |
| 39 | Aset dan liabiliti bukan semasa .....               | FS125 |
| 40 | Komitmen.....                                       | FS126 |
| 41 | Kecukupan modal.....                                | FS126 |
| 42 | Liabiliti kontingen .....                           | FS128 |

## Laporan Lembaga Pengarah

Para Ahli-ahli Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dengan penyata kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ("Bank") dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

### Aktiviti Utama

Bank terutamanya terlibat di dalam penyediaan perniagaan perbankan secara Islam seperti yang dibenarkan di bawah Perintah Perbankan Islam, 2008 dan prinsip-prinsip Syariah.

Anak-anak syarikat terutamanya terlibat di dalam penyediaan perbankan pelaburan, sewa beli secara Islam, broker saham, pengurusan aset dan dana, dan perkhidmatan pajakan dan pengurusan.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan ini.

### Keputusan

|                           | <b>Kumpulan<br/>B\$'000</b> | <b>Bank<br/>B\$'000</b> |
|---------------------------|-----------------------------|-------------------------|
| Keuntungan pada tahun ini |                             |                         |
| Diagihkan kepada:         |                             |                         |
| Pemegang ekuiti Bank      | <u>136,027</u>              | <u>132,790</u>          |

### Dividen

Dividen bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

|                                                          | <b>B\$'000</b> |
|----------------------------------------------------------|----------------|
| Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2019: |                |
| Dividen terakhir 18.38 sen sesaham biasa dibayar pada    | 133,209        |
| 2 Julai 2020                                             |                |

**Lembaga Pengarah**

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank yang memegang jawatan pada tarikh laporan ini adalah:

Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew  
bin Abdullah

Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan

Junaidi bin Hj Masri

Dr Jan Hendrik van Greuning

Mubashar Khokhar

Majed Nasser Alsubeaei (Bersara pada 20 Mac 2020)

Sofian Mohammad Jani (Dilantik pada 19 Mac 2020)

**Manfaat Para Pengarah**

Tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dan tidak juga pada sepanjang tahun itu wujud sebarang perundingan yang mana Bank sebagai pihak dan pengarah mungkin beroleh manfaat dengan cara perolehan saham dari Bank atau badan korporat lain.

Sejak dari penghujung tahun kewangan sebelumnya, tidak ada para pengarah yang menerima atau layak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk di dalam jumlah pendapatan yang diterima atau yang akan diterima oleh pengarah-pengarah, atau gaji tetap yang diterima sebagai kakitangan tetap Bank seperti yang dinyatakan di Nota 35 Penyata Kewangan) secara kontrak oleh Bank atau syarikat yang berkaitan dengan mana-mana pengarah atau firma di mana pengarah tersebut menjadi ahli, atau syarikat yang mana pengarah tersebut ada kepentingan kewangan yang ketara.

**Kepentingan Pengarah**

Ahli-ahli Lembaga Pengarah berikut adalah pemegang jawatan Pengarah pada akhir tahun kewangan, menurut daftar yang dikehendaki disimpan di bawah Seksyen 145 (A), Akta Syarikat Syarikat, Bab 39, dan berkepentingan di dalam saham-saham Bank yang dinyatakan di bawah:

Nilai saham biasa pada  
B\$0.70 sesaham

| Pada<br>permulaan<br>tahun/Tarikh<br>lantikan | Pada<br>Penghujung<br>tahun |
|-----------------------------------------------|-----------------------------|
|-----------------------------------------------|-----------------------------|

**Nama-nama pengarah**


|                                                           |   |   |
|-----------------------------------------------------------|---|---|
| Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah | 2 | 2 |
| Dato Paduka Iqbal Ahmad Khan                              | 1 | 1 |
| Junaidi bin Hj Masri                                      | 1 | 1 |
| Mubashar Khokhar                                          | 1 | 1 |

Selain daripada yang telah dinyatakan, tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan di dalam saham Bank atau syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan.


Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah bertarikh **20 MAR 2021**



**Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah**  
*Pengerusi*



**Mubashar Khokhar**  
*Pengarah Urusan*



**Junaidi bin Hj Masri**  
*Pengarah*

**Brunei Darussalam**

## Penyata Pengarah

Pada pendapat pengarah-pengarah, penyata kewangan dari mukasurat FS1 hingga FS128 adalah disediakan menurut Perintah Akta Syarikat-Syarikat Brunei Darussalam, Penggal 39 ("Akta"), Perintah Perbankan Islam, 2008 ("Perintah") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – "IFRS"*) untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan bagi Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan, perubahan pada ekuiti dan aliran tunai bagi Kumpulan dan Bank pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah bertarikh


20 MAR 2021



---

**Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah**

*Pengerusi*



---

**Mubashar Khokhar**

*Pengarah Urusan*



---

**Junaidi bin Hj Masri**

*Pengarah*

**Brunei Darussalam**

## Laporan Badan Penasihat Syariah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

### Kepada Pemegang Saham Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi mematuhi keperluan terma-terma perlantikan dan juga di bawah bidangkuasa kami sebagai Ahli Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, sukacita kami melaporkan seperti berikut:

- a) Kami telah menyemak prinsip-prinsip yang digariskan di dalam kontrak berkaitan dengan transaksi dan aplikasi prinsip-prinsip tersebut di dalam produk dan perkhidmatan yang telah diperkenalkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ("Bank") dan kumpulan syarikat-syarikatnya ("Kumpulan") melalui konsultasi perundingan dengan masing-masing Badan Penasihat Syariah bagi anak-anak syarikat ("BPS Anak-Anak Syarikat") sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Kami juga telah melaksanakan semakan untuk memberi pandangan sama ada Bank dan Kumpulan telah mematuhi Hukum Syara'.
- b) Pihak Pengurusan Bank dan Kumpulan bertanggungjawab untuk memastikan operasi perniagaan yang dijalankan adalah selaras dengan Hukum Syara'. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan secara bebas berdasarkan penilaian kami terhadap operasi perniagaan Bank dan Kumpulan ini dan selanjutnya melaporkan kepada awda.
- c) Kami telah menilai kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak-pihak fungsi kawalan Syariah termasuk pemeriksaan semakan Syariah dan audit Syariah, berdasarkan kepada ujian, terhadap apa juga bentuk transaksi, dokumentasi berkaitan dan prosedur yang digunapakai dan/atau dilaksanakan oleh Bank dan Kumpulan.
- d) Kami telah mendapatkan segala maklumat serta penerangan sewajarnya yang dirasakan perlu untuk diberikan bukti yang mencukupi bagi membolehkan kami memberikan jaminan yang munasabah bahawa pihak Bank dan Kumpulan tidak melanggar Hukum Syara' dalam semua transaksi perniagaannya sebagaimana yang telah dihadapkan kepada kami.

Kami, Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dengan ini berpandangan dan mengesahkan bahawa:

- a. Produk, perkhidmatan, kontrak dan transaksi urusan yang dilaksanakan oleh Bank dan Kumpulan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 sebagaimana yang telah kami semak adalah mematuhi Hukum Syara’;
- b. Keuntungan yang diperuntukkan dan kerugian yang ditanggung berhubung dengan akaun-akaun pelaburan adalah selaras dengan asas ketetapan yang diluluskan oleh kami sejajar dengan Hukum Syara’;
- c. Semua pendapatan yang diperoleh daripada sumber atau cara yang tidak memenuhi Hukum Syara’ telah diasingkan untuk dilupuskan dan disalurkan kepada manfaat Maslahat Umum setelah mendapat kelulusan daripada kami;
- d. Setiap perkara yang tidak patuh Syara’ telah dihadapkan untuk perhatian kami dan mengambil maklum bahawa tindakan pembetulan serta pencegahan telah diambil oleh pihak Bank dan Kumpulan bagi mengelakkan perkara yang sama berlaku pada masa akan datang; dan
- e. Zakat perniagaan Bank dan Kumpulan adalah selaras dengan kaedah pengiraan zakat perniagaan sebagaimana yang telah diluluskan oleh Badan ini.

Pandangan ini diberikan adalah berdasarkan maklumat yang telah disampaikan oleh pihak pengurusan Bank kepada kami.

Kami berdoa semoga Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* mengurniakan ‘*inayah*’Nya dalam melaksanakan Hukum Syara’ dan terhindar daripada melakukan perkara yang ditegah olehNya. Kami juga memohon semoga Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* mengurniakan *taufiq* dan *hidayah*’Nya kepada kami dalam melakukan kerja-kerja yang mulia ini serta memperoleh kejayaan dan keampunan di dunia dan di akhirat.

والله ولي التوفيق

Ditandatangani bagi pihak Badan Penasihat Syariah berdasarkan kepada resolusi Ahli Badan,



---

**Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof**  
Pengerusi

**Brunei Darussalam**

**20 MAR 2021**



Telephone +673 222 8382  
+673 222 6888  
Fax +673 222 8389

## Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Ahli-Ahli Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

### Laporan atas penggabungan penyata kewangan yang diaudit

#### *Pendapat*

Kami telah mengaudit penggabungan penyata kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (“Bank”) dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”), yang terdiri dari penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2020, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata bagi perubahan ekuiti dan aliran wang tunai Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir, dan nota-nota penyata kewangan, merangkumi dasar perakaunan penting dan maklumat penjelasan yang lain seperti yang dilampirkan pada mukasurat FS1 hingga FS128.

Pada pendapat kami, penggabungan penyata kewangan adalah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat-Syarikat Negara Brunei Darussalam, Penggal 39 (“Akta”), Perintah Perbankan Islam, 2008 (“Perintah”) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards – “IFRS”*), dalam memberikan pandangan yang benar dan saksama pada kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2020, dan prestasi kewangan, dan wang tunai bagi Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

#### *Asas pendapat*

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Antarabangsa (*International Standards on Auditing – “ISAs”*). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut adalah diuraikan secara lanjut di dalam laporan kami di bawah seksyen ‘*Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan penggabungan penyata kewangan*’. Kami adalah bebas daripada Kumpulan, menurut dengan keperluan etika yang berkaitan dengan pengauditan penggabungan penyata kewangan di Brunei Darussalam, dan kami telah melaksanakan tanggungjawab etika yang lain menurut keperluan tersebut. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian bagi menyediakan asas untuk pendapat kami.

#### *Maklumat lain*

Pihak pengurusan adalah bertanggungjawab bagi maklumat lain. Maklumat lain adalah terdiri daripada semua di dalam laporan tahunan tetapi tidak termasuk penggabungan penyata kewangan dan laporan juruaudit berkaitan dengannya.

Kami telah memperolehi Laporan Lembaga Pengarah, Penyata Pengarah dan Laporan Badan Penasihat Syariah, sebelum tarikh laporan juruaudit.

Pendapat kami mengenai penggabungan penyata kewangan tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenai kesimpulan daripada maklumat tersebut.



Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penggabungan penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak konsisten dengan penggabungan penyata kewangan atau pengetahuan kami yang diperolehi semasa audit, atau melainkan kenyataan penting yang salah nyata. Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan pada maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami menyimpulkan bahawa ini merupakan kenyataan penting salah nyata ketara maklumat lain ini, kami adalah dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk melaporkan dalam hal ini.

***Tanggungjawab pengurusan dan mereka yang bertanggungjawab dengan pemerintahan terhadap penggabungan penyata kewangan***

Pengurusan adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan saksama bagi penggabungan penyata kewangan menurut peruntukan-peruntukan Akta, Perintah dan *IFRS*, dan kawalan dalaman seperti yang dianggap perlu oleh pengurusan bagi penyediaan penggabungan penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan pemalsuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penggabungan penyata kewangan, pengurusan adalah bertanggungjawab dalam menilai keupayaan Kumpulan untuk menjalankan operasi perniagaan secara berterusan, mendedahkan, yang berkaitan, perkara-perkara mengenai dengan operasi berterusan dan menggunakan kaedah operasi berterusan sebagai asas perakauan melainkan pihak pengurusan dan para pengarah bercadang untuk membubarkan Kumpulan atau memberhentikan operasi, atau tiada mempunyai pilihan lain yang wajar selain berbuat demikian.

Mereka yang bertanggungjawab dengan pemerintahan adalah bertanggungjawab dalam mengawasi proses laporan kewangan bagi Kumpulan.

***Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan penggabungan penyata kewangan***

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan munasabah sama ada penggabungan penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas dari kenyataan penting yang salah nyata, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan, dan untuk menyediakan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang sewajarnya adalah jaminan pada tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *ISAs* akan sentiasa mengesan kenyataan penting yang salah nyata apabila ia ada. Kenyataan yang salah nyata boleh berlaku daripada pemalsuan atau kesilapan dan adalah dianggap penting jika, secara individu ataupun agregat, ianya dijangka akan mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan penggabungan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit sejajar dengan *ISAs*, kami mengamalkan keputusan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kenyataan penting yang salah nyata pada penggabungan penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang bersesuaian kepada risiko-risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko bagi tidak mengesan kenyataan penting yang salah nyata akibat dari penipuan adalah lebih tinggi daripada satu kesilapan, disebabkan penyelewengan yang mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengecualian dengan sengaja, gambaran salah, atau pembatalan kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.



- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan akan kesesuaian penggunaan asas perakaunan operasi berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada timbulnya ketidakpastian yang penting mengenai peristiwa-peristiwa atau syarat-syarat yang boleh menimbulkan keraguan penting ke atas keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasi secara berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa adanya ketidakpastian yang penting, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan yang berkaitan dalam penggabungan penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami dikehendaki untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau syarat-syarat masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan untuk berhenti meneruskan sebagai satu operasi berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penggabungan penyata kewangan, termasuk pendedahan, dan sama ada penggabungan penyata kewangan berdasarkan transaksi-transaksi dan peristiwa adalah mencapai penyampaian saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan bagi entiti atau aktiviti-aktiviti Kumpulan untuk menyatakan pendapat mengenai penyatuan penyata kewangan. Kami bertanggungjawab bagi arahan, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya atas pandangan audit kami.

Kami menyampaikan kepada mereka yang bertanggungjawab dengan pemerintahan mengenai, antara lain-lain hal, skop yang telah dirancang dan penetapan masa audit dan penemuan penting semasa audit, termasuk sebarang kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan dijalankan.

**KPMG**

Akauntan Awam Bertauliah

**Sufian bin Zainul Abidin**

Akauntan Awam

**Brunei Darussalam****Tarikh: 20 Mac 2021**

|                                                                          |
|--------------------------------------------------------------------------|
| <b>Nota: Sila rujuk <i>Auditors' Report</i> asal pada Lampiran 01-03</b> |
|--------------------------------------------------------------------------|

**Penyata Pendapatan****Pada tahun berakhir 31 Disember 2020**

|                                                         | Nota | <b>Kumpulan</b> |                | <b>Bank</b>    |                |
|---------------------------------------------------------|------|-----------------|----------------|----------------|----------------|
|                                                         |      | <b>2020</b>     | <b>2019</b>    | <b>2020</b>    | <b>2019</b>    |
|                                                         |      | <b>BS'000</b>   | <b>BS'000</b>  | <b>BS'000</b>  | <b>BS'000</b>  |
| Pendapatan daripada pembiayaan, pelaburan dan pajakan   | 3    | 315,806         | 364,919        | 265,682        | 318,120        |
| Pendapatan dibayar/akan dibayar kepada penyimpan        | 4    | (39,789)        | (69,693)       | (36,809)       | (66,339)       |
| Margin keuntungan bersih                                |      | 276,017         | 295,226        | 228,873        | 251,781        |
| Pendapatan yuran dan komisen                            | 5    | 36,479          | 38,524         | 35,849         | 37,897         |
| Perbelanjaan yuran dan komisen                          | 5    | (8,888)         | (7,358)        | (8,888)        | (7,358)        |
| Pendapatan bersih yuran dan komisen                     |      | 27,591          | 31,166         | 26,961         | 30,539         |
| Keuntungan /(kerugian) daripada derivatif dan pelaburan | 6    | 36,592          | 14,480         | 36,592         | 14,480         |
| Pertukaran matawang asing bersih rugi                   | 6    | (30,988)        | (21,771)       | (30,988)       | (21,771)       |
| Pendapatan operasi lain                                 | 7    | 19,643          | 23,809         | 45,314         | 49,679         |
| Jumlah pendapatan                                       |      | 328,855         | 342,910        | 306,752        | 324,708        |
| <b>Ditolak:</b>                                         |      |                 |                |                |                |
| Perbelanjaan kakitangan                                 | 8    | (73,346)        | (74,070)       | (65,146)       | (66,950)       |
| Perbelanjaan lain                                       | 9    | (68,068)        | (61,319)       | (64,325)       | (58,859)       |
| Jumlah perbelanjaan operasi                             |      | (141,414)       | (135,389)      | (129,471)      | (125,809)      |
| Keuntungan operasi sebelum elaun                        |      | 187,441         | 207,521        | 177,281        | 198,899        |
| <b>Ditolak:</b>                                         |      |                 |                |                |                |
| Elaun bagi kemerosotan aset kewangan                    | 10   | (17,997)        | (13,791)       | (15,180)       | (12,149)       |
| Keuntungan operasi                                      |      | 169,444         | 193,730        | 162,101        | 186,750        |
| Bahagian keuntungan syarikat bersekutu dan usaha sama   | 24   | 1,455           | 1,819          | –              | –              |
| Keuntungan sebelum zakat dan cukai                      |      | 170,899         | 195,549        | 162,101        | 186,750        |
| <b>Ditolak:</b>                                         |      |                 |                |                |                |
| Zakat                                                   | 11   | (3,141)         | (3,112)        | (3,141)        | (3,112)        |
| Perbelanjaan cukai pendapatan                           | 12   | (31,731)        | (37,070)       | (26,170)       | (29,828)       |
| Jumlah perbelanjaan zakat dan cukai                     |      | (34,872)        | (40,182)       | (29,311)       | (32,940)       |
| <b>Keuntungan bagi tahun kewangan</b>                   |      | <b>136,027</b>  | <b>155,367</b> | <b>132,790</b> | <b>153,810</b> |
| Keuntungan bagi tahun kewangan diagihkan kepada:        |      |                 |                |                |                |
| Pemegang ekuiti Bank                                    |      | 136,027         | 155,367        | 132,790        | 153,810        |
| <b>Keuntungan bagi tahun kewangan</b>                   |      | <b>136,027</b>  | <b>155,367</b> | <b>132,790</b> | <b>153,810</b> |
| <b>Pendapatan sesaham</b>                               |      |                 |                |                |                |
| Pendapatan asas bagi setiap saham (B\$)                 | 14   | 0.19            | 0.21           |                |                |
| Pendapatan yang dicairkan bagi setiap saham (B\$)       | 14   | 0.19            | 0.21           |                |                |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Pendapatan Komprehensif  
Pada tahun berakhir 31 Disember 2020**

|                                                                                               | Kumpulan |         | Bank    |         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|----------|---------|---------|---------|
|                                                                                               | 2020     | 2019    | 2020    | 2019    |
|                                                                                               | B\$'000  | B\$'000 | B\$'000 | B\$'000 |
| <b>Keuntungan bagi tahun kewangan</b>                                                         | 136,027  | 155,367 | 132,790 | 153,810 |
| <b>Pendapatan komprehensif lain:</b>                                                          |          |         |         |         |
| <i>Perkara yang atau mungkin dikelaskan semula seterusnya kepada keuntungan atau kerugian</i> |          |         |         |         |
| Rizab nilai saksama:                                                                          |          |         |         |         |
| - Perubahan bersih nilai saksama                                                              | 8,311    | 11,706  | 8,311   | 11,750  |
| - Jumlah bersih yang dipindahkan pada untung atau rugi                                        | (946)    | (925)   | (946)   | (925)   |
| Bahagian daripada pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu                             | (2,444)  | 2,925   | —       | —       |
| Cukai pada pendapatan komprehensif                                                            | (997)    | (2,087) | (997)   | (2,087) |
| <b>Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih cukai</b>                         | 3,924    | 11,619  | 6,368   | 8,738   |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>                                     | 139,951  | 166,986 | 139,158 | 162,548 |
| Diagihkan kepada:                                                                             |          |         |         |         |
| Pemegang ekuiti Bank                                                                          | 139,951  | 166,986 | 139,158 | 162,548 |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>                                     | 139,951  | 166,986 | 139,158 | 162,548 |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.


**Penyata Kedudukan Kewangan  
Pada 31 Disember 2020**

|                                                                 |      | Kumpulan         |                   | Bank             |                   |
|-----------------------------------------------------------------|------|------------------|-------------------|------------------|-------------------|
|                                                                 | Nota | 2020<br>B\$'000  | 2019<br>B\$'000   | 2020<br>B\$'000  | 2019<br>B\$'000   |
| <b>Aset</b>                                                     |      |                  |                   |                  |                   |
| Tunai dan kesetaraan tunai                                      | 15   | 2,622,110        | 3,732,366         | 2,621,144        | 3,731,579         |
| Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam                 | 16   | 488,898          | 435,026           | 449,900          | 400,380           |
| Penempatan, pembiayaan dan pendahuluan kepada bank              | 17   | 1,045,882        | 1,129,582         | 1,463,555        | 1,522,236         |
| Sukuk Kerajaan                                                  | 18   | 10,000           | 9,897             | 10,000           | 9,897             |
| Pelaburan                                                       | 19   | 1,263,279        | 1,048,863         | 1,263,279        | 1,048,863         |
| Aset kewangan derivatif                                         | 20   | 48,393           | 42,505            | 48,393           | 42,505            |
| Pembiayaan dan pendahuluan                                      | 21   | 4,009,238        | 3,997,148         | 3,282,279        | 3,290,992         |
| Pajakan kewangan yang belum diterima                            | 22   | 12,588           | 12,615            | 12,588           | 12,615            |
| Pelaburan dalam anak syarikat                                   | 23   | —                | —                 | 32,844           | 32,844            |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama               | 24   | 41,843           | 43,194            | 22,358           | 22,358            |
| Aset lain                                                       | 25   | 47,996           | 101,763           | 46,311           | 127,122           |
| Hartanah dan peralatan                                          | 26   | 89,654           | 98,023            | 76,271           | 83,466            |
| Pelaburan Hartanah                                              | 27   | 23,927           | 24,038            | 23,927           | 24,038            |
| Aset cukai tertunda                                             | 28   | 6,268            | 5,653             | 5,026            | 5,100             |
| <b>Jumlah aset</b>                                              |      | <b>9,710,076</b> | <b>10,680,673</b> | <b>9,357,875</b> | <b>10,353,995</b> |
| <b>Liabiliti dan ekuiti</b>                                     |      |                  |                   |                  |                   |
| Deposit dari pelanggan                                          | 29   | 6,736,910        | 8,451,495         | 6,631,417        | 8,352,247         |
| Deposit dari bank dan institusi kewangan lain                   | 30   | 749,206          | 537,389           | 622,480          | 438,411           |
| Penempatan daripada institusi kewangan lain                     | 31   | 733,824          | 121,469           | 733,824          | 121,469           |
| Liabiliti kewangan derivatif                                    | 20   | 11,511           | 13,125            | 11,511           | 13,125            |
| Liabiliti lain                                                  | 32   | 132,708          | 214,620           | 126,813          | 200,193           |
| Zakat                                                           |      | 3,285            | 3,253             | 3,285            | 3,253             |
| Peruntukan cukai                                                |      | 72,751           | 76,125            | 59,333           | 62,034            |
| <b>Jumlah liabiliti</b>                                         |      | <b>8,440,195</b> | <b>9,417,476</b>  | <b>8,188,663</b> | <b>9,190,732</b>  |
| <b>Ekuiti</b>                                                   |      |                  |                   |                  |                   |
| Modal Saham                                                     | 33   | 507,325          | 507,325           | 507,325          | 507,325           |
| Dana rizab berkanun                                             | 34   | 563,516          | 555,475           | 520,267          | 513,627           |
| Rizab-rizab lain                                                | 34   | 199,040          | 200,397           | 141,620          | 142,311           |
| <b>Jumlah ekuiti yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank</b> |      | <b>1,269,881</b> | <b>1,263,197</b>  | <b>1,169,212</b> | <b>1,163,263</b>  |
| <b>Jumlah ekuiti</b>                                            |      | <b>1,269,881</b> | <b>1,263,197</b>  | <b>1,169,212</b> | <b>1,163,263</b>  |
| <b>Jumlah liabiliti dan ekuiti</b>                              |      | <b>9,710,076</b> | <b>10,680,673</b> | <b>9,357,875</b> | <b>10,353,995</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.


**Pengesahan**

Saya mengesahkan bahawa penyata kewangan seperti yang dinyatakan di atas memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.



**Mubashar Khokhar**  
*Pengarah Urusan*

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah.



**Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah**  
*Pengerusi*



**Mubashar Khokhar**  
*Pengarah Urusan*



**Junaidi bin Hj Masri**  
*Pengarah*

**Brunei Darussalam**

**20 MAR 2021**

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Perubahan Ekuiti - Kumpulan  
Pada tahun berakhir 31 Disember 2020**

| Rizab-rizab lain                                   |      |                        |                                |                                |                                      |                                    |                                       |
|----------------------------------------------------|------|------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------------|------------------------------------|---------------------------------------|
| Kumpulan                                           | Nota | Modal saham<br>B\$'000 | Dana rizab berkanun<br>B\$'000 | Rizab nilai saksama<br>B\$'000 | Rizab                                |                                    | Jumlah dana pemegang saham<br>B\$'000 |
|                                                    |      |                        |                                |                                | terjamahan matawang asing<br>B\$'000 | Pendapatan yang ditahan<br>B\$'000 |                                       |
| Pada 1 Januari 2020                                |      | 507,325                | 555,475                        | 11,988                         | (41)                                 | 188,450                            | 1,263,197                             |
| Keuntungan bagi tahun kewangan                     |      | —                      | —                              | —                              | —                                    | 136,027                            | 136,027                               |
| Pendapatan komprehensif lain                       |      | —                      | —                              | 3,924                          | —                                    | —                                  | 3,924                                 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | —                      | —                              | 3,924                          | —                                    | 136,027                            | 139,951                               |
|                                                    |      |                        |                                |                                |                                      |                                    |                                       |
| Pemindahan kepada rizab berkanun                   | 34   | —                      | 8,041                          | —                              | —                                    | (8,041)                            | —                                     |
| Pergerakan matawang asing                          |      | —                      | —                              | —                              | (58)                                 | —                                  | (58)                                  |
| Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank              |      |                        |                                |                                |                                      |                                    |                                       |
| Sumbangan dan pembahagian                          |      |                        |                                |                                |                                      |                                    |                                       |
| Dividen dibayar kepada saham biasa                 | 13   | —                      | —                              | —                              | —                                    | (133,209)                          | (133,209)                             |
| Jumlah sumbangan dan pembahagian                   |      | —                      | —                              | —                              | —                                    | (133,209)                          | (133,209)                             |
|                                                    |      |                        |                                |                                |                                      |                                    |                                       |
| Pada 31 Disember 2020                              |      | 507,325                | 563,516                        | 15,912                         | (99)                                 | 183,227                            | 1,269,881                             |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

## Penyata Perubahan Ekuiti - Kumpulan (Sambungan)

| Kumpulan                                           | Nota | Modal saham<br>B\$'000 | Dana rizab<br>berkanun<br>B\$'000 | Rizab nilai<br>saksama<br>B\$'000 | Rizab                                               |                                       |  | Jumlah dana<br>pemegang saham<br>B\$'000 |
|----------------------------------------------------|------|------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------------------------|---------------------------------------|--|------------------------------------------|
|                                                    |      |                        |                                   |                                   | Rizab<br>terjamahan<br>matawang<br>asing<br>B\$'000 | Pendapatan<br>yang ditahan<br>B\$'000 |  |                                          |
| Pada 1 Januari 2019                                |      | 507,325                | 534,433                           | 369                               | (30)                                                | 142,327                               |  | 1,184,424                                |
| Keuntungan bagi tahun kewangan                     |      | —                      | —                                 | —                                 | —                                                   | 155,367                               |  | 155,367                                  |
| Pendapatan komprehensif lain                       |      | —                      | —                                 | 11,619                            | —                                                   | —                                     |  | 11,619                                   |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | —                      | —                                 | 11,619                            | —                                                   | 155,367                               |  | 166,986                                  |
| Pemindahan kepada rizab berkanun                   | 34   | —                      | 21,042                            | —                                 | —                                                   | (21,042)                              |  | —                                        |
| Pergerakan Matawang Asing                          |      | —                      | —                                 | —                                 | (11)                                                | —                                     |  | (11)                                     |
| <b>Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank</b>       |      |                        |                                   |                                   |                                                     |                                       |  |                                          |
| <b>Sumbangan dan pembahagian</b>                   |      |                        |                                   |                                   |                                                     |                                       |  |                                          |
| Dividen dibayar kepada saham biasa                 | 13   | —                      | —                                 | —                                 | —                                                   | (88,202)                              |  | (88,202)                                 |
| Jumlah sumbangan dan pembahagian                   |      | —                      | —                                 | —                                 | —                                                   | (88,202)                              |  | (88,202)                                 |
| Pada 31 Disember 2019                              |      | 507,325                | 555,475                           | 11,988                            | (41)                                                | 188,450                               |  | 1,263,197                                |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Perubahan Ekuiti - Bank  
Pada tahun berakhir 31 Disember 2020**

| Bank                                                                       | Nota | Modal<br>saham<br>B\$'000 | Rizab<br>berkanun<br>B\$'000 | ----- Rizab-rizab lain -----      |                                       |                   |
|----------------------------------------------------------------------------|------|---------------------------|------------------------------|-----------------------------------|---------------------------------------|-------------------|
|                                                                            |      |                           |                              | Rizab nilai<br>saksama<br>B\$'000 | Pendapatan<br>yang ditahan<br>B\$'000 | Jumlah<br>B\$'000 |
| Pada 1 Januari 2020                                                        |      | 507,325                   | 513,627                      | 5,619                             | 136,692                               | 1,163,263         |
| Keuntungan bagi tahun kewangan                                             |      | —                         | —                            | —                                 | 132,790                               | 132,790           |
| Pendapatan komprehensif lain                                               |      | —                         | —                            | 6,368                             | —                                     | 6,368             |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan                         |      | —                         | —                            | 6,368                             | 132,790                               | 139,158           |
| Pemindahan kepada dana rizab berkanun                                      | 34   | —                         | 6,640                        | —                                 | (6,640)                               | —                 |
| <b>Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank<br/>Sumbangan dan pembahagian</b> |      |                           |                              |                                   |                                       |                   |
| Dividen dibayar kepada saham biasa                                         | 13   | —                         | —                            | —                                 | (133,209)                             | (133,209)         |
| Jumlah sumbangan dan pembahagian                                           |      | —                         | —                            | —                                 | (133,209)                             | (133,209)         |
| Pada 31 Disember 2020                                                      |      | 507,325                   | 520,267                      | 11,987                            | 129,633                               | 1,169,212         |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Perubahan Ekuiti - Bank (Sambungan)**

| Bank                                               | Nota | Modal<br>saham<br>B\$'000 | Rizab<br>berkanun<br>B\$'000 | ----- Rizab-rizab lain -----      |                                       |  | Jumlah<br>B\$'000 |
|----------------------------------------------------|------|---------------------------|------------------------------|-----------------------------------|---------------------------------------|--|-------------------|
|                                                    |      |                           |                              | Rizab nilai<br>saksama<br>B\$'000 | Pendapatan<br>yang ditahan<br>B\$'000 |  |                   |
| Pada 1 Januari 2019                                |      | 507,325                   | 493,429                      | (3,119)                           | 91,282                                |  | 1,088,917         |
| Keuntungan bagi tahun kewangan                     |      | —                         | —                            | —                                 | 153,810                               |  | 153,810           |
| Pendapatan komprehensif lain                       |      | —                         | —                            | 8,738                             | —                                     |  | 8,738             |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan |      | —                         | —                            | 8,738                             | 153,810                               |  | 162,548           |
| Pemindahan kepada dana rizab berkanun              | 34   | —                         | 20,198                       | —                                 | (20,198)                              |  | —                 |
| Transaksi dengan pemilik-pemilik Bank              |      |                           |                              |                                   |                                       |  |                   |
| Sumbangan dan pembahagian                          |      |                           |                              |                                   |                                       |  |                   |
| Dividen dibayar kepada saham biasa                 | 13   | —                         | —                            | —                                 | (88,202)                              |  | (88,202)          |
| Jumlah sumbangan dan pembahagian                   |      | —                         | —                            | —                                 | (88,202)                              |  | (88,202)          |
| Pada 31 Disember 2019                              |      | 507,325                   | 513,627                      | 5,619                             | 136,692                               |  | 1,163,263         |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Aliran Tunai**  
**Pada tahun berakhir 31 Disember 2020**

|                                                                          | <b>Kumpulan</b>  |                  | <b>Bank</b>      |                  |
|--------------------------------------------------------------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|
|                                                                          | <b>2020</b>      | <b>2019</b>      | <b>2020</b>      | <b>2019</b>      |
|                                                                          | <b>BS'000</b>    | <b>BS'000</b>    | <b>BS'000</b>    | <b>BS'000</b>    |
| <b>Aliran wang tunai daripada aktiviti operasi</b>                       |                  |                  |                  |                  |
| Keuntungan sebelum zakat dan cukai                                       | 170,899          | 195,549          | 162,101          | 186,750          |
| Pelarasan bagi:                                                          |                  |                  |                  |                  |
| Pendapatan dividen dari anak syarikat                                    | —                | —                | (27,200)         | (27,040)         |
| Pendapatan dividen dari syarikat bersekutu                               | —                | —                | (362)            | (409)            |
| Elaun bagi kemerosotan pembiayaan dan pendahuluan                        | 14,498           | 14,435           | 12,800           | 12,872           |
| Elaun bagi kemerosotan pembayaran yang belum diterima                    | 352              | (327)            | 352              | (38)             |
| Perubahan nilai saksama bagi derivatif dan pelaburan                     | (5,604)          | 7,290            | (5,604)          | 7,290            |
| Susut nilai/pelunasan bagi hartanah dan peralatan dan pelaburan hartanah | 19,990           | 19,567           | 17,092           | 16,332           |
| Elaun bagi kemerosotan pelaburan, bersih                                 | 3,147            | (317)            | 2,028            | (685)            |
| Kerugian atas hapuskira hartanah pelaburan                               | 131              | 682              | —                | —                |
| Bahagian keuntungan bagi syarikat bersekutu dan usaha sama               | (1,455)          | (1,819)          | —                | —                |
|                                                                          | 201,958          | 235,060          | 161,207          | 195,072          |
| Perubahan dalam:                                                         |                  |                  |                  |                  |
| Deposit dari pelanggan                                                   | (1,712,576)      | 836,407          | (1,718,821)      | 845,844          |
| Deposit dari bank-bank dan institusi kewangan lain                       | 211,817          | (14,134)         | 184,069          | 13,998           |
| Liabiliti lain                                                           | (82,713)         | 57,970           | (74,296)         | 53,150           |
| Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam                          | (53,872)         | 10,176           | (49,520)         | 7,072            |
| Penempatan dengan dan pembiayaan dan pendahuluan pada bank               | 82,518           | 878,353          | 58,618           | 848,353          |
| Sukuk Kerajaan                                                           | (102)            | 10,520           | (102)            | 10,520           |
| Pelaburan                                                                | (209,847)        | 144,365          | (209,847)        | 144,365          |
| Penempatan daripada institusi kewangan lain                              | 612,355          | (377,406)        | 612,355          | (377,406)        |
| Pembiayaan dan pendahuluan                                               | (26,965)         | (331,998)        | (4,464)          | (332,378)        |
| Aset lain                                                                | 53,780           | (62,959)         | 80,824           | (59,183)         |
|                                                                          | (923,647)        | 1,386,354        | (959,977)        | 1,349,407        |
| Zakat yang dibayar                                                       | (3,109)          | (3,425)          | (3,109)          | (3,425)          |
| Cukai yang dibayar                                                       | (35,570)         | (30,295)         | (28,647)         | (22,759)         |
| <b>Jumlah wang tunai bersih (digunakan dalam)/ dari aktiviti operasi</b> | <b>(962,326)</b> | <b>1,352,634</b> | <b>(991,733)</b> | <b>1,323,223</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata Aliran Tunai (Sambungan)**  
**Pada tahun berakhir 31 Disember 2020**

|                                                                                  | Kumpulan         |                  | Bank             |                  |
|----------------------------------------------------------------------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|
|                                                                                  | 2020<br>B\$'000  | 2019<br>B\$'000  | 2020<br>B\$'000  | 2019<br>B\$'000  |
| <b>Aliran wang tunai daripada aktiviti pelaburan</b>                             |                  |                  |                  |                  |
| Pembelian hartanah dan peralatan                                                 | (7,477)          | (8,160)          | (5,810)          | (7,092)          |
| Pemerolehan pelaburan hartanah                                                   | (1,284)          | (715)            | (1,284)          | (715)            |
| Pelaburan dalam anak syarikat                                                    | —                | —                | —                | (5,644)          |
| Pendapatan dividen daripada anak syarikat                                        | —                | —                | 27,200           | 27,040           |
| Pendapatan dividen daripada syarikat bersekutu                                   | 362              | 409              | 362              | 409              |
| <b>Wang tunai bersih yang (digunakan dalam)/<br/>daripada aktiviti pelaburan</b> | <b>(8,399)</b>   | <b>(8,466)</b>   | <b>20,468</b>    | <b>13,998</b>    |
| <b>Aliran wang tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>                            |                  |                  |                  |                  |
| Dividen yang dibayar                                                             | (133,209)        | (88,202)         | (133,209)        | (88,202)         |
| Pembayaran liabiliti pajakan                                                     | (3,622)          | (2,249)          | (3,261)          | (1,965)          |
| <b>Wang tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti<br/>pembiayaan</b>            | <b>(136,831)</b> | <b>(90,451)</b>  | <b>(136,470)</b> | <b>(90,167)</b>  |
| Perubahan bersih pada tunai dan kesetaraan tunai                                 | (1,107,556)      | 1,253,717        | (1,107,735)      | 1,247,054        |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada<br>1 Januari                                     | 3,732,366        | 2,497,449        | 3,731,579        | 2,503,325        |
| Kesan daripada turun naik pertukaran matawang pada<br>tunai dan kesetaraan tunai | (2,700)          | (18,800)         | (2,700)          | (18,800)         |
| <b>Tunai dan kesetaraan tunai pada<br/>31 Disember</b>                           | <b>2,622,110</b> | <b>3,732,366</b> | <b>2,621,144</b> | <b>3,731,579</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

**Penyata mengikut Seksyen 125 Akta Syarikat-Syarikat Negara Brunei Darussalam**

Gabungan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 seperti yang dinyatakan di dalam gabungan penyata kewangan Kumpulan termasuk perkongsian untung/(rugi) dari anak-anak syarikat berikut, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020:

- (a) BIBD At-Tamwil Bhd
- (b) BIBD Securities Sdn Bhd
- (c) BIBD Management & Services Sdn Bhd
- (d) IBB Capital Asset Management Sdn Bhd
- (e) IBB Transport Sdn Bhd
- (f) Saujana Sdn Bhd
- (g) Better Sdn Bhd
- (h) BIBD Middle East Limited

Pada tahun ini, tiada peruntukan bagi sebarang kerugian telah dibuat untuk pelaburan Bank di salah satu anak-anak syarikat. Keuntungan/(kerugian) bagi anak-anak syarikat telah diambil kira oleh Lembaga Pengarah Bank dalam pengiraan keuntungan Kumpulan seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.


Bagi pihak Lembaga Pengarah



**Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew Bin Abdullah**  
*Pengerusi*



**Mubashar Khokhar**  
*Pengarah Urusan*



**Junaidi bin Hj Masri**  
*Pengarah*

**Brunei Darussalam**

**20 MAR 2021**

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.

### 1 Aktiviti utama dan maklumat am

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ('Bank') diperbadankan dan bermastautin di Negara Brunei Darussalam. Alamat Bank yang berdaftar ialah Bangunan BIBD, Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711, Negara Brunei Darussalam.

Aktiviti utama Bank terdiri dari semua urusan perbankan Islam mengikut prinsip-prinsip Syariah sebagaimana dibenarkan di bawah Perintah Perbankan Islam, 2008.

Aktiviti utama bagi anak-anak syarikat adalah terdiri dari sewa-beli secara Islam, broker stok/saham, pengurusan aset dan dana, penyewaan dan perkhidmatan pengurusan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama di sepanjang tahun kewangan ini.

Gabungan penyata kewangan Bank dan anak-anak syarikat (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan" dan secara individu sebagai "Entiti Kumpulan") pada 31 Disember 2020 merangkumi keputusan dan kedudukan kewangan Bank, anak-anak syarikatnya dan kepentingan Kumpulan dalam pelabur yang diakaun ekuiti.

### 2 Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting

#### 2.1 Dasar penyediaan

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya. Dasar perakaunan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan.

#### (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards - IFRS*).

#### Penggunaan piawaian pada tahun 31 Disember 2020

Kumpulan telah menggunakan IFRS, pindaan dan penafsiran IFRS berikut untuk kali pertama untuk tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2020:

- *Pindaan Rujukan Rangka Kerja Konseptual dalam Piawaian IFRS*
- *Definasi Perniagaan* (Pindaan pada IFRS 3)
- *Definasi Material* (Pindaan pada IAS 1 dan IAS 8)
- *Pembaharuan pada Penanda Aras Kadar Faedah* (Pindaan pada IFRS 9, IAS 39 dan IFRS 7)

Penerapan kepada perubahan dasar dan piawaian tidak mempunyai kesan kepentingan material ke atas penyata kewangan Kumpulan.

### **Dasar dan piawaian yang di keluarkan yang belum diterapkan**

Sejumlah piawaian baru dan pindaan terhadap piawaian berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula selepas 1 Januari 2020 dan permohonan lebih awal dibenarkan; namun, Kumpulan tidak menggunakan piawaian baru atau piawaian yang dipinda secara awal dalam penyediaan penyata kewangan ini.

- *IFRS 17 Kontrak Insurans*
- *Pengelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Tidak Semasa* (Pindaan kepada IAS 1)
- *Konsesi Sewa Berkaitan Covid-19* (Pindaan pada IFRS 16)
- *Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usahasamanya* (Pindaan pada IFRS 10 dan IAS 28)

### **(b) Kaedah pengukuran**

Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali bagi instrumen kewangan derivatif, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dan aset kewangan yang sedia untuk jualan, yang telah dinilai pada nilai saksama.

### **(c) Matawang fungsi dan pembentangan**

Penyata kewangan dibentangkan dalam Matawang Brunei (B\$), iaitu matawang fungsi Bank dan semua jumlah dikenakan kepada nilai ribu yang terdekat (B\$'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

**(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan**

Dalam penyediaan penyata kewangan menurut kesesuaian Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa pihak pengurusan diperlukan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjejaskan penggunaan dasar perakaunan dan jumlah harta, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian disemak semula dari masa ke semasa. Penyemakan anggaran perakaunan adalah diiktiraf di dalam penyata kewangan pada tempoh anggaran disemak semula dan tempoh akan datang yang terjejas.

Bidang penting bagi anggaran, keraguan dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam pengendalian dasar perakaunan yang memberikan kesan yang penting dalam menilai jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan adalah seperti yang diterangkan dalam nota:

- Instrumen kewangan
  - Pelaburan (Nota 19)
  - Derivatif (Nota 20)
  - Pembiayaan dan pendahuluan (Nota 21)

***Pandemik Coronavirus (COVID-19)***

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan ketidakpastian anggaran dalam penyediaan penyata kewangan.

Ketidakpastian anggaran dikaitkan dengan:

- tahap dan jangka masa kemerosotan ekonomi (dan ramalan untuk faktor ekonomi utama termasuk keluaran dalam produk domestik kasar (Gross Domestic Product - GDP).
- tahap dan jangka masa gangguan perniagaan yang timbul daripada tindakan pembendungan oleh kerajaan, perniagaan dan pengguna untuk mencegah penyebaran virus;
- keberkesanan langkah-langkah kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan untuk menyokong perniagaan dan pengguna melalui gangguan dan kemerosotan ekonomi.

Kumpulan dan Bank telah meningkatkan anggaran perakaunan berdasarkan ramalan keadaan ekonomi yang mencerminkan jangkaan dan andaian pada 31 Disember 2020 mengenai keadaan masa hadapan yang mana dipandang wajar oleh pihak pengurusan.

Terdapat tahap pertimbangan yang cukup besar dalam penyediaan ramalan. Dasar andai juga tertakluk pada ketidakpastian yang sering berada di luar kawalan Kumpulan dan Bank. Oleh itu, keadaan ekonomi sebenar mungkin berbeza dengan ramalan sejak peristiwa yang dijangkakan mungkin tidak berlaku seperti yang diramalkan, dan kesan perbezaan tersebut dapat memberi kesan yang ketara dalam anggaran perakaunan termasuk dalam penyata kewangan ini. Ramalan dan ketidakpastian yang berkaitan dengan jangkaan kerugian kredit memberi kesan kepada kepentingan anggaran dalam perakaunan.

## 2.2 Asas penggabungan

### *Gabungan perniagaan*

Penggabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, yang mana tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Untuk pengambilalihan baru, Kumpulan mengukur muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama pertimbangan yang dipindahkan; ditambah
- jumlah kepentingan tidak dikawal dalam syarikat yang diambilalih yang diiktiraf; ditambah
- jika penggabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama bagi kepentingan ekuiti yang sedia ada pada syarikat yang diambilalih; tolak
- jumlah bersih yang diiktiraf (biasanya nilai saksama) bagi aset yang diperolehi dan liabiliti yang dianggap.

Apabila lebih adalah negatif, keuntungan tawaran pembelian diiktiraf dengan serta-merta di dalam untung atau rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan akan memilih untuk mengukur kepentingan tidak dikawal bagi syarikat yang diambilalih pada nilai saksama atau mengikut bahagian aset bersih yang dapat dikenalpasti syarikat yang diambilalih pada tarikh pengambilan.

Kos transaksi, selain daripada yang berkaitan dengan penerbitan sekuriti hutang atau ekuiti, yang berkaitan dengan penggabungan perniagaan akan dikira sebagai perbelanjaan.

### *Pengambilalihan kepentingan tidak dikawal*

Kumpulan menganggap semua perubahan hak milik di dalam anak syarikat yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai transaksi ekuiti diantara Kumpulan dan pemegang kepentingan tidak dikawal. Sebarang perbezaan diantara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan, dan sebarang pertimbangan yang diterima atau dibayar, akan diselaraskan pada rizab Kumpulan.

### *Anak-anak syarikat*

Anak-anak syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Bank. Penyata kewangan anak-anak syarikat dimasukkan di dalam gabungan penyata kewangan dari tarikh dimana kawalan itu bermula hingga tarikh di mana kawalan itu berakhir.

Kawalan wujud apabila Kumpulan terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan yang berubah-ubah sejak penglibatannya dengan entiti dan berupaya untuk menjejaskan pulangan melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Potensi hak mengundi akan dipertimbangkan apabila menilai kawalan hanya apabila hak adalah substantif.

Kumpulan dianggap mempunyai '*de facto power*' ke atas penerima pelaburan, walaupun tidak mempunyai hak mengundi majoriti apabila ia ada keupayaan untuk mengarah aktiviti-aktiviti penerima pelaburan yang akan menjejaskan pulangan penerima pelaburan.

Pelaburan di dalam anak-anak syarikat adalah dinyatakan di penyata kedudukan kewangan Bank pada kos tolak kerugian kemerosotan, jika ada. Apabila terdapat tanda kemerosotan, jumlah pelaburan akan dinilai. Penurunan nilai akan dibuat jika jumlah pelaburan lebih daripada jumlah yang dibaikpulih.

### ***Kehilangan kawalan***

Apabila kawalan ke atas anak-anak syarikat hilang, Kumpulan akan menyahiktirafan aset dan liabiliti anak-anak syarikat, kepentingan tidak dikawal dan komponen ekuiti yang bersangkutan paut dengan anak syarikat tersebut. Segala kos berlebihan atau kekurangan dalam kehilangan kawalan akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika Kumpulan mengekalkan apa-apa faedah di dalam anak-anak syarikat tersebut, kepentingan tersebut akan dikira pada nilai saksama pada tarikh kawalan tersebut terhilang. Kemudian ia diambilkira sebagai penerima pelaburan ekuiti pelabur.

### ***Usaha sama***

Usahasama adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama. Dalam penyata kewangan Bank, pelaburan dalam usaha sama dinyatakan pada kos ditolak dengan elaun bagi kemerosotan, jika ada.

Pelaburan dalam syarikat usaha sama akan diambil kira dalam penyata kewangan yang digabungkan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian kemerosotan.

Gabungan penyata kewangan termasuk bahagian untung atau rugi Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, sejajar dengan dasar perakaunan Kumpulan, daripada tarikh pengaruh penting bermula hingga tarikh pengaruh penting berakhir. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan Kumpulan dengan syarikat usaha sama diambil kira dalam kunci kira-kira pada kos, ditambah dengan perubahan selepas pengambilalihan bahagian bersih Kumpulan aset usaha sama, tolak peruntukan penurunan nilai, jika ada. Kumpulan mengiktiraf bahagiannya dari hasil operasi usaha sama dalam penyata pendapatan gabungan.

### ***Syarikat-syarikat bersekutu***

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti dimana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama, ke atas dasar kewangan dan operasi entiti tersebut. Pengaruh ketara dianggap wujud jikalau Kumpulan memegang 20% atau lebih kuasa mengundi entiti lain.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu akan diambil kira dalam penyata kewangan yang digabungkan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian kemerosotan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi. Gabungan penyata kewangan termasuk bahagian untung atau rugi Kumpulan dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, sejajar dengan dasar perakaunan Kumpulan, daripada tarikh pengaruh penting bermula hingga tarikh pengaruh berakhir.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan lebih daripada kepentingan di dalam syarikat bersekutu, jumlah kepentingan yang dibawa ke hadapan termasuk pelaburan jangka panjang dikurangkan menjadi kosong, dan pengiktirafan kerugian ditamatkan melainkan Kumpulan mempunyai kewajipan atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, kepentingan yang kekal di syarikat bersekutu yang terdahulu pada tarikh apabila pengaruh penting telah hilang akan diukur pada nilai saksama dan jumlah ini akan dianggap sebagai jumlah permulaan aset kewangan yang dibawa ke hadapan. Perbezaan diantara nilai saksama kepentingan yang kekal dicampur dengan hasil daripada kepentingan yang dilupuskan dan jumlah pelaburan yang dibawa ke hadapan pada kaedah ekuiti ditamatkan akan diiktirafkan di dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu menurun akan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh penting, kepentingan yang kekal tidak akan diukur semula. Untung atau rugi daripada penurunan kepentingan akan diiktiraf di dalam untung atau rugi. Untung atau rugi yang diiktiraf terdahulu di dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi jikalau untung atau rugi itu perlu diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi pada pelupusan aset dan liabiliti berkenaan.

Di dalam penyata kewangan Bank, pelaburan di syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

### ***Kepentingan tidak dikawal***

